



Membina dan Membela



JOHOR CORPORATION

Laporan Tahunan 2013

Membina dan Membela



JOHOR CORPORATION

Level 2, PERSADA JOHOR, Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru, Johor, MALAYSIA.

☎ 607 219 2692

☎ 607 223 3175

@ pdnjohor@jcorp.com.my

🌐 www.jcorp.com.my

LAPORAN TAHUNAN
2013

Visi

Membina dan Membela

Misi

Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.

Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.

Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.

Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab korporat.

Rasional Muka Hadapan



Air berbentuk daun dan bunga yang menghiasi kulit hadapan menggambarkan usaha yang digembleng oleh Johor Corporation (JCorp) untuk terus membina negara Malaysia yang kukuh serta berkembang pesat demi masa depan yang gemilang. Elemen air merupakan satu sumber alam semulajadi yang membawa kepada kesuburan dan pertumbuhan kepada enam kuntum bunga iaitu melambangkan bisnes teras JCorp yang terdiri daripada Perladangan, Prisihatin (Penjagaan Kesihatan), Pembangunan Hartanah, Makanan & Perkhidmatan Restoran, Bisnes Intrapreneur serta Logistik. Kepelbagaian bisnes yang bercambah mekar ini mencerminkan keupayaan serta impak transformasi yang dilaksanakan sehingga berjaya membuahakan kejayaan cemerlang sekali gus mencapai aspirasi dan harapan berterusan Kerajaan

Negeri Johor terhadap JCorp sebagai entiti konglomerat yang menyumbang kepada pembangunan negeri dan keusahawanan, kepesatan ekonomi serta membela komuniti yang memerlukan.

KANDUNGAN



SEKSYEN 1

02 PENYATA KORPORAT



SEKSYEN 2

MENGENAI JOHOR CORPORATION

- 08 Profil dan Maklumat Korporat
- 10 Struktur Bisnes & Korporat
- 12 Lembaga Pengarah
- 14 Profil Lembaga Pengarah
- 17 Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
- 18 Jemaah Lembaga Tawaran Dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding
- 19 Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)
- 20 Jawatankuasa TERAJU Korporat
- 22 Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)
- 23 Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)



SEKSYEN 3

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

- 24 Ringkasan Prestasi Kewangan 2008-2013



SEKSYEN 4

PROSPEK

- 26 Laporan Ekonomi
- 27 Sektor Perladangan
- 34 Sektor Prisihatin (Kesihatan Pakar)
- 38 Sektor Makanan Dan Perkhidmatan Restoran
- 42 Sektor Pembangunan Hartanah
- 53 Sektor Hospitaliti
- 54 Sektor Bisnes Intrapreneur



SEKSYEN 5

TADBIR URUS KORPORAT

- 56 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 58 Laporan Jawatankuasa Audit
- 59 Penyata Kawalan Dalaman
- 60 Penyata Pengurusan Risiko



SEKSYEN 6

62 TANGGUNGJAWAB KORPORAT



SEKSYEN 7

- 68 Pembangunan Modal Insan
- 70 Anugerah dan Pengiktirafan



SEKSYEN 8

71 LAPORAN KEWANGAN

**YAB DATO' MOHAMED KHALED
BIN NORDIN**

Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation

**YB DATO' KAMARUZZAMAN
BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation





MISI KECEMERLANGAN

Fokus Pelaksanaan Pelan Strategik 2013-2022

TAHUN 2013 adalah tempoh yang penting untuk perjalanan transformasi Johor Corporation (JCorp). Perancangan transformasi yang merentasi kesemua bahagian bisnes JCorp membolehkannya mengoptimumkan sumber-sumber dan menyusun semula portfolio bisnes bukan sahaja bagi mewujudkan bisnes baharu malah untuk mengukuhkan perniagaan teras sedia ada.

Bermatlambat menjadikan JCorp sebuah konglomerat negeri yang mampu bersaing pada tahap tertinggi dan merentasi sempadan, JCorp telah melaksanakan penstrukturan semula pengurusan di peringkat ibu pejabat dan syarikat-syarikat utama dalam Kumpulan. Pengurusan yang dimantapkan ini adalah dengan menyemai bakat-bakat baharu, membuat penajajaran semula bisnes di samping melaksanakan pendekatan terkini mengikut kesesuaian dan keperluan bisnes semasa mahupun masa hadapan.

Inisiatif transformasi strategik sejak 2011 adalah berteraskan kepada kelangsungan entiti bisnes yang diimbangi dengan peranan pembangunan negeri terutama pembinaan rumah mampu milik di Iskandar Malaysia, pembangunan usahawan dan pembangunan perindustrian serta tanggungjawab korporat (CR) yang terus diberi penekanan.

JCorp telah memberikan komitmen untuk menyiapkan 8,000 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) menjelang 2020. Projek sulung di Taman Seroja menawarkan sejumlah 304 unit rumah berharga RM35,000, RM50,000 dan RM80,000 yang telahpun dimulakan dan dijangka siap awal 2015.

Pembangunan usahawan juga dipertingkatkan dengan meluaskan Program Tunas Bistari dengan pertambahan sekolah rendah dan menengah. JCorp turut menjadi rakan penggalak penting dalam industri minyak dan gas (O&G) di negeri ini.

PRESTASI KEWANGAN

Pada 2013, Kumpulan JCorp menempa sejarah apabila mencatat keuntungan sebelum cukai melepasi paras RM1 bilion iaitu berjumlah RM1.36 bilion sementara perolehan Kumpulan sebanyak RM6.38 bilion. Sebanyak 85 peratus daripada keuntungan ini disumbangkan oleh sektor teras iaitu perladangan, pembangunan hartanah dan prisihtin (kesihatan pakar).

Sektor perladangan terus mencatatkan perolehan memberangsangkan walaupun purata harga minyak sawit mentah (MSM) pada 2013 adalah lebih rendah

berbanding 2012. Pencapaian ini antaranya melalui pengeluaran buah tandan segar yang lebih baik dan penurunan kos pengeluaran MSM. Ini berjaya dilaksanakan menerusi pelbagai inisiatif penjimatan kos dan pengurusan ladang yang lebih efisien.

Kumpulan JCorp terus mengembangkan sektor prisihtin (kesihatan pakar) melalui pengambilalihan hospital baharu, menambah kapasiti hospital sedia ada dan membina hospital baharu untuk mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran (*market leader*) di Malaysia. Sektor tersebut menyumbang perolehan sebanyak RM2.3 bilion dan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM158 juta kepada Kumpulan JCorp bagi 2013.

Sektor pembangunan hartanah juga terus mencatat prestasi yang baik dengan menyumbang sebanyak RM1.1 bilion dari segi perolehan dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM412 juta. Hasil ini dicapai melalui penjualan unit rumah dan komersil di Bandar Dato' Onn serta Bandar Tiram selain penjualan tanah perindustrian dan peningkatan nilai hartanah strategik dalam Iskandar Malaysia.

Dengan prasarana ekonomi yang sentiasa berubah dan semakin kompetitif, JCorp terus komited untuk menyempurnakan pelan transformasi kewangannya dengan mencapai sasaran sifar hutang menjelang 2022.



PERSEKITARAN YANG MENCABAR

Tahun 2013 merupakan satu lagi tempoh mencabar bagi ekonomi domestik. Malaysia tidak terlepas daripada kesan krisis kewangan dan terpaksa akur kepada pertumbuhan yang perlahan pada kadar 4.7 peratus. Walaupun ia selaras dengan unjuran Bank Negara Malaysia, pertumbuhan itu jauh lebih rendah dari kadar 5.6 peratus yang dicapai pada 2012.

Penurunan taraf kredit Malaysia oleh Fitch Ratings adalah satu lagi isu penting yang mencetuskan kebimbangan terhadap fiskal negara. Namun, kebimbangan itu mulai reda berikutan langkah rasionalisasi subsidi oleh kerajaan.

Di Amerika Syarikat (AS) selaku ekonomi terbesar dunia, pertimbangan oleh Rizab Persekutuan untuk mengurangkan kadar pembelian bon dikenal sebagai *quantitative easing* telah menyebabkan ketidaktentuan dikalangan ekonomi membangun. Pertukaran arah aliran modal asing mendorong keadaan turun naik di pasaran matawang negara-negara membangun di mana Ringgit Malaysia turut diheret ke dalam kancah kepincangan. Bagaimanapun, program rasionalisasi subsidi tempatan telah dapat mengurangkan tekanan terhadap Ringgit Malaysia.

Selanjutnya, kesinambungan pertimbangan oleh Rizab Persekutuan AS untuk mengurangkan kadar pembelian bon telah meningkatkan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonominya yang lebih perlahan dan berkemungkinan menyebabkan kesan berlanjutan kepada ekonomi lain di dunia. Jangkaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di China sebagai ekonomi kedua terbesar dunia setelah mengambil langkah memperketatkan dasar moneterinya dan pada masa sama menghalang perkembangan pertumbuhan pinjaman yang agresif merupakan satu lagi kebimbangan terhadap ekonomi-ekonomi di rantau Asia.

Malaysia yang dijangka mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih baik pada 2014 di antara 5 hingga 5.5 peratus perlu bersedia menghadapi kesan risiko pertumbuhan ekonomi global yang lebih rendah. Ekonomi tempatan juga berhadapan dengan kemungkinan unjuran tersebut tidak akan tercapai.

PERISTIWA KORPORAT

Pengambilalihan semua aset dan liabiliti QSR Brands Bhd dan KFC Holdings (Malaysia) Bhd pada 2013 oleh QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd (dahulunya

Triple Platform Sdn Bhd) telah mengukuhkan pegangan ekuiti efektif JCorp secara langsung dalam bisnes francais korporat pengendali makanan dan restoran segera KFC dan Pizza Hut.

Selain itu, bagi memperkukuhkan sektor perladangan, JCorp sekali lagi melebarkan sayapnya ke Indonesia dan memperluaskan lagi pemilikan tanah perladangan Kulim sebanyak kira-kira 40,000 hektar. Ini dilakukan dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Bersyarat Jual Beli dengan PT Graha Sumber Berkah (PT GSB) pada 3 Oktober 2013 yang membabitkan pengambilalihan sehingga 75 peratus ekuiti dalam PT Wisesa Inspirasi Nusantara (PT WIN).

MoU tersebut turut menyaksikan kerjasama dan gabungan sumber untuk menerokai potensi bisnes O&G di Kalimantan.

Sektor prihatin (kesihatan pakar) pula menyaksikan pengembangan bisnes ke Bangladesh dengan menandatangani perjanjian pengurusan hospital di Dhaka. Tahun 2013 juga menyaksikan pertambahan dua hospital baharu iaitu di Pasir Gudang, Johor dan Seri Manjung, Perak.

Dalam sektor pembangunan hartanah, penjualan Pusat Bandar Damansara disempurnakan pada akhir 2013. Menerusi penyempurnaan ini, JCorp telah memperolehi bangunan baharu, VSQ1 di Petaling Jaya dan 80,000 kaki persegi ruang perniagaan pembangunan Pusat Bandar Damansara yang baharu.



Selain itu, KOMTAR melalui proses penjenamaan semula sebagai KOMTAR JBCC yang akan merangkumi 1,057,293 kaki persegi ruang perniagaan, menara pejabat yang dinaiktaraf, satu bangunan baharu dan sebuah hotel bertaraf 4 bintang.

Penglibatan JCorp dalam industri O&G di Pelabuhan Tanjung Langsat (TLP) juga dipertingkatkan apabila tapak seluas 41.6 hektar sedang giat dibangunkan sebagai pangkalan bekalan marin manakala 20.3 hektar lagi dijadikan hab pergudangan dan logistik. Ini sekali gus bakal melengkapkan TLP sebagai hab O&G utama di selatan Johor manakala dua dermaga baharu yang dijangka beroperasi Mei 2014 ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian dan kecekapan di pelabuhan berkenaan.

JCorp juga telah menandatangani perjanjian penjualan pegangan ekuitinya dalam Damansara Realty Berhad. Dengan penjualan ini, JCorp berharap dapat memberikan tumpuan dan menyalurkan sebahagian besar sumbernya kepada perniagaan teras selain langkah ini seiring dengan hasrat kerajaan untuk menambahkan bilangan penglibatan Bumiputera dalam sektor korporat.

TADBIR URUS KORPORAT

Menyedari ia menjadi nadi kepada sebuah entiti, maka dasar pematuhan JCorp terhadap tadbir urus korporat dan amalan-amalan terbaik tidak pernah dikompromi. Tadbir urus korporat adalah asas kepada prestasi JCorp untuk terus kukuh dan perkasa serta berdaya saing dalam ketidaktentuan pasaran domestik mahupun global. Pematuhan itu juga sejajar dengan etika dan budaya dalam Kumpulan yang secara konsisten mengamalkan inisiatif bagi mempertingkatkan mutu tadbir urus korporat dalam segenap aktiviti mahupun transaksi bisnes syarikat dalam Kumpulan.

Pada 2013, JCorp melangkah setapak lagi dalam memperkukuhkan sistem tadbir urus korporatnya apabila secara rasmi membuat Ikrar Integriti Korporat. JCorp juga melantik seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk berkhidmat di ibu pejabat bagi mengesan lebih awal sebarang elemen yang menjurus ke arah penyelewengan kuasa atau rasuah dalam apa jua bentuk dan skala.

Selama ini, JCorp mempertahankan kewibawaan dan integriti struktur tadbir urus korporatnya dengan membina *firewall* dalaman yang jelas, pelaporan dan garis pertanggungjawaban serta mewujudkan prosedur yang mudah difahami. Struktur itu diselia secara berwibawa menerusi pelbagai jawatankuasa yang berupaya memenuhi keperluan membuat keputusan pada setiap peringkat meliputi operasi, kewangan mahupun isu-isu strategik.

Jawatankuasa terpenting itu terdiri daripada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding, Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU), Jawatankuasa Teraju Korporat, Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS).

MODAL INSAN CEMERLANG

Modal insan sentiasa diiktiraf sebagai tunggak utama kepada Kumpulan JCorp dalam memastikan pencapaian misi dan objektif yang ditetapkan.

Dengan kekuatan lebih 70,000 anggota pekerja yang berbekalkan bakat dan pelbagai latar belakang, mereka merupakan kunci kepada kejayaan Kumpulan dalam meneruskan kesinambungan ke arah pertumbuhan mapan.

JCorp mengutamakan pelaburan dalam pembangunan modal insan kerana ini akan



memastikan semua anggota pekerja berada pada tahap kesediaan optimum untuk menjalankan tugas masing-masing dan menyumbang kepada kemajuan organisasi.

Melalui Pelan Strategik 2013-2022, beberapa strategi utama untuk meningkatkan pembangunan modal insan telah digariskan bagi memberi peluang untuk pembaharuan sendiri dengan tumpuan kepada program menyediakan anggota pekerja Kumpulan JCorp yang berupaya menghadapi cabaran dan perubahan ketika dalam perjalanan transformasi Kumpulan.

Tahun demi tahun, anggota pekerja Kumpulan JCorp terus membuktikan keupayaan dengan pelbagai siri pencapaian yang amat membanggakan. Semangat dan iltizam yang mereka tunjukkan memang tidak boleh dinafikan dan inilah sumber kekuatan dan harapan bahawa perjalanan hebat transformasi ini baharu sahaja bermula dan banyak lagi kejayaan lebih gemilang sedang menanti.

ANUGERAH DAN PENGKIRTAFAN

Akauntabiliti dan ketelusan dalam segala aspek pengurusan yang dilaksanakan secara sistematik serta berterusan dalam JCorp sekali lagi melayakkannya menerima Anugerah 4 Bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara pada 2013 sekali gus ia adalah pencapaian untuk tahun keenam berturut-turut.

JCorp juga tidak ketinggalan menerima pengiktirafan antarabangsa apabila memenangi anugerah daripada *Association of Development Financing Institutions In Asia and The Pacific (ADFIAP)* 2013 bagi *Corporate Governance Category* dalam majlis berlangsung di Ulaanbaatar, Mongolia pada 22 Mei 2013.

Sementara itu, Laporan Tahunan 2012 Kulim (Malaysia) Berhad telah merangkul Anugerah NACRA 2013. Kejayaan bagi Kategori Syarikat Papan Utama – Perlindungan dan Perlombongan ini adalah untuk kali keenam berturut-turut.

Selain itu, pelaburan proaktif melalui program intrapreneur JCorp yang melibatkan pengurusan makro yang aktif dan transformasi menyaksikan lima syarikat intrapreneur Kumpulan tersenarai sebagai 100 Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana paling berjaya di bawah Anugerah SME100.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Dalam perjalanan transformasi ini, agenda CR sememangnya terpahat dalam setiap tindakan dan keputusan yang dibuat. Dalam melaksanakan CR, JCorp sentiasa memberikan keutamaan dalam memastikan keseimbangan antara keuntungan dan konglomerat negeri yang bertanggungjawab.

Sumbangan JCorp kepada rakyat merangkumi beberapa sektor iaitu program kebajikan dan kemasyarakatan, sukan dan rekreasi, pendidikan dan kesihatan serta *Fisabilillah* selain keusahawanan menerusi Organisasi Bisnes Amal (OBA).



SEKALUNG BUDI

Jasamu tetap dikenang - JCorp dengan penuh takzim merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Abdul Ghani Othman, mantan Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Johor Corporation di atas segala sumbangan beliau termasuk dalam melakar aspirasi dan visi mahupun panduan, pandangan serta nasihat sepanjang 18 tahun (1995-2013) beliau menjadi Pengerusi JCorp sehingga membolehkan entiti ini terus kukuh sekaligus mencapai kejayaan membanggakan dalam tempoh berkenaan.

Kepada YB Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof (11 Januari 2006 – 14 Ogos 2013); YB Dato' Haji Ahmad Zahri bin Jamil (9 September 2009 – 8 September 2013); YBhg Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria (1 Julai 2011 – 30 September 2013); YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff (1 Februari 2009 – 31 Oktober 2013); dan YB Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha (15 Ogos 2006 – 31 Disember 2013), pihak JCorp turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas khidmat serta sumbangan sebagai ahli Lembaga Pengarah sehingga tarikh persaraan masing-masing.

AHLI LEMBAGA PENGARAH

Bagi memenuhi kekosongan Ahli Lembaga Pengarah yang bersara, JCorp melantik ahli baharu untuk mengisi kekosongan itu. Justeru, pihak JCorp mengucapkan tahniah di atas pelantikan YBhg Dato' Siti Zauyah binti Md Desa (11 Mac 2013); YB Tuan Haji Md Jais bin Haji Sarday (1 September 2013); YBhg Encik Izaddeen bin Daud (1 September 2013); YBhg Datuk Mohd Hashim bin Abdullah (1 Disember 2013); YBhg Dato' Habsah binti Hashim (1 Disember 2013); serta YB Dato' Ishak bin Sahari (1 Januari 2014), bagi mengisi jawatan tersebut.

PENGHARGAAN

Mengimbuai kembali kejayaan 2013 ia bukan suatu kejayaan yang mudah. Ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan daripada Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Malaysia dan semua badan berkaitan, pihak bank dan penasihat kewangan, pelanggan, rakan strategik, pemegang kepentingan terbesar serta kesungguhan lebih 70,000 anggota pekerja kumpulan JCorp.

JCorp juga amat menghargai semua pemegang saham senaraian awam dan institusi yang membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat tersenarai dalam Kumpulan dan telah menyatakan atau memberikan sokongan terhadap semua pelan korporat dan transaksi bisnes sepanjang 2013.

Penghargaan dan terima kasih di atas segala panduan, kebijaksanaan serta kepakaran seluruh Ahli Lembaga Pengarah yang berjaya meletakkan entiti ini di atas landasan kukuh dalam meneruskan operasi bisnes, melaksanakan peranan serta memberikan perkhidmatan berkualiti dan mempertingkatkan rantaian nilai dan sinergi bisnes demi semua pemegang kepentingan mahupun masyarakat amnya.

Anggota pekerja Kumpulan JCorp juga telah berupaya mengendalikan operasi sedia ada dan pada masa sama menjayakan satu transformasi besar dari segi organisasi mahupun individu bagi menghasilkan kejayaan ini.



Tidak dilupakan juga penghargaan ditujukan khas kepada lebih 70,000 anggota pekerja sama ada barisan pengurusan mahupun sokongan di atas segala komitmen, dedikasi dan kesetiaan yang diberikan sehingga berjaya meletakkan Kumpulan JCorp di atas persada kejayaan yang terus membanggakan.

DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN

Pengerusi
Johor Corporation

DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation (JCorp) ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Johor Corporation Bil. 4 1968 (sebagaimana dipinda di bawah Enakmen No. 5, 1995). Sebagai sebuah Badan Pelaburan Negeri, JCorp melalui syarikat dalam Kumpulan menceburi bisnes utama merangkumi Sektor Perladangan, Prisihtin (Kesihatan Pakar), Makanan & Perkhidmatan Restoran, Pembangunan Hartanah, Khidmat Sokongan & Pelaburan, Hospitaliti, Bisnes Intrapreneur serta Bisnes Baharu.



JCorp kini menjadi peneraju pasaran tempatan dalam beberapa bisnes utamanya, khasnya dalam Sektor Prisihtin (Kesihatan Pakar) serta Makanan & Perkhidmatan Restoran. Sektor Perladangan memiliki operasi dan kepentingan bisnes bukan sahaja di Malaysia malah meliputi Indonesia, Papua New Guinea, Kepulauan Solomon dan United Kingdom. Sektor Makanan & Perkhidmatan Restoran pula melebar dari Malaysia sehingga ke Singapura, Brunei, Filipina, Kemboja dan India. Sektor Prisihtin (Kesihatan Pakar) yang diterajui JCorp di dalam negara, telah dikembangkan ke Indonesia, Australia, Thailand dan Bangladesh.

Setelah lebih 43 tahun ditubuhkan, JCorp sebagai sebuah entiti bisnes pacuan pasaran kini memberi fokus untuk merealisasikan matlamat yang digariskan dalam pelan transformasi strategik bisnesnya, dan pada masa sama mengimbangi obligasi dan komitmennya. JCorp telah menterjemahkan keupayaan dengan mengekalkan prestasi kewangan dan korporat yang cemerlang di sebalik ketidaktentuan ekonomi global. Sebaliknya, dengan asas bisnes yang kukuh, keupayaan modal insannya, pematuhan etika korporat dan amalan nilai-nilai murni, serta berhemah dan berstrategi, JCorp terus melebarkan sayap pasaran sambil menceburi bisnes baharu demi meneruskan peranan sebagai agen pembangunan negeri dan melaksanakan tanggungjawab korporatnya.



Pejabat Berdaftar JOHOR CORPORATION

Level 2, PERSADA JOHOR
Jalan Abdullah Ibrahim
80000 Johor Bahru
Johor.
Telefon: 607-219 2692
Faks: 607-223 3175
ISO Faks: 607-224 2692
E-mel: pdnjohor@jcorp.com.my

PEJABAT JOHOR CORPORATION CAWANGAN KUALA LUMPUR

Level 11, Menara JCorp
No 249 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-27872692
Faks: 03-27872700

Laman Web

www.jcorp.com.my

Juru Audit

Ernst & Young
Suite 11.2, Level 11
Menara Pelangi
80400 Johor Bahru
Johor.


Bank Utama MAYBANK


Lot M1-22
106-108 City Square
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru
Johor.



Pembangunan Komtar JBCC di Johor Bahru mengikut lakaran artis.

STRUKTUR BISNES & KORPORAT





LEMBAGA PENGARAH



YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN

Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation



YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA

Ketua Setiausaha Negara
Timbalan Pengerusi Johor Corporation



YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation



YB DATO' HAJI OBET BIN TAWIL
Setiausaha Kerajaan Johor
Pengerusi Jemaah Lembaga Tawaran
Dan Jemaah Lembaga Pelantikan
Perunding

YB DATO' ISHAK BIN SAHARI
Penasihat Undang-Undang
Negeri Johor

**YB TUAN HAJI MARSAN
BIN KASSIM**
Pegawai Kewangan Negeri Johor



**YB TUAN HAJI MD JAIS
BIN HAJI SARDAY**
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan,
Penerangan, Pembangunan Usahawan
& Koperasi Negeri Johor

**YBHG DATO' SITI ZAUYAH
BINTI MD DESA**
Setiausaha
Bahagian Syarikat Pelaburan
Kerajaan, Kementerian Kewangan

**YBHG DATUK MOHD HASHIM
BIN ABDULLAH**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian &
Industri Asas Tani




**YBHG DATO' HAFSAH
BINTI HASHIM**
Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation Malaysia

**YBHG ENCIK IZADDEEN
BIN DAUD**
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah
Johor Corporation

**ENCIK IDHAM JIHADI
BIN ABU BAKAR**
Setiausaha
Johor Corporation

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



1. YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN

Pengerusi Johor Corporation

Berumur 56 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 Mei 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.

2. YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA

Timbalan Pengerusi Johor Corporation

Berumur 59 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009 mewakili Kerajaan Persekutuan. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.

3. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 50 tahun. Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) daripada Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau telah menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2010 dan sebagai Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.

4. YB DATO' HAJI OBET BIN TAWIL

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 60 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 Mac 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Johor.

5. YB DATO' ISHAK BIN SAHARI

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 52 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1986. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

6. YB TUAN HAJI MARSAN BIN KASSIM

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 59 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 28 Jun 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

7. YB TUAN HAJI MD JAIS BIN HAJI SARDAY

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 47 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor.

**8. YBHG DATO' SITI ZAUYAH
BINTI MD DESA**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 55 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 11 Mac 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, United Kingdom, Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN. Beliau kini merupakan Setiausaha, Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

9. YBHG DATUK MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 60 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Disember 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya pada 1979, Diploma Pengurusan Awam dari INTAN pada 1984 dan Sarjana Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2001. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**10. YBHG DATO' HAFSAH
BINTI HASHIM**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 57 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Disember 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Sarjana dalam Pentadbiran Bisnes dari Aston University, United Kingdom. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia.

**11. YBHG ENCIK IZADDEEN
BIN DAUD**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 46 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perakaunan dan Undang-Undang (Kepujian) dari De Montfort University, Leicester, United Kingdom pada 1991 dan kini merupakan Pengarah Universiti Utara Malaysia dan Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan UUM. Beliau juga adalah Pengarah Iskandar Investment Berhad, Permodalan Darul Takzim dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor.

**12. ENCIK IDHAM JIHADI
BIN ABU BAKAR**


Setiausaha

Berumur 47 tahun. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 19 Julai 2013. Beliau merupakan setiausaha syarikat bertauliah dan berkelulusan Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK). Beliau merupakan Ahli Bersekutu Persatuan Institut Setiausaha-Setiausaha dan Pentadbir-Pentadbir Berkanun Malaysia. Beliau kini merupakan Pengurus Besar, Pro Corporate Management Services Sdn Bhd.



YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation menandatangani Ikrar Integriti Korporat sambil disaksikan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi Johor Corporation pada 26 November 2013 di Persada Johor.

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH



PENGERUSI

1. **YBhg Encik Izaddeen Bin Daud**
Pengarah Bebas


AHLI-AHLI

2. **YBhg Tan Sri Datuk Dr Hadenan Bin A. Jalil**
Ahli Bebas
3. **Puan Hajah Zainah Binti Mustafa**
Ahli Bebas

SETIAUSAHA

4. **Encik Onn Bin Ismail**
Naib Presiden
Pematuhan & Pengurusan Risiko

JEMAAH LEMBAGA TAWARAN DAN JEMAAH LEMBAGA PELANTIKAN PERUNDING



PENGERUSI

1. **YB Dato' Haji Obet Bin Tawil**
Setiausaha Kerajaan Johor

4. **Tuan Haji Zulkifli Bin Ibrahim**
Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi


AHLI-AHLI

2. **YB Tuan Haji Marsan Bin Kassim**
Pegawai Kewangan Negeri Johor
3. **YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim**
Presiden & Ketua Eksekutif

SETIAUSAHA

5. **Encik Abdul Rahim Bin Mustafa**
Pengurus Kanan
Jabatan Khidmat Hartanah

JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)



PENGERUSI

1. **YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim**
Presiden & Ketua Eksekutif

AHLI-AHLI


2. **Tuan Haji Ahamad Bin Mohamad**
Pengarah Urusan
Kulim (Malaysia) Berhad
3. **Tuan Haji Zulkifli Bin Ibrahim**
Naib Presiden Kanan /
Ketua Pegawai Operasi
4. **Tuan Haji Jamaludin Bin Md Ali**
Pengarah Eksekutif / Timbalan Presiden,
Pembangunan Bisnes
Kulim (Malaysia) Berhad / Pengerusi JAWS
5. **Tuan Haji Lukman Bin Haji Abu Bakar**
Pengarah Urusan, Johor Land Berhad /
Ketua Eksekutif, Bahagian Pembangunan
Hartanah
6. **Tuan Haji Yusof Bin Rahmat**
Naib Presiden,
Divisyen Bisnes Amal &
Pelaburan Waqaf /
Ketua Pegawai Eksekutif,
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

7. **Tuan Haji Aminudin Bin Dawam**
Naib Presiden,
Divisyen Hartanah &
Pembangunan Bisnes
8. **Encik Wan Azman Bin Ismail**
Naib Presiden,
Divisyen *Special Administration*
9. **Encik Mohamed Izaham Bin Abdul Rani**
Pengarah Eksekutif
QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd
10. **Tuan Haji Amiruddin Bin Abdul Satar**
Pengarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad
11. **Puan Hajah Azizah Binti Ahmad**
Pengurus Besar
Akademi JCorp Sdn Bhd

SETIAUSAHA BERSAMA

12. **Encik Idham Jihadi Bin Abu Bakar**
Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd
13. **Encik Alfadzilah Bin Haji Mat Aris**
Pengurus, Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

JAWATANKUASA TERAJU KORPORAT



PENGERUSI

1. **Tuan Haji Zulkifli Bin Ibrahim**
Naib Presiden Kanan /
Ketua Pegawai Operasi

AHLI-AHLI


2. **Tuan Haji Aminudin Bin Dawam**
Naib Presiden,
Divisyen Hartanah &
Pembangunan Bisnes
3. **Encik Wan Azman Bin Ismail**
Naib Presiden,
Divisyen *Special Administration*
4. **Tuan Haji Abdul Rahman Bin Sulaiman**
Pengarah Eksekutif,
Kulim (Malaysia) Berhad /
Pengarah Eksekutif,
Tanjung Langsat Port Sdn Bhd
5. **Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Samad**
Pengarah Urusan
TPM Technopark Sdn Bhd
6. **Tuan Haji Yusaini Bin Sidek**
Pengarah Urusan
Damansara Reit Managers Sdn Bhd
& Pengarah Eksekutif
Damansara Assets Sdn Bhd
7. **Encik Mohd Sahir Bin Rahmat**
Naib Presiden (1)
Perkhidmatan Korporat
KPJ Healthcare Berhad
8. **Tuan Haji Mohd Razif Bin Ab. Rahim**
Pengurus Besar Kanan
Johor Land Berhad

9. **Encik Kamaruldzaman Bin Salleh**
Ketua Khidmat Korporat
QSR Brands (M) Holdings
Sdn Bhd
10. **Encik Idham Jihadi Bin Abu Bakar**
Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd
11. **Puan Wan Su Binti Ali**
Pengurus Besar
Jabatan Undang-Undang
12. **Puan Rabiatal Adawiah Binti Adnan**
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah
13. **Puan Hajah Norishah Binti Mohd Seth**
Pengurus Besar
Bisnes & Pelaburan
Waqaf An-Nur Corporation Berhad
14. **Tuan Haji Bukhari Bin Abd Rahman**
Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Bisnes
Jabatan Perhubungan & Komunikasi Korporat
15. **Encik Mohd Bahrin Bin Bakri**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Kewangan

SETIAUSAHA BERSAMA

16. **Encik Jamalludin Bin Kalam**
Timbalan Pengurus Besar
Pro Corporate Management
Services Sdn Bhd
17. **Puan Rashidah Binti Md Daud**
Eksekutif,
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)



PENGERUSI

1. **Tuan Haji Aminudin Bin Dawam**
Naib Presiden,
Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes

TIMBALAN PENERUSI

2. **Puan Hajah Azizah Binti Ahmad**
Pengurus Besar
Akademi JCorp Sdn Bhd

AHLI-AHLI


3. **Puan Wan Su Binti Ali**
Pengurus Besar
Jabatan Undang-Undang
4. **Encik Md Zin Bin Md Yasin**
Pengurus Besar
Damansara Assets Sdn Bhd
5. **Tuan Haji Rosdi Bin Yaacob**
Pengurus Besar
TPM Technopark Sdn Bhd
6. **Encik Razman Bin Radzi**
Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Modal
Insan & Pentadbiran
7. **Puan Rabiatal Adawiah Binti Adnan**
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah

8. **Encik Jamalludin Bin Kalam**
Timbalan Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd
9. **Encik Mohd Bahrin Bin Bakri**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Kewangan
10. **Encik Md Faizal Bin Abdullah**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Korporat Strategi &
Kewangan Korporat
11. **Cik Narimah Binti Abdullah**
Timbalan Pengurus Besar /
Pembantu Khas Kepada
Naib Presiden Kanan /
Ketua Pegawai Operasi
12. **Tuan Haji Mohd Hanizam Bin Abdul Aziz**
Pengurus
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

SETIAUSAHA

13. **Encik Muhammad Ashraf Bin Mohd Yunus**
Eksekutif
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)



PENGERUSI

1. **Tuan Haji Jamaludin Bin Md Ali**
Pengarah Eksekutif /
Timbalan Presiden, Pembangunan Bisnes
Kulim (Malaysia) Berhad

AHLI-AHLI

2. **Tuan Haji Aminudin Bin Dawam**
Naib Presiden,
Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes
3. **Tuan Haji Amiruddin Bin Abdul Satar**
Pengarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad
4. **Encik Mohamed Izaham Bin Abdul Rani**
Pengarah Eksekutif
QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd
5. **Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Samad**
Pengarah Urusan
TPM Technopark Sdn Bhd
6. **Tuan Haji Bukhari Bin Abd Rahman**
Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Bisnes
Jabatan Perhubungan & Komunikasi Korporat
7. **Encik Idham Jihadi Bin Abu Bakar**
Pengurus Besar
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd


8. **Tuan Haji Ja'apar Bin Samat**
Pengerusi
JCorp Intrapreneur (M) Berhad
9. **Puan Rabiatul Adawiah Binti Adnan**
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah
10. **Encik Abdul Shukor Bin Abdullah**
Pengurus Besar
Kulim (Malaysia) Berhad
11. **Encik Mohd Bahrin Bin Bakri**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Kewangan
12. **Encik Md Faizal Bin Abdullah**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Korporat Strategi & Kewangan Korporat
13. **Puan Hajah Andek Noor Hidayah Binti Bachok**
Timbalan Pengurus
Jabatan Undang-Undang

SETIAUSAHA


14. **Encik Muhammad Ashraf Bin Mohd Yunus**
Eksekutif
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2008-2013


PEROLEHAN (KUMPULAN)




PEROLEHAN (JCORP)




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (KUMPULAN)




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (JCORP)




KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (KUMPULAN)




KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (JCORP)




JUMLAH ASET (KUMPULAN)




JUMLAH ASET (JCORP)




JUMLAH LIABILITI (KUMPULAN)




JUMLAH LIABILITI (JCORP)



JUMLAH EKUITI (KUMPULAN)



JUMLAH EKUITI (JCORP)



LAPORAN EKONOMI 2013

Hakikatnya, 2013 merupakan satu lagi tempoh yang mencabar bagi ekonomi tempatan berikutan kesan krisis kewangan dan terpaksa akur dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan pada kadar 4.7 peratus seperti dilaporkan Bank Negara Malaysia (BNM). Walaupun kadar itu seperti unjuran BNM iaitu di antara 4.5 hingga 5 peratus namun pertumbuhan tersebut jauh lebih rendah berbanding kadar 5.6 peratus pada 2012. Pertumbuhan perlahan itu ekoran kesan kelembapan pertumbuhan ekonomi global dan mengesahkan kegoyahan ekonomi tempatan akibat kepincangan global.

Pada masa sama, Malaysia terus bergantung kepada permintaan dan penggunaan domestik. Penurunan taraf kredit Malaysia oleh Fitch Ratings turut mencetuskan kebimbangan terhadap kedudukan fiskal negara. Namun kebimbangan itu mulai reda apabila kerajaan melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi harga petrol dan tarif elektrik serta pemansuhan subsidi gula. Tindakan itu turut membantu mengurangkan tekanan terhadap Ringgit Malaysia.

Selain itu, pertukaran arah aliran modal asing mendorong keadaan turun naik di pasaran matawang negara membangun apabila Ringgit Malaysia turut diheret ke kancah kepincangan. Bagaimanapun Ringgit Malaysia tidak terjejas seteruk Rupiah Indonesia dan Rupee India kerana asas fundamental dua negara tersebut dibebani defisit akaun semasa yang tinggi.

Di Amerika Syarikat (AS), pertimbangan oleh Rizab Persekutuan mengurangkan kadar pembelian bon dikenali sebagai *quantitative easing* membangkitkan ketidakpastian kalangan ekonomi membangun. Selanjutnya, kebuntuan politik AS berhubung isu belanjawan dan perdebatan berterusan berhubung isu saling hutangnya telah meningkatkan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi lebih perlahan negara itu dan berkemungkinan menyebabkan kesan berlanjutan kepada ekonomi lain di dunia.

Selain itu, jangkaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di China selaku kuasa ekonomi kedua terbesar dunia yang mengambil langkah memperketatkan dasar kewangannya dan pada masa sama menghalang perkembangan pertumbuhan pinjaman yang agresif, juga merupakan satu lagi kebimbangan terhadap ekonomi di Asia.

PROSPEK EKONOMI 2014

Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada 2014 iaitu antara paras 5 hingga 5.5 peratus. Namun hakikatnya, ia masih diancam risiko pertumbuhan ekonomi global yang lebih rendah dan ekonomi domestik berhadapan kemungkinan unjuran tersebut tidak akan tercapai.

Sementara itu, kedudukan fiskal ekonomi negara terus menjadi tumpuan utama. Walaupun defisit fiskal Malaysia diturunkan ke paras 3.9 peratus dari kadar Keluaran Dalam Negara Kasar pada 2013 berbanding 4.5 peratus pada 2012, risiko kemerosotan kedudukan kredit yang mendorong penurunan taraf kredit tidak boleh disangkal.

Peningkatan kos aktiviti bisnes juga tidak akan membantu ekonomi. Oleh itu, penting bagi ekonomi tempatan menjadi lebih menyeluruh, tidak bergantung dengan meluasnya terhadap dorongan tempatan dan perlu mengembleng kekuatan dalam pasaran eksport dengan mempertimbangkan prospek pemulihan negara maju untuk mendapatkan nilai tambahan.

Risiko pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi tempatan memberi gambaran jelas mengenai persekitaran bisnes yang mencabar kepada entiti seperti Johor Corporation (JCorp). Bisnes asas JCorp terutama Sektor Perladangan dan Sektor



Prisihat (Penjagaan Kesihatan) yang berurusan dengan pasaran tempatan serta antarabangsa menjadikan konglomerat itu lebih dipengaruhi oleh kejutan global dan risikonya.

Oleh itu, inisiatif terhadap pelaksanaan bisnes lebih berinovatif, mempunyai nilai tambah yang tinggi dan keputusan berhemah mendapatkan kedudukan kompetitif lebih baik dalam situasi bisnes yang lebih rumit adalah sangat kritikal kepada setiap entiti bisnes termasuk JCorp.

Operasi bisnes lebih berhemah dan keputusan bisnes yang bijak dalam memastikan kos operasi ditangani secara efektif amat penting kepada kesinambungan bisnes JCorp. Ini sejajar dengan tujuan kerajaan untuk memperbaiki kedudukan fiskal negara melalui reformasi subsidi dan perbelanjaan berhemah.

Bagaimanapun, di Johor di mana JCorp telah mengukuhkan kedudukannya; pengiktirafan sebagai negeri destinasi pelaburan utama Malaysia dengan nilai pelaburan sejumlah RM14.4 bilion dalam sektor pembuatan dijangka menambah peluang bisnes yang berterusan kepada JCorp. Kesan positif berganda dari persekitaran bisnes yang lebih menguntungkan memberi manfaat menyeluruh kepada bisnes konglomerat ini.

SEKTOR PERLADANGAN



2013 merupakan satu lagi tahun yang penuh peristiwa bagi Kumpulan Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim). Segmen Perladangan dan Intrapreneur Ventures (IV) Kulim telah mempamerkan prestasi yang memberangsangkan. Pada masa sama, Kulim mengambil langkah merealisasikan peluang-peluang baharu di sektor minyak & gas (O&G) yang bakal meluaskan lagi bisnes Kulim untuk pertumbuhan pada masa akan datang, sebagaimana dilaporkan pada 2012. Khususnya pada 2013, Kulim telah mengambil alih sebuah syarikat tempatan yang terlibat dalam aktiviti sokongan sektor O&G dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan PT Graha Sumber Berkah (PT GSB) untuk bekerjasama dan menggabungkan sumber bagi meneroka potensi bisnes O&G di Indonesia. Di samping itu, MoU dengan PT GSB juga akan melibatkan penubuhan usahasama untuk membuka ladang sawit seluas 40,000 hektar di Kalimantan.

Industri minyak sawit masih merupakan tulang belakang kepada ekonomi Malaysia dan Kulim akan terus bersama memainkan peranan dalam mencari penyelesaian inovatif terhadap cabaran industri dalam era globalisasi yang semakin sukar. Pembangunan yang mengimbangi ekologi dan ekonomi mapan akan terus menjadi falsafah Kulim dalam pembangunan kawasan baharu ladang sawit.

Pegangan signifikan Kulim dalam New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) menghasilkan sumbangan yang besar kepada keputusan Kumpulan sejak 17 tahun lalu. Lantaran itu, bagi mempertingkatkan prestasi tersebut, Kulim telah melancarkan Tawaran Separa untuk mengambil alih sehingga 20 peratus kepentingan dalam NBPOL pada Jun pada Harga Tawaran GBP 5.50 sesaham. Namun begitu, Tawaran Separa tersebut telah diisytiharkan luput pada 5 September 2013 apabila Kulim tidak dapat menyempurnakannya disebabkan undang-undang baharu yang digubal di Papua New Guinea (PNG) selepas Tawaran Separa dilancarkan.

Bagaimanapun, dengan kepentingan Kulim sebanyak 49 peratus dalam NBPOL dan menurut FRS 10: Penyata Kewangan Disatukan, NBPOL kemudian berjaya disatukan semula sebagai syarikat anak Kulim.

Pengemaskinian bisnes IV Kulim kini membuahkan hasil dengan pantas berikutan pelupusan dua syarikat IV yang telah disempurnakan pada

2013. Portfolio Kumpulan yang diperbaharui ini telah direka bentuk dengan teliti untuk mengimbangi dan mencerminkan kitaran industri serta pasaran. Ia akan dikaji semula secara berkala berlandaskan objektif strategik dan kewangan Kumpulan untuk menghasilkan keuntungan optimum dan memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham. Kulim yakin bahawa penglibatan dalam sektor O&G menandakan pembukaan satu lagi bab baharu yang mencabar dalam sejarah Kulim.

PERKEMBANGAN KORPORAT **Penglibatan Semula ke Indonesia** **Dalam Perladangan dan O&G**

Kulim menandatangani MoU dan Perjanjian Jual Beli Bersyarat (CSPA) dengan PT GSB pada 3 Oktober 2013 yang membabitkan pengambilalihan sehingga 75 peratus ekuiti dalam PT Wisesa Inspirasi Nusantara (PT WIN). Ini menyaksikan Kulim sekali

lagi melebarkan sayapnya ke sektor perladangan di Indonesia, kali ini di Daerah Barito Utara, Kalimantan Tengah, sekaligus memperluaskan lagi pemilikan tanah Kulim kira-kira 40,000 hektar. Dalam MoU tersebut turut menyatakan hasrat jangka panjang Kulim dan PT GSB untuk bekerjasama serta menggabungkan sumber untuk menerokai potensi bisnes O&G di Indonesia.

Pihak berkuasa Indonesia melalui Badan Koordinasi Penanaman Modal (BKPM), telah mengeluarkan Izin Prinsip untuk pelaburan asing yang meluluskan pertukaran status korporat PT WIN kepada syarikat Penanaman Modal Asing (PMA), tertakluk kepada pegangan ekuiti maksimum Kulim sebanyak 74 peratus dalam syarikat PT WIN. Pengambilalihan PT WIN selesai pada 14 Februari 2014 dan satu Perjanjian Pemegang Saham yang menyelia aspek-aspek penting berkenaan usahasama itu dimeterai oleh Kulim dan PT GSB pada tarikh sama. Pada 17 Februari 2014, Kulim mengisytiharkan di Bursa Malaysia bahawa CSPA tersebut telahpun disempurnakan.

Selaras dengan komitmen terhadap pembangunan mapan, Kulim telah melantik Daemeter Consulting, sebuah firma perunding terkemuka di Indonesia untuk memulakan program penghubungan yang perlu dengan pihak berkepentingan, meliputi kajian sosio-ekonomi, budaya, kepelbagaian biologi dan alam sekitar, bermula Jun 2013. Di samping itu, selaras dengan peraturan-peraturan di Indonesia, Kulim diwajibkan untuk memperoleh kelulusan ke atas laporan Analisis Mengenai Dampak Lingkungan (AMDAL). Semua dokumentasi dan pendedahan yang diperlukan dijangka dikemukakan kepada agensi-agensi Kerajaan Indonesia yang berkaitan dan untuk pengesahan RSPO pada suku kedua 2014.

Menceburi Industri Perkhidmatan O&G di Malaysia

Kulim mengenalpasti industri O&G sebagai satu segmen baharu untuk diterokai dan telah mengorak langkah pertama ke dalam industri tersebut melalui pengambilalihan 60 peratus kepentingan dalam Danamin (M) Sdn Bhd (Danamin) pada Jun 2013 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.9 juta. Pada masa ini, syarikat tersebut dikategorikan di bawah segmen IV Kulim. Danamin terlibat dalam penyediaan perkhidmatan Ujian Tanpa Musnah (*Non-Destructive Testing* atau NDT) dan kejuruteraan elektrik untuk industri pembinaan, kimia serta O&G. Dengan sokongan padu daripada Kulim sebagai syarikat induk baharu, fokus Danamin kini tertumpu kepada pengukuhan bisnes NDT sedia ada serta mengaplikasi suntikan modal baharu daripada Kulim untuk mengembangkan kapasiti pembuatan paipnya di Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor. Ini adalah bagi mengambil kesempatan daripada kedudukannya yang berdekatan dengan projek *Refinery And Petrochemicals Integrated Development* (RAPID) di Pengerang dan hubungan baik Danamin dengan Malaysia Marine & Heavy Engineering.

Penumpuan Semula Pembangunan Intrapreneur

Strategi segmen IV merangkumi juga pelupusan bisnes untuk menjana keuntungan. Berpandukan strategi ini, Kulim telah menyempurnakan pelupusan dua buah syarikat IV pada 2013. Hasil jualan daripada pelupusan Orkim Sdn Bhd berjumlah RM110 juta dan telah diselesaikan pada April

2013. Pelupusan Pro Office Solutions Sdn Bhd pula menjana hasil berjumlah RM6.82 juta dan diselesaikan pada Jun 2013.

Pelaksanaan Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS)

Dengan objektif mengekalkan dan memberi ganjaran kepada anggota pekerja berpengalaman dalam Kumpulan di samping menarik bakat baharu, Kulim telah melaksanakan ESOS pada 2013. ESOS ini turut ditawarkan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah Kulim bagi menghargai sumbangan mereka dalam membimbing pertumbuhan Kulim sehingga skala yang telah dicapai hari ini. Di samping itu, skim ini boleh membekalkan modal baharu kepada Kulim.

Harga Opsyen ditetapkan pada RM3.05 setiap opsyen untuk sepanjang 5 tahun tempoh ESOS, bermula pada 31 Disember 2013 dan berakhir pada 30 Disember 2018.

Anugerah dan Pengiktirafan

Laporan Tahunan 2012 Kulim telah memenangi anugerah NACRA 2013 di bawah kategori Syarikat Papan Utama – Perladangan dan Perlombongan. Ini merupakan kemenangan Kulim untuk kali keenam berturut-turut di bawah kategori tersebut. Di samping itu, Laporan Tahunan 2012 dan Laporan Kemapanan 2010/2011 Kulim turut disenarai pendek untuk Anugerah MaSRA 2013. Semua pengiktirafan ini menjadi bukti kepada komitmen berterusan Kulim dalam kecemerlangan tadbir urus korporat dan untuk menyampaikan nilai kepada pemegang sahamnya.

Pencapaian Kemapanan

Meneruskan komitmen dan usaha berterusan ke arah pembangunan mapan, kesemua unit operasi Kulim di bawah bahagian Perladangan Malaysia, termasuk yang baharu diambil alih daripada Johor Corporation, kecuali Ladang Siang, telah berjaya menjalani audit untuk pensijilan semula RSPO pada Disember 2013 dengan hanya beberapa pembetulan kecil yang perlu ditangani. Pensijilan baharu RSPO dijangka diterima menjelang April 2014.

Dengan pengembangan operasi Kumpulan ke Kalimantan untuk membuka kawasan penanaman baharu, Kulim bertekad dalam menghadapi cabaran untuk mematuhi dua set keperluan kemapanan baharu, iaitu keperluan bagi Prosedur Penanaman Baharu (*New Planting Procedures*) di bawah RSPO dan juga keperluan kemapanan di bawah sistem *Indonesian Sustainable Palm Oil* (ISPO). Berbekalkan pengalaman yang dimiliki serta penglibatan Kulim dalam RSPO, Kulim yakin bahawa pematuhan kepada syarat-syarat baharu ini akan disepadukan ke dalam sistem Kulim yang sedia ada dengan lancar.





Ladang milik Kulim di Malaysia dan kilang Nexsol telah menjalani audit untuk *International Sustainability and Carbon Certification* (ISCC) bagi mematuhi keperluan yang ditetapkan pihak Eropah dan Jerman untuk pengeluaran bioteknologi serta biomass yang mampan. Kulim berjaya memperolehi pensijilan baharu untuk ISCC masing-masing pada 2 Februari 2014 dan 18 Disember 2013, serta mempunyai tempoh sah selama setahun.

Kulim turut mencatatkan satu lagi peristiwa penting dalam kembara kemapanannya apabila berjaya menghasilkan Laporan Kesan Karbon yang pertama pada November 2013. Laporan tersebut dirangka mengikut garis panduan RSPO GHG Beta Version 1a, lantas menjadikan Kulim sebagai syarikat perladangan Malaysia pertama yang telah menerbitkan Laporan Kesan Karbon dalam format yang diiktiraf oleh RSPO.

Di samping itu, operasi NBPOL di PNG dan Kepulauan Solomon (SI) telah memperoleh 100 peratus pensijilan RSPO sejak akhir 2012. Pada 2013, NBPOL telah mendorong pencapaian kemapanannya ke peringkat seterusnya apabila ia menjadi anggota pengasas dalam *Palm Oil Innovation Group*, satu inisiatif yang disokong pertubuhan seperti *Greenpeace*, *WWF* dan *Rainforest Action Network*. Selain itu, NBPOL dinamakan sebagai peneraju bagi sektor produk pertanian untuk tahun kedua berturut-turut bagi program anjuran *Carbon Disclosure Project* (CDP), satu inisiatif yang diterajui pelabur yang membuat pemetaan mengenai polisi dan pendedahan syarikat dalam hal berkenaan pembasmian hutan.

Kesemua langkah-langkah di atas merupakan bukti komitmen jitu Kumpulan Kulim terhadap pembangunan mampan.

SOROTAN PENTING SEGMENT

Perladangan

Pengeluaran buah tandan segar (BTS) untuk Bahagian Perladangan meningkat 0.5 peratus kepada 2,425,029 tan didorong oleh prestasi yang baik daripada operasi di Malaysia diimbangi dengan penurunan di NBPOL. Namun begitu, hasil pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) Bahagian merosot sebanyak 0.2 peratus kepada 742,637 tan berikutan Kilang Sawit Tunjuk Laut yang disewakan kepada pihak luar bermula Oktober 2013. Bahagian Minyak Sawit

tetap komited ke arah mencapai sasaran produktiviti iaitu untuk meningkatkan hasil buah dan kadar perahan minyak masing-masing kepada 30 tan sehektar dan 30 peratus. Bahagian perladangan di Malaysia dijangkakan mampu meraih hasil lebih baik pada masa akan datang memandangkan potensi untuk mencapai hasil sebanyak 30 tan BTS sehektar dengan menggunakan benih tanaman terbaik serta memperbaiki keadaan tanah melalui amalan pertanian baik. Ini termasuk penggunaan biokompos, baja bio, pengurusan air dan penggunaan mesin canggih untuk meningkatkan produktiviti serta penjimatan kos pekerja. Selain itu, penyediaan persekitaran yang lebih kondusif kepada anggota pekerja termasuk pendapatan, kemudahan dan fasiliti yang lebih baik secara tidak langsung akan menghasilkan produktiviti yang lebih baik.

Perladangan di Malaysia

Perladangan di Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 12.55 peratus dalam pengeluaran BTS daripada 825,301 tan pada 2012 kepada 928,882 tan pada 2013. Usaha berterusan yang dijalankan oleh ladang untuk memperbaiki amalan pertanian mereka terutama dalam bidang pembajaan dan penjagaan serta kestabilan tenaga kerja telah membuahkan hasil dengan peningkatan ketara hasil sehektar daripada 20.45 tan pada 2012 kepada 21.60 tan pada 2013.

Pencapaian ini adalah lebih tinggi daripada hasil purata yang dicapai oleh keseluruhan



industri di Johor dan Semenanjung pada 2013 iaitu masing-masing sebanyak 19.49 tan dan 19.26 tan. Hasil purata BTS bagi seluruh negara (termasuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak) meningkat kepada 19.02 tan sehektar daripada 18.89 tan pada 2012. Program penanaman semula yang progresif yang dijalankan oleh Bahagian ini menghasilkan peningkatan kawasan pokok matang seterusnya menyumbang kepada pencapaian hasil yang lebih baik.

Jumlah pengeluaran MSM Bahagian perladangan di Malaysia adalah 280,577 tan pada 2013, kira-kira 11.7 peratus lebih tinggi daripada 251,286 tan pada tahun sebelumnya. Jumlah BTS diproses daripada ladang milik Bahagian dan pembekal BTS luar turut mencatatkan peningkatan 12.7 peratus. Pengeluaran isirong sawit adalah 77,900 tan, meningkat 10.1 peratus dari 70,762 tan pada 2012. Bagi operasi di Malaysia, kadar perahan minyak sawit (OER) bagaimanapun menurun dari 20.39 peratus kepada 20.20 peratus manakala kadar perahan isirong (KER) menurun daripada 5.74 peratus pada 2012 kepada 5.61 peratus. Bagaimanapun, pencapaian ini tetap lebih tinggi daripada purata industri (Semenanjung) iaitu masing-masing sebanyak 19.86 peratus dan 5.53 peratus.

Perladangan di PNG & SI

Pengeluaran BTS dari ladang Kumpulan NBPOL pada 2013 adalah 1,496,146 tan, kira-kira 5.81 peratus lebih rendah daripada jumlah pada 2012 iaitu 1,588,486 tan. Penuaian dan tanaman pada separuh pertama tahun ini sekali lagi dijejaskan oleh keadaan cuaca yang buruk, dan sejajar dengan trend produktiviti perladangan kelapa



sawit lain di rantau Asia Tenggara, NBPOL turut mengalami penurunan hasil yang amat ketara pada separuh kedua 2013. Akibatnya, kadar hasil sehektar merudum sebanyak 9 peratus daripada 23.8 tan pada 2012 kepada 21.7 tan pada 2013.

Walaupun keputusan hasil BTS yang dicapai adalah bercampur-campur pada 2013, penambahbaikan telah dilakukan terhadap infrastruktur jalan dan saliran pada separuh kedua 2013, menghasilkan kitaran penuaian yang terkawal pada sepanjang akhir tahun dan NBPOL kini berada pada kedudukan yang baik apabila memasuki 2014 dengan penghasilan BTS dijangka kembali normal sepanjang tahun ini.

Cuaca lembap telah menjejaskan kadar perahan dengan pengeluaran 507,855 tan minyak mentah (minyak sawit mentah dan minyak isirong sawit), dihasilkan daripada 12 kilang minyak milik Kumpulan NBPOL, dengan catatan penurunan sebanyak 7 peratus daripada 545,207 tan yang dihasilkan pada 2013. Kadar perahan minyak sawit mentah bagaimanapun, meningkat pada separuh kedua tahun ini daripada purata 21.98 peratus pada tempoh Januari hingga Jun kepada 22.45 peratus pada tempoh Julai hingga Disember. Pada 2013, Kumpulan NBPOL mencapai purata kadar perahan produk sawit sebanyak 27.50 peratus, turun sedikit daripada 27.59 peratus yang dicapai pada 2012.

Intrapreneur Ventures (IV)

Struktur dinamik segmen IV Kumpulan Kulim menyaksikan satu pengambilalihan dan dua pelupusan dicatatkan pada 2013. Pengambilalihan 60 peratus kepentingan dalam Danamin yang diselesaikan pada Jun 2013, menandakan langkah pertama Kulim ke dalam industri O&G di Malaysia. Danamin yang terlibat dalam perkhidmatan NDT dan kejuruteraan elektrik untuk industri marin O&G, pembinaan dan kimia, mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang membanggakan iaitu RM921,900 dan pendapatan sebanyak RM23.5 juta bagi tahun pertamanya dalam Kumpulan Kulim.

Kumpulan Kulim turut merealisasikan pelaburan apabila berjaya menghasilkan keuntungan sebanyak RM86.6 juta berikutan pelupusan syarikat Orkim Sdn Bhd oleh E.A. Technique (M) Sdn Bhd (EATech) dan Pro Office Solutions Sdn Bhd oleh Sindora Berhad, masing-masing diselesaikan pada April 2013 dan Ogos 2013.

Bagi segmen IV secara keseluruhan, pendapatan meningkat 20.2 peratus daripada RM170.1 juta kepada RM204.4 juta pada 2013 manakala keuntungan operasi meningkat daripada RM30.5 juta kepada RM45.5

juta. Peningkatan prestasi pada tahun ini adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan daripada segmen perkapalan diterajui oleh EATech yang menyumbang masing-masing 47 peratus dan 85 peratus kepada pendapatan dan keuntungan operasi segmen. Kenaikan juga disumbang oleh pendapatan dan keuntungan daripada Danamin.

Kapal terbesar milik EATech, *MT Nautica Muar* dengan kapasiti 40,000 tan berat muatan (dwt) dan bergeladak tunggal, telah diubahsuai kepada unit simpanan terapung (*Floating Storage Unit* atau FSU) pada tahun ini. Kapal tersebut telah memulakan operasi pada September 2013 di Kayu Manis Oilfield di Bintulu, Sarawak. Hari ini, EATech mempunyai armada dengan kapasiti lebih daripada 84,000 dwt.

EATech juga telah menandatangani kontrak bernilai RM260 juta untuk membina, mengendalikan dan menyewakan enam unit bot tunda *Z-Peller* ke Northport (Malaysia) Bhd (Northport) untuk tempoh 10 tahun. Kontrak itu menjadikan EATech muncul sebagai syarikat tempatan pertama membekalkan kapal khusus kepada Northport selepas ia muncul sebagai pembida yang paling berdaya saing di kalangan pembekal tempatan dan antarabangsa.

PROSPEK DAN PERANCANGAN

Unjuran Industri Minyak Sawit

Minyak sawit terus menjadi minyak utama dagangan dunia. Kosnya yang lebih rendah dan khasiat yang terbukti menjamin kedudukannya di pasaran dunia. Kebimbangan mengenai bekalan minyak sayuran akibat cuaca panas menjadikan prospek permintaan minyak sawit kekal teguh. Dengan pengukuhan ekonomi global



dan pelaksanaan mandatori biodisel oleh dua pengeluar minyak sawit terbesar di dunia, Indonesia dan Malaysia, dijangka dapat dimanfaatkan untuk unjuran harga pada masa hadapan.

Pengembangan Perladangan Kelapa Sawit di Indonesia

Bahagian Minyak Sawit telah mengambil langkah untuk mengembangkan keluasan tanah di Indonesia pada tahun ini. Berikutan selesainya CSPA dengan PT GSB dan pengambilalihan 74 peratus ekuiti dalam PT WIN pada 14 Februari 2014, fokus Bahagian kini tertumpu kepada program yang sedang dilaksanakan bagi tujuan pembebasan tanah serta mendapatkan Hak Guna Usaha (HGU) dengan mengenal pasti tahap penggunaan tanah untuk tujuan pampasan.

Kawasan penanaman bagi 2014 disasarkan adalah seluas 1,000 hektar. Pembersihan 1,000 hektar pertama untuk program penanaman baharu bersama-sama dengan penyediaan 80 hektar tapak semaian dijangka bermula pada pertengahan 2014. Bahagian menganggarkan bahawa program penanaman baharu dapat dipertingkatkan sehingga antara 5,000 - 7,000 hektar setahun bagi tahun-tahun berikutnya.

Kawasan baharu yang diperolehi di Indonesia bakal menjadi kunci utama untuk mencapai kadar pertumbuhan yang dirancang bagi Bahagian Minyak Sawit. Pengeluaran minyak sawit di Indonesia dijangka meningkat 6 peratus kepada 28.5 juta tan pada 2014 dan harga minyak global juga diramal meningkat dengan pemulihan ekonomi dunia kepada purata AS\$850-AS\$950 satu tan, disokong oleh permintaan lebih tinggi dari Indonesia disebabkan oleh peraturan baru untuk biodisel. Persekitaran yang menggalakkan bagi perladangan di Indonesia menjadikan ia prospek yang baik untuk pengembangan Bahagian pada masa hadapan dalam aktiviti huluan industri minyak sawit. Bahagian juga akan terus memberi tumpuan kepada pengurusan kos pengeluaran yang cekap bagi memaksimumkan margin dan keuntungan Bahagian, pada masa sama sejajar dengan prinsip kemapanan.

Memasuki Dimensi Baru - Sektor O&G

Fokus terkini Kumpulan Kulim adalah untuk memasuki sektor O&G. Pada masa ini Kulim mempunyai dua penglibatan awal dalam sektor O&G di Malaysia melalui dua syarikat IV - EATech terlibat dalam penyediaan perkhidmatan pengangkutan bagi produk petroleum bersih dan Danamin beroperasi dalam aktiviti perkhidmatan O&G terutamanya dalam NDT dan mempunyai sebuah kilang membuat paip.

Di Indonesia, di bawah syarat-syarat MoU yang ditandatangani dengan PT GSB pada 3 Oktober 2013, Kulim bersama PT GSB akan meneroka strategi untuk memanfaatkan pembukaan sektor O&G oleh Kerajaan Indonesia yang menawarkan blok-blok O&G kepada pelabur asing. Bagi melindungi kepentingan semua pemegang berkepentingan, sebarang pelaburan akan tertakluk kepada pertimbangan teliti dan pengesahan rizab yang terbukti daripada perunding O&G bereputasi. Kulim sedang menilai beberapa cadangan pelaburan O&G di Indonesia, dan bercadang untuk meneroka dimensi bisnes baharu yang menguntungkan ini secara menegak iaitu dalam sektor huluan dan hiliran.

Fokus Berterusan Bagi Pengurusan Kos dan Tambahan Nilai

Evolusi Kulim sejak beberapa tahun lepas daripada sebuah syarikat perladangan tulen pada sekitar awal 1990-an membawa bisnes Oleokimia serta bisnes Makanan dan Restoran ke dalam Kulim. Kini sebagai sebuah konglomerat pelbagai, bisnes teras Kulim tetap dipacu oleh bisnes perladangan. Tahun 2013 merupakan tempoh yang mencabar bagi Kulim dengan pendapatan yang mendatar akibat harga MSM yang rendah, peningkatan kos operasi, dan operasi di NBPOL yang merudum lantaran turun naik kadar pertukaran asing dan keadaan cuaca yang melampau.

Bagi mempraktikkan disiplin dan kawalan ke atas kos operasi yang semakin meningkat pada 2013, Kulim telah membentuk pasukan khusus yang bekerjasama dengan anggota pekerja di bahagian operasi termasuk pasukan Penyelidikan dan Pembangunan



(R&D) untuk menganalisa secara terperinci struktur kos pengeluaran dan mengkaji pelbagai cara untuk menguruskan input dan pada masa sama mencari peluang untuk memanfaatkan penambahan nilai di sepanjang rantai pengeluaran. Idea dijana daripada sesi percambahan fikiran bersilang fungsi dan juga cadangan daripada program kualiti dan inovasi yang dinamakan CEMPAKA akan diteliti dan dipercepatkan pelaksanaannya.

Satu inisiatif yang dijalankan untuk memenuhi komitmen Kulim bagi mengurangkan kesan karbon dan pada masa sama bertujuan mengurangkan kos tenaga adalah penggunaan loji biogas di kilang-kilang minyak sawit milik Bahagian. Kilang biogas di Kilang Minyak Sawit Sedenak telah 70 peratus siap pada akhir 2013 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2014. Ia merupakan loji biogas pertama yang akan digunakan untuk operasi Bahagian di Malaysia.

Sebagai sebuah entiti korporat yang bertanggungjawab dan menyahut kebimbangan yang semakin meningkat mengenai isu-isu alam sekitar terutama dengan mengambil kira kualiti pelepasan kumbahan, Kulim bersama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang membina sebuah kilang tertiri dengan kerjasama syarikat IV Kumpulan, Optimum Status Sdn Bhd, yang akan ditempatkan di loji biogas di Kilang Minyak Sawit Sindora. Projek ini dijangka bakal mengurangkan *Biological Oxygen Demand* (BOD) di bawah tahap 50 ppm seperti ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Tertakluk kepada kestabilan penjaan kuasa oleh loji biogas ini, aktiviti pemprosesan hiliran lanjut yang dapat menambah nilai, termasuk perahan serat sawit dan pembotolan bio *Compressed Natural Gas* (bioCNG) juga sedang dikaji dan dinilai.

Dua lagi loji biogas akan dibina di Kilang Minyak Sawit Sindora dan Kilang Minyak Sawit Pasir Panjang pada 2014 dan dijangka siap pada 2015.

Sekuriti Makanan

Pertanian adalah komponen utama pelan keselamatan makanan dan sara diri Malaysia pada masa akan datang. Bagi memenuhi cabaran pengeluaran pertanian, sektor awam dan swasta perlu bekerjasama untuk mencapai penyelesaian yang mapan untuk sekuriti makanan. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, penglibatan Bahagian dilihat semakin meningkat dalam membantu menangani isu sekuriti makanan negara. Kulim menganggap penanaman tanaman makanan dan ternakan lembu di Malaysia sebagai sebahagian daripada ikrar Bahagian dalam memenuhi tanggungjawab korporatnya. Bagi menyumbang ke arah mencapai sekuriti makanan negara, Kulim, di Malaysia kini telah menanam kira-kira 500 hektar pisang, 250 hektar nanas, 12 hektar jagung dan memiliki kira-kira 5,900 ekor lembu. Peranan yang berkesan boleh dimainkan oleh Bahagian dengan menerapkan amalan-amalan agronomi maju yang diaplikasikan di ladang-ladang kelapa sawit untuk membantu mencapai hasil tanaman lebih tinggi dalam bidang perkebunan.



SEKTOR PRISIHATIN (KESIHATAN PAKAR)



Selama 33 tahun, KPJ Healthcare Berhad (KPJ) telah menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi, teknologi perubatan yang inovatif dan pakar runding perubatan berpengalaman kepada negara. KPJ juga menyediakan latihan penjagaan kesihatan profesional berkualiti melalui saluran pendidikannya iaitu KPJ Healthcare University College (KPJUC). Sebagai pembekal perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta terkemuka di Malaysia, KPJ berusaha gigih bagi memastikan misinya menyalurkan perkhidmatan kesihatan berkualiti berhasil.

Tahun 2013 menyaksikan KPJ mengekalkan usahanya dalam persekitaran ekonomi makro yang semakin mencabar ketika terus mengembangkan bisnes dan merebut peluang baharu. Matlamat utama adalah memberikan nilai jangka panjang kepada pesakit dan pihak berkepentingan secara konsisten tanpa mengorbankan nilai-nilai teras KPJ iaitu keselamatan, budi bahasa, integriti, profesionalisme dan penambahbaikan yang berterusan.

Kumpulan KPJ yakin dengan potensi industri penjagaan kesihatan walaupun pasaran akan terus mencabar pada masa hadapan. Tahun 2013 menyaksikan KPJ terus melabur dengan modal yang besar dalam projek yang memberi jaminan nilai jangka panjang kepada pemegang sahamnya. Bagi memanfaatkan sepenuhnya peluang dalam industri, KPJ telah menjalankan agenda yang berani dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan strategik berterusan terutama yang tertumpu kepada pengembangan bisnes hospital Kumpulan di dalam dan luar negara.

Dengan perpindahan Ibu Pejabat Kumpulan KPJ ke Menara 238 pada Disember 2012, hospital dan syarikat anak KPJ kini boleh mendapatkan sokongan dan nasihat lebih berkesan sejak pengurusan serta perkhidmatan sokongan

KPJ diletakkan secara berpusat di bawah satu bumbung. Langkah strategik ini akan meningkatkan mutu perkhidmatan lebih baik kepada pesakit sejajar dengan moto KPJ - *Penjagaan Sepanjang Hayat*.

Dua hospital baharu turut serta di bawah Kumpulan pada 2013 iaitu Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang di Johor dan Pusat Pakar Seri Manjung, Perak yang akan membantu mengukuhkan kehadiran Kumpulan dalam industri penjagaan kesihatan Malaysia.

Dalam usaha memenuhi permintaan yang semakin meningkat, Hospital Pakar KPJ Sabah berpindah ke bangunan baharu pada akhir 2013. Hospital ini dilengkapi pelbagai kemudahan terkini dan perkhidmatan lebih baik. KPJ Sabah secara umumnya menawarkan



perkhidmatan perubatan, pembedahan, ortopedik, obstetrik & ginekologi, telinga, hidung & tekak, pediatrik, optalmologi, anesthesiologi dan radiologi. Hospital berharga RM200 juta ini beroperasi dengan kapasiti 250 katil dan 86 suite perunding perubatan pada Disember 2013.

Hospital Pakar Rawang, sebuah lagi hospital baharu dalam Kumpulan. Ia akan dibuka pada suku kedua 2014 untuk berkhidmat kepada komuniti di perbandaran sekitar Kuala Kubu Baru, Bukit Beruntung, Batang Berjuntai, Sungai Choh, Selayang sehingga Tanjung Malim, Perak dan Tanjung Karang, Selangor. Dengan pembukaan Hospital Pakar Rawang, masyarakat sekeliling mempunyai akses kepada rawatan pakar swasta berdekatan rumah mereka. Pada masa ini, hospital pakar swasta paling hampir ialah Hospital Pakar KPJ Tawakkal yang terletak 30 kilometer dari situ.

KPJ juga dalam perancangan untuk melancarkan Hospital Pakar Bandar Maharani di Muar, Johor pada separuh pertama 2014. Projek ini bermula pada 2009 apabila KPJ memperoleh sebuah bangunan separuh siap 7 tingkat di Jalan Stadium, Muar. Sebaik beroperasi sepenuhnya, hospital tersebut akan mempunyai 120 katil dan 20 suite perunding perubatan.

Pencapaian Kewangan

Sehingga 31 Disember 2013, pendapatan Kumpulan KPJ meningkat sebanyak 11 peratus kepada RM2.33 bilion berbanding RM2.10 bilion pada 2012. Pertumbuhan ini hasil peningkatan sumbangan daripada hospital sedia ada dan hospital baharu.

Perkhidmatan sokongan seperti Pharmaserv Alliances Sdn Bhd (syarikat pembelian pukal dan pusat), Lablink Sdn Bhd dan usahawan serta syarikat lain juga menyumbang secara positif kepada prestasi 2013 Kumpulan.

Walaupun menyaksikan pertumbuhan positif, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai lebih rendah sedikit bagi tempoh sama, dengan kejatuhan sebanyak 19 peratus iaitu RM158 juta berbanding RM196 juta pada 2012. Ini disebabkan kos operasi yang tinggi berikutan pembukaan hospital baharu dalam tempoh tiga tahun lalu.

Peningkatan Keyakinan Pesakit Daripada Perkhidmatan Profesional Berkualiti

Pertambahan bilangan hospital baharu dalam Kumpulan telah memacu peningkatan jumlah pesakit. Ini ditambah pula keyakinan pesakit terhadap tahap perkhidmatan yang diberikan pakar perubatan sekaligus menyumbang kepada peningkatan positif dalam jumlah pesakit di hospital KPJ. KPJ terus memperkukuhkan reputasinya sebagai hospital pilihan yang menarik pesakit, pakar perubatan dan anggota pekerja dari dekat mahupun jauh.

Hospital baharu yang strategik, peningkatan berterusan kepada kemudahan dan perkhidmatan sedia ada serta aktiviti promosi dan pemasaran yang agresif menyumbang kepada peningkatan dalam jumlah pesakit. Pengukuhan hubungan KPJ dengan pelanggan korporat dan syarikat insurans iaitu penyokong utama hospital KPJ telah memainkan peranan penting dalam meringankan beban pesakit.

Kumpulan mencatatkan sejumlah 261,697 pesakit dalaman pada 2013, pertambahan sebanyak 4.7 peratus berbanding 2012. Juga, terdapat peningkatan dalam jumlah kes pembedahan pada 2013 sebanyak 2.8 peratus kepada 89,567 kes.

Komitmen KPJ dalam mengekalkan kualiti dan penjagaan kesihatan turut menarik ramai pesakit tempatan dan luar negara dari seluruh dunia, serta dibantu oleh strategi bisnes yang agresif untuk meningkatkan kedudukannya sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan utama.



Golongan profesional dan pakar perubatan KPJ turut memberikan komitmen berterusan untuk menyediakan perkhidmatan, penjagaan kesihatan dan keselamatan pesakit yang berkualiti. Elemen ini memainkan peranan penting dalam memastikan kesetiaan dan keyakinan yang tinggi di kalangan pesakit. Pasukan juga bekerja keras untuk memastikan semua pesakit menerima rawatan dan prosedur yang memberikan hasil klinikal yang terbaik.

Kehadiran Antarabangsa

Pada November 2013, KPJ menandatangani perjanjian dengan Sheikh Mujibur Rahman Memorial Trust untuk memajak dan mengendalikan Hospital Pakar KPJ Sheikh Fazilatunnesa Mujib Memorial yang berkapasiti 250 katil. Sebuah pasukan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam pengurusan hospital terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Kejururawatan ditempatkan di Dhaka, Bangladesh untuk mengendalikan hospital tersebut yang disasarkan menerima pesakit mulai suku kedua 2014.

Kualiti dan Keselamatan

KPJ menambah pencapaiannya pada 2013 apabila beberapa hospital menerima status akreditasi. Pada 2013, KPJ Puteri menyertai 12 hospital KPJ lain yang telah mencapai akreditasi daripada *Malaysian Society For Quality in Health* (MSQH).

Selain itu, empat hospital KPJ dianugerahkan akreditasi oleh *Joint Commision International* (JCI) di mana KPJ Pulau Pinang dan KPJ Johor adalah hospital KPJ yang terkini menerima pengiktirafan itu. KPJ Ampang Puteri dan KPJ Seremban menerima akreditasi daripada JCI pada 2012.

Penghargaan dan Pengiktirafan

Beberapa pencapaian dan kejayaan telah dicapai KPJ termasuk pengiktirafan daripada Frost & Sullivan sebagai Penyedia Perkhidmatan Kesihatan pada Anugerah Kecemerlangan Frost & Sullivan 2013. KPJ juga menerima Anugerah Penjenamaan Korporat BrandLaureate untuk Jenama Terbaik Dalam Kesihatan oleh Asia Pacific Brands Foundation. Pengiktirafan lain dimenangi pada 2013 ialah Anugerah Pengurusan Syarikat Terbaik dalam Kategori Syarikat Modal Kecil Terbaik oleh Asiamoney serta Anugerah Pengurusan

Kecemerlangan Global - Kecemerlangan Dalam Pengurusan Penjagaan Kesihatan oleh Institut Pengurusan Malaysia.

KPJ Healthcare University College (KPJUC)

Cabang pendidikan KPJ dan syarikat anak milik penuhnya, KPJ Healthcare University College (KPJUC) terus mengungguli bidang pendidikan penjagaan kesihatan, terutama melalui pengenalan program perubatan pakar. Pada 2013, KPJUC memperolehi kelulusan sarjana dalam program Pediatrik (bermula Jun 2014) dan sedang menunggu kelulusan sarjana dalam Ortopedik dan sarjana dalam Program Radiologi. KPJUC juga inovatif mempertimbangkan untuk menggabungkan sarjana Program Gerontologi untuk pakar geriatrik.

Tanggungjawab Korporat

KPJ banyak membantu kehidupan masyarakat melalui Klinik Waqaf An-Nur dengan memberi khidmat perubatan kepada lebih 900,000 pesakit melalui 19 cawangan klinik amal itu di seluruh Malaysia serta Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang.

KPJ juga mengembangkan perkhidmatan kesihatan dalam penjagaan untuk pesakit dialisis yang kurang bemasib baik di Kuala Lumpur menerusi Yayasan Amal TSM di Tasik Titiwangsa berdasarkan perjanjian yang dimeterai pada 2012. Melalui perjanjian itu, Pusat Kesihatan KPJ Tawakal menyediakan pengurusan dan sokongan tenaga kerja profesional untuk mengendalikan pusat dialisis berkenaan.



AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

Al-'Aqar Healthcare REIT (Al-'Aqar) telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities Malaysia Berhad pada 10 Ogos 2006. Al-'Aqar adalah REIT Islamik pertama di dunia dan REIT Islamik berkaitan kesihatan pertama di Asia. Pada 31 Disember 2013, saiz aset Al-'Aqar Healthcare REIT berjumlah RM1.48 bilion dengan modal pasaran sebanyak RM926 juta.

Al-'Aqar disokong oleh KPJ Healthcare Berhad (KPJ) yang merupakan penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta terkemuka di Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.98 bilion pada 31 Disember 2013 dan tersenarai di kalangan 100 syarikat awam terbesar di Bursa Malaysia.

Al-'Aqar diuruskan Damansara REIT Managers Sdn Berhad, syarikat anak milik penuh Johor Corporation. Al-'Aqar ditubuhkan dengan portfolio enam aset dan berkembang kepada 25 aset iaitu 21 hospital dan empat hartanah berkaitan penjagaan kesihatan di Malaysia, Indonesia dan Australia.

TINJAUAN KEWANGAN

Al-'Aqar mencatatkan pendapatan kasar RM107.4 juta pada 2013 berbanding RM103.4 juta pada 2012 sekaligus peningkatan sebanyak 3.9 peratus. Pendapatan harta bersih meningkat 3.7 peratus daripada RM97.7 juta pada 2012 kepada RM101.3 juta pada 2013. Pendapatan bersih bagi Tabung Amanah meningkat 4.2 peratus kepada RM54.8 juta pada 2013 daripada RM52.6 juta tahun sebelumnya.

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan Dana (NPP) sebanyak 0.26 peratus berbanding 0.27 peratus pada 2012, adalah antara yang terendah di kalangan REIT di pasaran. Kadar hasil pengagihan menurun daripada 6.05 peratus kepada 5.90 peratus mengambil kira kenaikan harga dari RM1.29 pada 2012 kepada RM1.33 pada 2013. NAB seunit adalah RM1.18, peningkatan 2.6 peratus daripada tahun sebelumnya kerana penilaian semula aset.

Al-'Aqar mengumumkan pengagihan pendapatan akhir berjumlah RM3.99 sen seunit pada 2013, bersama pengagihan pendapatan interim 3.86 sen seunit pada 25 Oktober 2013 sekaligus membawa jumlah agihan seunit pada 2013 sebanyak 7.85 sen. Ini bersamaan dengan hasil pengagihan bersih sebanyak 5.9 peratus berdasarkan harga unit RM1.33 setiap unit Al-'Aqar pada akhir 2013. Jangkaan jumlah pembayaran RM54.65 juta mewakili kira-kira 99.7 peratus daripada pendapatan boleh agih Al-'Aqar pada 2013. Pada 2013, hartanah pelaburan Al-'Aqar mencatatkan keuntungan nilai saksama berjumlah RM19.7 juta daripada tahun kewangan 2012.

TINJAUAN HARTANAH

Inisiatif Peningkatan Aset

Pada 2013, Al-'Aqar melaksanakan inisiatif peningkatan aset bernilai RM3.7 juta melibatkan *water cooled chiller*, *cooling tower*, *transformer*, lif, penggera kebakaran dan mengecat semula bangunan. Jumlah penggantian dan kerja mengecat semula masih dijalankan pada 2014.

Profil Tempoh Pajak

Peratusan hartanah yang akan tamat tempoh pajak adalah pada tahap terkawal.

Terma penyewaan adalah penyewaan tiga tahun dengan pilihan untuk pembaharuan selama tempoh tiga tahun. Walaupun kebanyakan aset akan diperbaharui tempohnya dalam dua tahun akan datang, pengurus tidak meramalkan sebarang masalah dalam bayaran pajak disebabkan struktur sewa sedia ada akan kekal berdasarkan terma pajak sehingga kadar sewa yang baharu dipersetujui Al-'Aqar dan KPJ.

INISIATIF PENGURUSAN MODAL

Pada 2013, Pengurus melalui syarikat tujuan khas, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd menubuhkan Nota Jangka Sederhana Islam Sukuk Ijarah Program 15 tahun sehingga RM1 bilion dalam nilai nominal. RM655 juta Sukuk 5 Tahun di bawah Terbitan 1, telah diterbitkan melalui Tranche Pertama RM374 juta pada 6 Mei 2013 dan Tranche Kedua RM281 juta pada 5 Ogos 2013. Terbitan 1 disokong oleh 19 hospital dan dua kolej kejururawatan (Hartanah Bercagar) dengan nilai pasaran RM1.15 bilion. Kutipan dana daripada terbitan itu adalah untuk membiayai semula komitmen kewangan sedia ada, pemerolehan aset pada masa hadapan dan keperluan modal kerja. Inisiatif pengurusan modal ini akan membolehkan Al-'Aqar menikmati kadar keuntungan lebih rendah sebanyak 4.77 peratus setahun untuk lima tahun akan datang berbanding struktur pembiayaan sebelum ini sebanyak 5.13 peratus setahun.

PROSPEK AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

Meskipun persekitaran ekonomi semakin mencabar, Al-'Aqar menunjukkan kepercayaan yang konsisten untuk mengharungi cabaran itu. Pengurus menjangkakan peluang pertumbuhan yang cerah kerana industri penjagaan kesihatan dijangka kekal stabil dan rancak menuju dekad akan datang. Dengan beberapa hospital KPJ dalam perancangan pembangunan, prospek Al-'Aqar adalah cerah dan meyakinkan.

Al-'Aqar juga aktif mencari peluang pengambilalihan aset berpotensi tinggi dari pihak ketiga sama ada di dalam atau luar negara. Pengalaman dalam pengambilalihan aset merentasi sempadan di Indonesia dan Australia telah meningkatkan keyakinan pengurus untuk meneroka tawaran itu. Pengurus telah menerima beberapa pertanyaan dari luar negara yang menawarkan aset penjagaan kesihatan untuk pengambilalihan oleh Tabung Amanah.

Pengambilalihan aset pihak ketiga akan membolehkan Al-'Aqar menjadi kurang bergantung kepada KPJ.

SEKTOR MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN



Pada 2013, jumlah keseluruhan kedai yang beroperasi di bawah Sektor Makanan dan Perkhidmatan Restoran mencapai pertumbuhan pesat. Jumlah kedai beroperasi di bawah jenama Pizza Hut, KFC, Kedai Ayamas dan RasaMas meningkat 5.7 peratus kepada 1,207 unit daripada 1,142 unit pada 2012.

Pizza Hut Delivery mencapai pertumbuhan paling pesat daripada 78 unit kepada 118 unit sekaligus menunjukkan peningkatan 51 peratus. Restoran Pizza Hut dan Pizza Hut Delivery meningkat 12.8 peratus kepada 388 unit; restoran KFC daripada 4.4 peratus kepada 718 unit; Kedai Ayamas berkurangan daripada 1.2 peratus kepada 83 unit dan restoran RasaMas berkurang daripada 31 peratus kepada 18 unit.

Syarikat kini beroperasi di lima negara iaitu Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja dan India.

Jumlah pendapatan Sektor Makanan dan Perkhidmatan Restoran pada 2013 meningkat 7.1 peratus kepada RM3,177.1 juta. Keuntungan sebelum cukai melonjak 6.1 peratus kepada RM294 juta berbanding RM277.1 juta tahun sebelumnya.

PIZZA HUT Pizza Hut Malaysia

Pizza Hut Malaysia mencapai peningkatan hasil jualan sebanyak 7.4 peratus iaitu RM494 juta pada 2013 berbanding RM460.1 juta tahun sebelumnya. Ini didorong inovasi pada piza terbaharu dan perkembangan restoran penghantaran Pizza Hut.

Peningkatan prestasi 2013 adalah hasil tumpuan terhadap faktor antaranya maklum balas pelanggan secara berterusan, jangkaan jualan berdasarkan pelan yang dipilih untuk tempoh ditetapkan, penggerak jualan, pertumbuhan dalam segmen penghantaran serta kempen pemasaran bersama rakan korporat.

Pada Jun 2013, Pizza Hut Restoran dan Pizza Hut Delivery mengumumkan penggabungan bagi menumpukan sepenuh perhatian kepada perkhidmatan mereka seterusnya mengelakkan kekeliruan pelanggan.

Selain menu makan di restoran dan menu penghantaran, Pizza Hut turut menyelaraskan khidmat pesanan bawa pulang dan perkhidmatan penghantaran (1300-88-2525) serta perkhidmatan pesanan secara online (www.phdelivery.com.my). Selari penggabungan ini, Pizza Hut memberi



tumpuan bagi memperkenalkan 18 piza terbaharu bagi memenuhi kehendak pelanggan selain memberi mereka lebih banyak pilihan dari segi citarasa.

Pizza Hut Malaysia mengakhiri 2013 dengan memiliki 333 restoran dan 22 daripadanya menjalani proses peningkatan imej. Daripada 51 restoran baharu, 41 daripadanya menawarkan khidmat penghantaran. Bagi 2014, Pizza Hut merancang membuka 15 restoran termasuk 10 menawarkan khidmat penghantaran.

PIZZA HUT SINGAPURA

Dengan trend pengguna masa kini yang lebih gemar makan di luar, Pizza Hut mencapai kejayaan membanggakan melalui peningkatan dari segi menu strategik dan kempen promosi yang kreatif serta inovatif. Ini turut mendorong pendapatan meningkat 7.1 peratus melebihi 2012 kepada RM223.5 juta, iaitu peningkatan RM14.8 juta. Pizza Hut Singapura mengakhiri 2013 dengan 55 restoran merangkumi penambahan dua restoran baharu manakala sebuah ditutup.

QSR BRANDS (M) HOLDINGS SDN BHD

Jumlah hasil 2013 meningkat kepada RM3,852.1 juta, naik 6.4 peratus daripada RM3, 619 juta yang dicapai pada 2012.

Pada 2013, hasil semua restoran dalam Kumpulan meningkat 7.1 peratus kepada RM3,177.1 juta. Hasil (termasuk jualan antara syarikat) dalam segmen Ayam Bersepadu dari Kumpulan meningkat kepada RM1,581.8 juta, peningkatan 2.8 peratus berbanding 2012.

KFC MALAYSIA

Pada 2013, jumlah hasil KFC Malaysia meningkat kepada RM1,935.5 juta iaitu 8.3 peratus kenaikan daripada RM1,787 juta dicatatkan tahun sebelumnya.

Bagi merealisasikan komitmen untuk menyediakan suasana dalam restoran yang segar dan memikat pelanggan, Kumpulan mengubahsuai 107 restorannya pada 2013. Pembukaan 34 restoran baharu dan penutupan 11 restoran telah meluaskan lagi liputan rangkaian KFC yang turut berhasrat memenuhi keperluan golongan pelanggan yang sibuk menjalani kehidupannya dengan lebih baik menerusi penambahan bilangan restoran yang menawarkan perkhidmatan pandu lalu.

Tahun 2013 turut menyaksikan sambutan ulangtahun ke-40 KFC yang diraikan dengan pelbagai pemberian percuma dan promosi istimewa untuk pelanggan. Ini diikuti dengan komitmen mendemakan RM4,000 tiap satu kepada 40 rumah di seluruh negara melalui kempen sambutan ulangtahunnya iaitu *40th Anniversary Community Give Backs*.

Kumpulan terus mendominasi pasaran dengan memiliki 578 restoran iaitu 482 restoran di Semenanjung manakala 96 lagi di Sabah dan Sarawak. Ini sekaligus mengekalkan kedudukan KFC sebagai rangkaian restoran terbesar di Malaysia malah merancang membuka 23 lagi cawangan pada 2014.

KFC SINGAPURA

KFC Singapura meneruskan usaha memberi lebih banyak pilihan kepada pelanggan dari segi citarasa dan penjimatan melalui siri kempen terbaharu pada separuh pertama 2013 dan diteruskan sepanjang 2014. Jumlah restoran KFC Singapura pada 2013 adalah sebanyak 80 buah, termasuk sebuah yang baharu dibuka dan sebuah lagi dipindahkan manakala empat lain ditutup.

KFC BRUNEI

KFC Brunei menambah bilangan restoran daripada 14 pada 2012 kepada 16 restoran pada 2013. Jumlah hasil jualan meningkat 17.8 peratus kepada RM31.2 juta iaitu peningkatan RM4.7 juta. Rancangan pengembangan untuk 2014 termasuk membina sebuah penambahan restoran pandu lalu.

KFC KEMBOJA

KFC Kemboja mencatat penjualan sebanyak RM12.5 juta pada 2013 iaitu penurunan 1.4 peratus berbanding 2012 iaitu RM12.6 juta. KFC Kemboja mengakhiri 2013 dengan memiliki 10 restoran.



KFC INDIA

Pada tahun keempat operasinya, KFC India melaporkan peningkatan kutipan hasil membanggakan dengan RM40.8 juta berbanding RM31.4 juta pada 2012. KFC India pada 2013 memiliki 34 restoran termasuk 10 baharu dibuka manakala dua lagi ditutup.

RASAMAS & KEDAI AYAMAS

Jumlah cawangan RasaMas pada 2013 ialah 18 buah. Berikutan pengurangan bilangan kedai yang sedang beroperasi berbanding tahun sebelumnya, jumlah jualan pada 2013 berjumlah RM13.4 juta merosot 16.4 peratus berbanding 2012.

Sementara itu, jumlah hasil jualan Kedai Ayammas mencatat penurunan 10 peratus kepada RM65.3 juta. Bilangan cawangan Kedai Ayammas juga berkurangan daripada 85 kedai pada 2012 kepada 83 kedai pada 2013.

OPERASI AYAM BERSEPADU DAN SOKONGAN

Tahun 2013 merupakan satu lagi tempoh pertumbuhan bagi Operasi Ayam Bersepadu & Sokongan. Kutipan hasil termasuk jualan antara syarikat meningkat 2.8 peratus kepada RM1,581.8 juta berbanding 2012.

Rangkaian restoran dan kedai – KFC, Pizza Hut, RasaMas dan Kedai Ayammas yang semakin berkembang turut meningkatkan jumlah pesanan sekaligus melonjakkan angka jualan secara dalaman.

QSR Trading Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 2008 beroperasi sebagai satu saluran jualan, pemasaran dan perdagangan bagi QSR Brands, di pasaran tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Dengan matlamat menjadi pengedar utama jenama halal berkualiti tinggi, anak syarikat ini mencapai prestasi yang baik pada 2013 dengan jualan naik 5 peratus dan hampir mencecah RM324.2 juta.

QSR Trading turut menjadi pengedar untuk jenama-jenama antarabangsa seperti *Simplot*, *Divella*, *Kewpie*, *Lactima Cheese* dan *Leggo's*, serta jenama tempatan seperti *Ayamas*, *Life*, *Amy*, *Zipple*, *Secret Garden*, *Nur Kasih*, dan *Bakers' Street*.

KFCH INTERNATIONAL COLLEGE

Sejak penubuhannya pada 2011, KFCH International College (KFCHIC) kini mempunyai dua kampus iaitu kampus induk di Johor Bahru manakala cawangannya di Puchong. Pada 2013, kolej ini mencapai pendapatan berjumlah RM11.85 juta melalui program diploma yang ditawarkan manakala RM0.59 juta melibatkan kursus jangka pendek dan RM0.34 juta hasil jualan restoran.



Sehingga Disember 2013, jumlah kemasukan ke KFCHIC bertambah daripada 1,168 pelajar pada 2012 kepada 1,309 pada 2013. Wawasan Kumpulan bagi KFCHIC ialah menjadi institusi pengajian Malaysia yang unggul dan bertaraf perdana, selain peneraju dalam menyediakan kursus berkualiti.

KFCHIC juga memperoleh akreditasi daripada agensi kelayakan Malaysia (MQA) bagi semua kursus diploma di kampus Puchong manakala akreditasi bersyarat untuk kursus diploma di kampus Johor Bahru. Selari misi memberi lebih penekanan kepada program pengajian tinggi bertaraf sijil dan diploma, KFCHIC sedang bersiap sedia untuk dokumentasi MQA bagi dua program tambahan iaitu Diploma Sains & Teknologi Makanan serta Diploma Halal Toyyibban & Keselamatan Makanan.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kumpulan menganggap anggota pekerja adalah antara faktor paling utama penyumbang kepada kejayaan berterusan.



Justeru, Kumpulan berusaha mengambil, membangun dan mengekalkan anggota pekerja berkaliiber. Lebih 30,000 orang diambil sebagai pekerja dan 8,300 daripadanya adalah pekerja tetap.

Pada 2013, Kumpulan melabur RM7.2 juta untuk program latihan dan pembangunan. Jumlah itu adalah 3.6 peratus daripada keseluruhan imbuhan pekerja sekaligus menunjukkan betapa pentingnya latihan kepada Kumpulan. Secara purata, anggota pekerja sepenuh masa Kumpulan menerima 48 jam latihan pada 2013. Hampir 8,000 anggota pekerja mengambil bahagian dalam pelbagai program latihan anjuran syarikat selain menyelaras dan mengambil bahagian dalam program awam.

Di samping itu, 60 pelajar menerima penajaan pengajian kursus diploma sepenuh masa di KFCHIC manakala 12 lagi dalam pelbagai program sambilan di institusi lain.

KOMITMEN HALAL

Kumpulan memberi jaminan pematuhan halal sepenuhnya dalam semua pasaran Kumpulan meliputi aspek proses perkilangan makanan, termasuk pemerolehan bahan mentah, penyediaan, pembungkusan, penyimpanan, pemindahan dan peralatan mematuhi kawalan ketat. Kumpulan memberi perhatian teliti kepada sebarang produk yang diperolehi daripada pembekal dengan mensyaratkan produk itu disahkan halal di negara pengeluar sumber mereka dan hanya menerima pensijilan yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.



SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH





JOHOR Land Berhad (JLand) menerajui Sektor Pembangunan Hartanah Johor Corporation (JCorp) dalam pembangunan unit kediaman dan komersil serta mempunyai rekod pencapaian yang kukuh dalam membangunkan komuniti yang berkembang di Johor sejak 1972. Satu daripada pencapaian utamanya adalah pembangunan kediaman perjiranan di Perbandaran Pasir Gudang.

JLand mempunyai simpanan tanah kira-kira 1,011 hektar di Johor dan sebahagian besar terletak dalam Iskandar Malaysia. Ia akan terus membina jenama JLand, mewujudkan konsep pembangunan mapan dan menyediakan kediaman berkualiti serta kejiranan yang tersendiri untuk pelanggan dalam setiap perbandarannya. JLand akan terus mengukuhkan kedudukan dalam sektor hartanah di Johor dan bergerak maju seiring pasaran sektor ini yang semakin mencabar.



PRESTASI KEWANGAN

JLand terus mencatatkan prestasi memberangsangkan pada 2013 walaupun terdapat sedikit penurunan dari segi perolehan dan keuntungan sebelum cukai berbanding tahun sebelumnya. Pada 2013, JLand merekodkan perolehan berjumlah RM316 juta berbanding RM410 juta pada 2012 dan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM108 juta pada 2013 berbanding RM120 juta pada 2012.

Prestasi kewangan yang sedikit menurun ini sebahagian besarnya disebabkan kerja-kerja yang lebih perlahan berpunca faktor luaran dan kelewatan dalam permulaan selain pelancaran projek baharu. Bagaimanapun, keadaan ini dijangka bertambah baik pada 2014 memandangkan banyak projek telah dilancarkan pada suku keempat 2013. Jualan dijangka bertambah baik walaupun keadaan pasaran hartanah dijangka lebih mencabar pada masa akan datang.

Lembaran imbalan JLand pada asasnya kekal teguh dengan aset ketara bersih meningkat sebanyak RM924 juta pada 2013 berbanding RM848 juta tahun sebelumnya.

TINJAUAN OPERASI

Bandar Dato' Onn

Strategi dengan menawarkan produk yang inovatif dan menarik, terus memberi kelebihan kepada JLand. Bandar Dato' Onn adalah antara yang JLand tawarkan. Ia merangkumi 612 hektar tanah berpegangan bebas dan pembangunan utama ini dihubungkan dengan mudah melalui persimpangan bertingkat dari Lebuhraya Utara-Selatan dan hanya 12 kilometer dari pusat Bandaraya Johor Bahru. Perbandaran ini dirancang sebagai sebuah bandar serba lengkap dan menjadi tumpuan bagi lebih 100,000 penduduk. Perbandaran ini dijadualkan siap dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang melibatkan kira-kira 17,200 hartanah dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM8 bilion.

Dengan menampilkan 19 perjiranan eksklusif dan hab komersil yang meriah, Bandar Dato' Onn bakal menjadi antara perbandaran paling indah, tersusun serta moden untuk didiami di selatan Semenanjung. Setiap perjiranan ini dirancang teliti bagi menyerlahkan aspek terhebat dalam kehidupan berk komuniti dengan ciri paling ketara iaitu penekanan terhadap kawasan hijau. Dalam perbandaran ini, hab komersil wilayah seluas 47 hektar bakal menjadi nadi penggerak Bandar Dato' Onn.

Pelbagai kemudahan infra dan awam seperti balai polis, KFCH International College dan Pusat Komuniti siap dibina dan telah memulakan operasinya. Sementara itu, masjid dan Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn masih dalam pembinaan bagi memenuhi keperluan komuniti. Semua kemudahan ini serta landskap yang menghijau akan menambah nilai dan kualiti kehidupan penduduk di perjiranan perdana ini.

Pada September 2013, JLand melancarkan fasa kedua Perjiranan 12 mengandungi 277 unit kediaman. Semua unit ini telah habis dijual dengan nilai RM182.8 juta. Sehingga kini, Bandar Dato' Onn telah menyiapkan 1,119 unit kediaman dan komersil manakala 217 unit lagi dijangka disiapkan dalam masa terdekat. Pembangunan di perbandaran ini berjalan mengikut jadual dan JLand menjangkakan minat kukuh daripada pembeli terhadap penawaran produknya yang inovatif.

Bandar Tiram

Bandar Tiram adalah satu lagi mercu tanda hartanah JLand yang sedang pesat dibangunkan dan menjadi pilihan kalangan pembeli yang arif dan teliti. Ia meliputi kawasan seluas 485 hektar (Bandar Tiram Fasa 1-5) yang bakal merangkumi lebih 11,000 unit kediaman dan komersil membabitkan nilai pembangunan kasar bernilai RM3 bilion.

Keseluruhan Bandar Tiram dijangka siap menjelang 2020 dan bakal mengubah Ulu Tiram menjadi bandar baharu moden dan berkembang maju. Pada 2013, sejumlah 262 unit kediaman dan komersil telah dilancarkan dengan nilai pembangunan kasar RM120 juta.



Taman Bukit Dahlia

Taman Bukit Dahlia dibangunkan di atas tanah seluas 168 hektar terletak di Perbandaran Pasir Gudang - satu daripada koridor pertumbuhan Johor. Pembangunan bercampur ini melibatkan lebih 3,800 unit rumah teres, berkembar dan banglo serta kompleks komersil. Taman Bukit Dahlia dikelilingi pelbagai kemudahan awam seperti taman Bandar Pasir Gudang, sekolah, politeknik, balai polis, Hospital Pakar KPJ, bank, pasar raya besar, trek lumba dan stadium sukan. Projek ini dijangka menjana nilai pembangunan kasar RM930 juta. Pada 2013 menyaksikan 410 unit kediaman dan komersil dilancarkan dengan nilai pembangunan kasar RM190 juta.

Taman Damansara Aliff

Taman Damansara Aliff dibangunkan di atas tapak 90 hektar terdiri daripada kedai pejabat, apartmen dan unit kediaman. Terletak di Johor Bahru, ia boleh dihubungkan melalui Lebuh raya Perling-Pasir Gudang atau Jalan Tampoi. Fasa kedua melibatkan 121 unit rumah teres dua tingkat dan dijangka disiapkan dalam masa terdekat. Pada 2013, sejumlah 42 unit kedai pejabat dilancarkan dengan nilai jualan RM78 juta.

The Twin Residences di Tampoi

Apartmen berkembar setinggi 14 tingkat ini terletak bersebelahan Lebuh raya Perling-Pasir Gudang. Ia merupakan antara projek pembangunan yang sedang rancang dibina oleh JLand dan menawarkan 320 unit kediaman yang menyediakan keselesaan maksimum dengan panorama menarik, selamat dan tenang. Pada 2013, sejumlah 160 unit apartmen Tower B telah dilancarkan dengan nilai pembangunan kasar RM66 juta.

Pembangunan Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik

Kepesatan pembangunan dalam Wilayah Iskandar menjana peningkatan aktiviti ekonomi. Berdasarkan kajian Iskandar Regional Development Authority (IRDA) lebih 27,000 peluang pekerjaan diwujudkan sejak 5 tahun lalu yang mendorong peningkatan permintaan rumah khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sebagai syarikat hartanah yang bertanggungjawab, JLand dan JCorp



merancang untuk membina 8,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik di kawasan 68 hektar melibatkan lima lokasi utama di Bandar Dato' Onn, Ulu Tiram, Larkin, Kempas dan Majidee. Pembangunan ini dijangka siap sepenuhnya pada 2020.

Memorandum Perjanjian (MoA) Di Antara Johor Corporation dan Kerajaan Negeri Johor ditandatangani pada 3 September 2013 bagi mengukuhkan komitmen kedua-dua pihak berkaitan pembangunan rumah kos rendah dan mampu milik dalam Wilayah Iskandar. Pembangunan 3,600 unit rumah berkenaan dijangka diserahkan kepada pembeli pada 2017. Rumah yang dirancang ialah di Taman Seroja (304 unit); Bandar Dato' Onn (1,150); Bandar Tiram Fasa 1 (630); Bandar Tiram Fasa 3 (450); Bandar Baharu Majidee (400); Kempas (360) dan Larkin (340). Kemudahan asas seperti lot kedai, tadika, surau dan masjid dan taman permainan turut dirancang bagi memenuhi keperluan komuniti di situ.

Pada Disember 2013, JLand menyerahkan 154 unit rumah kos rendah di Taman Bukit Tiram kepada bekas penduduk Kampung Oren. Upacara penyerahan kunci telah disaksikan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor.



TPM TECHNOPARK SDN BHD

TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB) adalah syarikat anak milik penuh JCorp yang terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur serta ejen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik JCorp.

Pada 2013, TTSB menjual kira-kira 123 hektar tanah industri milik JCorp bernilai RM263 juta sekali gus menyaksikan peningkatan jualan sebanyak 38 peratus berbanding 2012.

TTSB sentiasa fokus dalam misi menarik pelaburan dari luar negara dan memperkenalkan Johor sebagai lokasi pilihan pelaburan di Malaysia. Untuk itu, TTSB merancang mempelbagaikan strategi pemasaran seperti menganjurkan majlis minum petang bersama pelabur dan bakal pelabur selain menyertai pameran, misi dan sesi dialog perdagangan serta pengiklanan. TTSB juga menyertai program pemasaran anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kerajaan Negeri Johor. Kedudukan Johor bersebelahan Singapura juga dimanfaatkan sepenuhnya sebagai kelebihan strategik dan kompetitif dalam pelaburan.

Sementara itu, tanah seluas 2,832 hektar milik TTSB di Sedenak dirancang untuk dibangunkan sebagai Bandar Baharu Integrasi Sedenak yang fokus pembangunannya sebagai pusat pangkalan data, aktiviti berkaitan teknologi maklumat, pusat komersil serta zon perumahan. Ini secara tidak langsung memperkenalkan Johor sebagai pusat pangkalan data kedua di Malaysia. Buat masa ini, TTSB bakal menerima pelaburan satu pembekal pangkalan data di situ.

TTSB juga berperanan sebagai pengurus beberapa projek Kumpulan JCorp. Antaranya, kerja menaiktaraf Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), pembinaan kilang biomas di Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC), Tanjung Langsat serta pembangunan Kem Timbalan Setia Negeri di Jalan Tasek Utara, Johor Bahru yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM469 juta. Kilang biomas tersebut juga akan menyumbang sebahagian besar pendapatan kepada TTSB.

Sepanjang 2013, TTSB menyiapkan 14 projek bernilai RM119 juta termasuk pembinaan dermaga baharu di Jeti Cecair Pelabuhan Tanjung Langsat, pembangunan Masjid Simpang Kiri di Tanjung Piai, Pusat Pertubuhan Badan Rekreasi & Komuniti di Pengerang serta pembinaan Sekolah Tamil di Taman Mount Austin, Johor Bahru.

TTSB turut berhasrat menyumbang keuntungan menerusi jualan tanah perindustrian dalam kawasan *development right* dengan mengoptimalkan harga tanah. Selain itu, TTSB merancang mempelbagaikan sumber pendapatan merangkumi projek yang mampu memberi kelangsungan kepada perniagaan teras TTSB termasuk pembinaan Premium Corporate Premises yang menawarkan 14 unit kilang siap bina di Zon 12B Pasir Gudang dan dijangka siap November 2014.

Untuk prospek 2014, selain penjualan tanah serta kutipan jualan tanah industri, TTSB melalui JCorp merancang untuk terus mendapatkan kawasan baharu yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai zon industri. Kawasan yang dikenalpasti adalah cadangan tambahan Zon 5 di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat, Kompleks Penapisan Petrokimia Bersepadu Pengerang dan pembangunan Sungai Lebam.

DAMANSARA REALTY BERHAD (DBhd)

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, perolehan Kumpulan DBhd susut kepada RM184.3 juta berbanding RM197.2 juta pada 2012. Walaupun terdapat penurunan 6.5 peratus, Kumpulan berjaya meningkatkan jumlah perolehan bagi bahagian perkhidmatan hartanah kepada RM184.3 juta (peningkatan 1.6 peratus) berbanding RM181.4 juta pada 2012.

Keuntungan sebelum cukai Kumpulan pula berjumlah RM10.2 juta, meningkat dengan ketara sebanyak 75.9 peratus berbanding RM5.8 juta pada 2012. Sejajar dengan peningkatan keuntungan itu, Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM8.9 juta.

Pembangunan Korporat

Pada 6 Mac 2014, JCorp, pemegang saham utama syarikat menandatangani perjanjian dengan Seaview Holdings Sdn Bhd (Seaview) yang membolehkan pengambilalihan saham JCorp dalam DBhd sebanyak 51 peratus. Apabila pengambilalihan itu selesai, jumlah saham yang dimiliki oleh Kumpulan JCorp akan menurun kepada 13.8 peratus (pada masa ini, pegangan JCorp dalam DBhd adalah 64.8 peratus).

Bahagian Pembangunan Hartanah

Langkah pertama diambil Kumpulan selepas inisiatif berkaitan peningkatan kebolehpasaran dan nilai Taman Damansara Aliff (TDA) ialah melaksanakan pembangunan 24 unit kedai pejabat (Fasa 1) pada pertengahan 2013 dan dijangka siap pertengahan 2015. Setakat ini, 46 peratus unit itu telah dijual dan Kumpulan dijangka mencatat keuntungan setelah pembangunan itu selesai.

Pada masa sama, perkembangan Bandar Damansara Kuantan (BDK) masih tidak aktif memandangkan permintaan agak terhad. Satu-satunya sumbangan BDK kepada Kumpulan ialah hasil sewaan 171 hektar ladang kelapa sawit.

Bahagian Perkhidmatan Hartanah

Pada 2013, bahagian perkhidmatan hartanah mencatatkan perolehan RM184.3 juta, meningkat 1.6 peratus berbanding RM181.4 juta pada 2012. Dari segi keuntungan selepas cukai, bahagian ini mencatatkan



sejumlah RM4.7 juta, peningkatan 213.3 peratus berbanding RM1.5 juta pada 2012.

Pada 2013 juga, Kumpulan melancarkan Pelan Integrasi bertujuan mengkaji semula proses, sumber manusia serta teknologi melalui pelaburan dalam sistem IT di samping memperkemaskan operasi pejabat. Program ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2014.

Healthcare Technical Services Sdn Bhd (HTS)

Pada 2013, HTS menguruskan kontrak pembinaan hospital baharu bernilai RM0.62 juta, kontrak pembesaran hospital bernilai RM0.44 juta dan projek pengubahsuaian bernilai RM0.13 juta. HTS mencatatkan pendapatan sebanyak RM8.6 juta dengan RM2.1 juta bagi keuntungan sebelum cukai.

Bahagian Perancangan, Pembinaan dan Pengurusan Projek

Bahagian ini kekal sebagai penyumbang utama apabila menyumbang RM5 juta untuk perolehan syarikat pada 2013. Pada 2013, HTS menyiapkan tiga kontrak pembinaan iaitu Hospital Pakar Sabah, Hospital Pakar Muar dan Kampus Baharu Kolej Universiti KPJ di Nilai. Setakat ini, Bahagian ini menyelia projek hospital dengan nilai kontrak kira-kira RM1.1 bilion.

Bahagian Perkhidmatan Tenaga Manusia Dan Fasiliti Kejuruteraan

Bahagian ini menyumbang RM3 juta dalam bentuk perolehan yang secara keseluruhan dijana melalui yuran pengurusan penyelenggaraan dan aktiviti FEM bagi 22 hospital di bawah Al-Aqar Healthcare REIT.

TMR Urusharta Sdn Bhd

TMR Urusharta Sdn Bhd (TMR) menawarkan rangkaian lengkap perkhidmatan berkaitan Pengurusan Fasiliti Bersepadu (IFM). Pada masa ini, TMR menguruskan lebih daripada 10 juta kaki persegi hartanah, merangkumi klien dari sektor kerajaan, swasta dan syarikat berkaitan kerajaan di Malaysia.

TMR mencatatkan perolehan RM45.4 juta dan RM0.7 juta keuntungan sebelum cukai bagi 2013. Selain itu, TMR memperolehi kontrak bernilai RM10.5 juta pada 2013.

Metro Parking (M) Sdn Bhd

Metro Parking (M) Sdn Bhd (Metro Parking) - pengusaha parkir kereta terulung di Malaysia selain beroperasi di Singapura, Brunei, Filipina dan India. Setakat ini, Kumpulan Metro Parking mengendalikan sejumlah 209 tempat letak kereta yang melibatkan 72,122 petak.

Bagi 2013, Kumpulan Metro Parking mencatatkan RM104.8 juta dalam bentuk perolehan dan RM2.1 juta bagi keuntungan sebelum cukai. Di samping itu, Kumpulan memperolehi kontrak meliputi 15,318 petak baharu iaitu 10,255 petak di Malaysia dan bakinya di luar negara.

HC Duraclean Sdn Bhd (HC Duraclean)

HC Duraclean adalah francais induk kepada Duraclean International Incorporation dan mempunyai 20 pemegang francais. Ia menawarkan pelbagai perkhidmatan pembersihan meliputi aset komersil dan kediaman serta perkhidmatan khusus meliputi pembersihan pesawat, lapangan terbang dan hospital. Pada 2013, syarikat mencatatkan perolehan RM25.6 juta manakala keuntungan sebelum cukai ialah RM1 juta.

PELABUHAN TANJUNG LANGSAT - PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Pelabuhan Tanjung Langsat (TLP) mencatatkan pertumbuhan yang sangat memberangsangkan sepanjang 2013. Pelabuhan mencecah RM850 juta untuk membangunkan infrastruktur dan fasiliti itu bukan sahaja menghasilkan sebuah pelabuhan moden serta berkembang pesat malah menjadikan TLP sebagai sebuah destinasi pelabuhan menarik untuk industri pembuatan dan aktiviti perdagangan minyak.

Jumlah Bilangan Kapal

Tahun	2010	2011	2012	2013	2013/2012
Bil kapal berlabuh	225	252	559	767	37.2%

Jumlah kapal yang menggunakan TLP meningkat 37.2 peratus pada 2013. Sebanyak 85 peratus daripada jumlah itu adalah kapal tangki minyak yang bilangannya meningkat dengan ketara daripada 408 pada 2012 kepada 652 pada 2013. Kerja-kerja mendalamkan lagi kawasan perairan di jeti cecair kepada 15 meter selesai pada penghujung 2012 dan membolehkan lebih banyak kapal bersaiz besar berlabuh dengan selamat.

Jumlah Kargo (Juta MT)

Tahun	2010	2011	2012	2013	2013/2012
Jumlah Kargo (Juta MT)	4.73	4.00	7.85	11.60	47.8%

TLP mencipta rekod sebagai jeti persendirian terbesar di Malaysia kerana mencatatkan pengendalian 11.60 juta tan metrik kargo sepanjang 2013. Pengendalian kargo cecair pula meningkat 45.9 peratus iaitu 11.12 juta tan metrik pada 2013 berbanding 7.62 juta tan metrik pada 2012.

Pembinaan Dermaga 8 dan 9

Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) yang pesat ke Tanjung Langsat mewujudkan permintaan yang tinggi terhadap penggunaan kemudahan jeti cecair dan jeti kering. Penggunaan 5 dermaga di jeti cecair yang akan mencapai tahap maksimum dalam tempoh terdekat ini memerlukan TLP menambah kapasiti pengendalian kargo dengan membina dermaga baharu. Pembinaan dermaga 8 dan 9 sedang rancak dilaksanakan. Ia dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku kedua 2014. Dua dermaga ini akan menambah kapasiti pengendalian kargo cecair sebanyak 10 juta metrik tan. Peningkatan kapasiti sebanyak 40 peratus ini adalah bagi menampung keperluan bakal pelabur dalam aktiviti penyimpanan minyak pada masa akan datang.

Pada 2013, kerajaan melulus dan mengeluarkan pinjaman mudah berjumlah RM110.8 juta kepada TLP bagi menampung kos pembinaan dua dermaga ini sekali gus merupakan bukti komitmen kerajaan untuk menjadikan TLP sebuah hab industri minyak dan gas (O&G).

Penstrukturan Semula Aset Pelabuhan

Walaupun TLP sebelum ini memiliki aset pelabuhan seperti jeti dan terminal minyak, sebahagian besar tanah di kawasan pelabuhan adalah milik pelbagai syarikat dalam Kumpulan JCorp. Kemampuan TLP untuk terus membangunkan infrastruktur dan kemudahan pelabuhan adalah terhad sekali gus boleh memperlambatkan pertumbuhan pesat di situ. Sehubungan itu, JCorp dan syarikat dalam Kumpulan melaksanakan Program Rasionalisasi Aset (ARP) di mana semua aset di kawasan pelabuhan diambilalih oleh JCorp. Konsolidasi semua aset ini di bawah JCorp membolehkan pembangunan berjalan dengan lebih lancar dan seterusnya memaksimumkan potensi pelabuhan untuk mencapai tahap lebih tinggi. Proses ARP ini juga membebaskan beban kewangan Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (TLPSB) kerana kini syarikat hanya beroperasi sebagai pengurus operasi dan bukan lagi sebagai pemilik pelabuhan. ARP ini disempurnakan pada 30 Jun 2013 dan TLPSB diberikan Konsesi Pengurusan Pelabuhan untuk tempoh 30 tahun.

TLP telah menyertai beberapa misi pelaburan di dalam dan luar negara seperti Amerika Syarikat dan Eropah. Pada masa sama, TLP terus menjalin kerjasama rapat dengan agensi penggalak pelaburan seperti MIDA, Johor State Investment Centre (JSIC), IRDA dan MPRC bagi mengukuhkan TLP sebagai hab industri O&G di rantau ini.

Pangkalan Perkhidmatan Marin

Pembangunan pelabuhan ketika ini dibahagikan kepada 4 zon utama – jeti, terminal penyimpanan, kawasan perindustrian dan pangkalan perkhidmatan marin. Kecuali pangkalan perkhidmatan marin, zon lain telah siap dibangunkan untuk memenuhi keperluan pelabur dan pengguna pelabuhan.

Pangkalan perkhidmatan marin adalah komponen terakhir bagi melengkapkan pelan induk pembangunan TLP untuk menjadikannya hab industri O&G. Pembangunan pangkalan ini bermula pertengahan 2013 dengan termeterai perjanjian usahasama (JVA) dan perjanjian pengurusan (MA) melibatkan JCorp dan pakar dalam perancangan, pembangunan dan pengkomersilan projek seumpamanya.

Langsat Marine Base Sdn Bhd (LMB), pemilik 41.8 hektar tanah untuk tapak pangkalan perkhidmatan marin dan pemegang lesen 'Gudang Berlesen Awam' (GBA), menandatangani JVA bersama Oilfields Supply Centre Ltd (OSC) pada 8 Julai 2013. OSC adalah pengurus dan pengendali pangkalan perkhidmatan marin terbesar di Timur Tengah (Jebel Ali Port, Dubai, Emiriah Arab Bersatu). Kontrak ini bertujuan untuk membangunkan sebuah *Regional Marine Supply Base* di atas tanah 20.2 hektar di TLP. OSC akan melabur RM100 juta untuk pembangunan Fasa 1 yang dijangka siap sepenuhnya Mei 2015.

MA melibatkan Langsat Marine Terminal Sdn Bhd (LMT) dan Port Services International Sdn Bhd ditandatangani pada 6 September 2013. LMT akan membangunkan projek Hab Pergudangan dan Logistik seluas 19.7 hektar di TLP melibatkan kos RM48.7 juta yang akan bermula pada Mei 2014 dan dijangka siap 12 bulan kemudian.

Apabila siap kelak, pangkalan perkhidmatan marin ini akan menawarkan pelbagai kemudahan seperti bangunan kilang, pergudangan mahupun lapangan terbuka.

Pembangunan *Regional Marine Supply Base* dan Hab Pergudangan dan Logistik ini akan menyediakan pelbagai peluang perniagaan bagi memenuhi permintaan berkaitan dengan aktiviti O&G di luar pesisir pantai.

Peningkatan Kecekapan dan Daya Saing

Sebuah pelabuhan lengkap dengan kemudahan moden masih tidak dapat menarik pengguna jika ia tidak cekap dan kompetitif. Justeru, TLP giat memastikan setiap pihak berkepentingan terus meningkatkan kecekapan dan daya saing TLP supaya setaraf pelabuhan terbaik lain di rantau ini.

Selain pencapaian pengurangan kos untuk pengguna pelabuhan melalui pengurangan



caj jeti persendirian dan caj perkhidmatan marin, TLP turut melaksanakan *Integrated Port Financial Management System* (IPMS) mulai pertengahan 2013.

IPMS dilaksanakan dalam dua peringkat. Sistem Operasi Marin mula digunakan pada September 2013 dan beroperasi sepenuhnya menjelang 31 Mac 2014. Modul ini membolehkan agen perkapalan mendaftar tempahan secara *on-line*. IPMS juga membantu TLP meningkatkan sistem jadual perkapalan dan komunikasi antara pengurusan pelabuhan serta agen perkapalan.

Sistem Pengurusan Kewangan dibangunkan pada Oktober 2013 bagi membolehkan integrasi di antara Sistem Operasi Marin dan Sistem Pengurusan Kewangan, contohnya untuk menghasilkan invoice secara elektronik. Sistem ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada 30 April 2014.

Unjuran Masa Hadapan

Sebagai sebuah pusat pembangunan industri O&G, TLP menerima pelbagai insentif dan kemudahan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

Pengguna-pengguna baharu pelabuhan pada 2014 termasuk Evyap Inc dari Turki, KTL Offshore Pte Ltd dari Singapura dan Musim Mastika, sebuah syarikat anak Musim Mas Group, Indonesia. Selain itu, Puma Energy sedang membangunkan kilang pengeluaran bitumen yang dijangka beroperasi pada Mei 2014.

Pertumbuhan dua angka dalam beberapa tahun kebelakangan ini membuktikan daya saing dan tarikan terhadap pelabur-pelabur ke TLP. Peningkatan kemudahan moden dan insentif berterusan juga membolehkan pelabuhan itu di landaskan yang betul untuk meneruskan kecemerlangan pada tahun-tahun akan datang.

DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) merupakan syarikat anak milik penuh JCorp yang menjalankan aktiviti pengurusan hartanah komersil khususnya kompleks beli-belah dan bangunan pejabat. Sehingga kini, DASB menguruskan 2.67 juta kaki persegi ruang boleh disewa yang terletak di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

DASB menguruskan bangunan komersil yang dimilikinya terdiri daripada Galleria@Kotaraya, Menara KOMTAR, Pasaraya Komuniti @mart Kempas, Pusat Bandar Damansara, bangunan KFCH International College, Pusat Perniagaan Taman Dahlia dan Terminal Bas Sentral Kotaraya manakala



Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC sedang dibangunkan semula.

Selain itu, DASB menguruskan bangunan milik Kumpulan JCorp iaitu Jeti Tanjung Leman, Tunjuk Laut Beach Resort, Menara Ansar, Larkin Sentral serta bangunan milik Majlis Perbandaran Pasir Gudang iaitu Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

PEMBANGUNAN SEMULA KOMTAR JBCC

Pembangunan semula KOMTAR JBCC membabitkan komponen utama meliputi kerja-kerja pembinaan semula podium ruang niaga (pusat beli-belah), naik taraf menara pejabat sedia ada, pembinaan sebuah menara pejabat baharu dan sebuah menara hotel di atas podium ruang niaga.

Komponen Pembangunan Semula KOMTAR JBCC:

Komponen Pembangunan	Ruang Boleh Disewa (kp)
Menara Pejabat Sedia ada	163,000
Menara Pejabat Baharu	347,975
Menara Hotel (Baharu)	145,770
Pusat Beli-Belah (Dibina Semula)	400,548
Jumlah	1,057,293

Pembangunan semula KOMTAR JBCC juga akan dilengkapi dengan kemudahan seperti masjid seluas 18,706 kp, tempat letak kereta sebanyak 1,621 unit dan tempat letak motosikal sebanyak 619 unit.

Pembinaan superstruktur Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC setinggi lapan tingkat ini telah mencapai 67 peratus.

Begitu juga, pembinaan dua struktur laluan keluar-masuk pengunjung berkenderaan ke KOMTAR JBCC sedang giat dilaksanakan. Ia terdiri daripada *Spiral Ramp* untuk laluan keluar dan masuk ke kawasan tempat letak kereta Tingkat 4 KOMTAR JBCC dari *Interchange Jalan Tebrau*, dan juga *Building Ramp* untuk laluan masuk dari Jalan Wong Ah Fook ke kawasan tempat letak kereta di Tingkat 3 dan keluar ke Jalan Tun Abdul Razak.

Apabila dibuka kelak, Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC akan menempatkan pelbagai produk berjenama antarabangsa di samping menempatkan sebuah pusat rekreasi keluarga dalam bangunan. Meskipun begitu, penyewa-penyewa Bumiputera akan tetap diberi peluang untuk terus berkembang maju. Pihak JCorp melalui syarikat anaknya, DASB telah memeterai perjanjian penyewaan dengan penyewa utama iaitu Metrojaya dan beberapa penyewa *Specialty Stores*. Sehingga akhir 2013, kadar ke penghunian KOMTAR JBCC adalah 81 peratus.

MENAIK TARAF BANGUNAN PEJABAT MENARA KOMTAR

Seiring dengan pembangunan semula Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC, kerja-kerja menaik taraf bangunan pejabat Menara KOMTAR juga telah dimulakan pada Mei 2013 melibatkan fasad, lobi utama di tingkat bawah dan di lobi setiap tingkat, kesemua lif dan tandas lelaki serta wanita. Apabila kerja-kerja menaik taraf siap, Menara KOMTAR bakal menempatkan ibu pejabat JCorp dan juga syarikat dalam Kumpulannya. Dengan kemasukan JCorp sebagai penyewa utama, Menara KOMTAR dijangka mempunyai kadar ke penghunian sebanyak 98 peratus.

PELANCARAN PENJENAMAAN SEMULA PEMBANGUNAN KOMTAR

Pada 4 Jun 2013, Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Pembangunan KOMTAR diadakan di Persada Johor. Majlis ini dirasmikan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Besar Johor.

Penjenamaan Semula Pembangunan KOMTAR sebagai Johor Bahru City Centre (JBCC) menggambarkan keseluruhan pembangunan di atas tanah seluas 5 hektar yang bertaraf antarabangsa merangkumi pusat beli-belah, dua menara pejabat, dan hotel seiring dengan aspirasi untuk menjadikan Johor Bahru sebuah metropolis bertaraf antarabangsa.

Serentak dengan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula KOMTAR ini, DASB turut mengumumkan pembukaan Angry Birds Activity Park di Pusat Beli-





Belah KOMTAR JBCC yang bakal menjadi taman tema di dalam bangunan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara. DASB telah menandatangani perjanjian pelesenan dengan syarikat pengasas permainan Angry Birds, Rovio Entertainment Ltd yang berpangkalan di Finland untuk membuka Angry Birds Activity Park seluas 2,415 meter persegi di tingkat tiga pusat beli-belah KOMTAR JBCC.

PASARAYA KOMUNITI @MART KEMPAS

Pada 24 April 2013, Majlis Perhimpunan Rakyat & Majlis Penawaran Rumah Mampu Milik Kepada Bekas Penduduk Rumah Rakyat Tampoi dan Denai Permai, Tampoi dianjurkan di Pasaraya Komuniti @mart Kempas. Majlis ini dirasmikan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Majlis ini bertujuan memperkenalkan projek perumahan mampu milik yang akan dibangunkan oleh JCorp dengan kos RM28.2 juta membabitkan 160 unit kediaman berharga RM35,000 setiap satu, 80 unit berharga RM50,000 setiap satu manakala 64 unit lagi dijual pada harga RM80,000 setiap satu. Sebanyak 44 unit dikhaskan kepada bekas penduduk Rumah Rakyat Tampoi manakala 84 unit lagi kepada penduduk Denai Permai.

GALLERIA@KOTARAYA

Pada 15 Julai 2013, Majlis Sentuhan Kasih Ramadan telah diadakan di Galleria@Kotaraya. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato' Kamaruzzaman bin Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp dan Tuan Haji Ismail bin Karim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Majlis ini diadakan bagi tujuan memperkenalkan program pengagihan bubur lambuk sepanjang Ramadan kepada orang ramai di Galleria@Kotaraya melalui Tabung Sentuhan Kasih Ramadan yang ditubuhkan DASB dengan kerjasama Waqaf An-Nur Corporation Berhad.

Di samping itu, majlis ini dianjurkan bagi tujuan penganugerahan Sijil Penggredan A oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) kepada 16 penyewa Medan Selera Galleria@Kotaraya, penyerahan pondok polis dan perasmian Pasaraya Kapitan@Galleria yang merupakan pasar raya baharu terbesar di pusat perniagaan Johor Bahru.

Pada 12 Oktober 2013, Majlis Perasmian Kids Day@Galleria telah diadakan di Galleria@Kotaraya. Sempena dengan Kids Day@Galleria, sebuah taman permainan awam iaitu Angry Birds Activity Park dibuka secara rasmi dan majlis ini telah disempurnakan oleh Ydh Datin Noor Laila Yahaya, Pengerusi Mutiara JCorp yang diiringi oleh YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp.

PENJUALAN PUSAT BANDAR DAMANSARA

DASB melalui syarikat anaknya Bukit Damansara Development Sdn Bhd (BDDSB) telah menyempurnakan penjualan Pusat Bandar Damansara bernilai RM700 juta kepada Impian Ekspresi Sdn Bhd (IESB) pada 29 November 2013. Sebagai imbalan, DASB/BDDSB menerima tunai berjumlah RM500 juta dan dua bangunan pejabat bernilai RM200 juta yang terdiri daripada



Menara VSQ1 setinggi 19 tingkat di Petaling Jaya bernilai RM140 juta dan sebuah bangunan pejabat di Pusat Bandar Damansara yang akan dibangunkan semula dalam tempoh lima tahun akan datang seluas 80,000 kaki persegi bernilai RM60 juta.

KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT 2013

DASB telah menjana kenaikan perolehan sebanyak 120 peratus daripada RM29.8 juta pada 2012 kepada RM65.5 juta pada 2013 hasil daripada pendapatan sewa bangunan dan penjualan kedai pejabat di Kempas Town Centre. Keuntungan sebelum cukai syarikat juga meningkat daripada RM16.9 juta kepada RM82.7 juta. Peningkatan ketara ini adalah sumbangan pelarasan ke atas nilai hartanah yang dimiliki syarikat berjumlah RM85 juta.

Di peringkat Kumpulan DASB, perolehan bagi 2013 menurun sebanyak 10 peratus dari tahun sebelumnya iaitu dari RM90 juta kepada RM81 juta disebabkan oleh penjualan Pusat Bandar Damansara di samping penjualan TMR Urusharta (M) Sdn Bhd dan HC Duraclean Sdn Bhd kepada Damansara Realty Berhad. Selain itu, terdapat *item* luar biasa yang diambil kira dan meningkatkan perbelanjaan pentadbiran Kumpulan iaitu nilai jualan Pusat Bandar Damansara lebih rendah daripada nilai buku sebanyak RM25 juta pelarasan nilai hartanah Pusat Bandar Damansara di masa hadapan sebanyak RM24 juta dan pelarasan *goodwill* ke atas syarikat Tunjuk Laut Resort Sdn Bhd sebanyak RM22 juta. Oleh demikian, keuntungan sebelum cukai kumpulan DASB menurun daripada RM41.4 juta pada 2012 kepada RM2.7 juta bagi 2013.



Pada 2013 juga, Kumpulan DASB telah melunaskan tiga obligasi korporat yang utama berjumlah RM538 juta terdiri daripada RM400 juta pinjaman Maybank yang dibuat untuk Penyelesaian Bon Berjadual pada 2009, RM80 juta pinjaman RHB Investment Bank yang dibuat untuk nyah senarai JLand pada 2009 dan RM58 juta Maybank Islamic yang dibuat untuk penebusan RCCPS daripada institusi kewangan pada 2005.

SEKTOR HOSPITALITI



SEKTOR HOSPITALITI

JCorp Hotels And Resorts Sdn Bhd (JHR SB) menerajui Sektor Hospitaliti milik Johor Corporation yang berada di Johor, Negeri Sembilan dan Pahang iaitu The Puteri Pacific Johor Bahru, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Hotel Selesa Johor Bahru, Hotel Selesa Pasir Gudang, Sibul Island Resort, Selesa Beach Resort Port Dickson dan Selesa Tioman Condotel.

PRESTASI

Bisnes hospitaliti menjana pendapatan tahunan melebihi RM70 juta. Dengan keuntungan operasi sebelum cukai yang kekal positif, usaha keras yang berterusan telah dilakukan dan sentiasa merebut peluang dari kepelbagaian produk dalam industri pelancongan yang sedia ada seperti dalam bidang sukan dan rekreasi, pendidikan, penjagaan kesihatan, pembangunan komersil dan sektor-sektor lain.

MASA HADAPAN

Mengorak langkah ke hadapan, Bahagian ini akan memberi fokus kepada The Puteri Pacific Johor Bahru, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor dan Sibul Island Resort bagi memastikan bisnes terus mapan, berdaya saing dan komited dalam mengurangkan perbelanjaan modal. Rangkaian Hotel Selesa iaitu Hotel Selesa Johor Bahru, Hotel Selesa Pasir Gudang dan Selesa Beach Resort Port Dickson pula telah dikenalpasti untuk dilupuskan.

Dengan proses menaiktaraf The Puteri Pacific Johor Bahru yang telah selesai, Bahagian Hospitaliti akan lebih berdaya saing dan bersedia menyambut kehadiran pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

SEKTOR BISNES INTRAPRENEUR



Johor Corporation (JCorp) sebagai sebuah agensi pembangunan ekonomi Negeri Johor telah diberi peranan penting dalam melaksana dan memperkukuhkan program pembangunan keusahawanan di negeri ini. Penglibatan JCorp dalam program ini tidak hanya terhad kepada pemberian sokongan untuk pembangunan individu sebagai usahawan dan membuka peluang-peluang bisnes di bawah satu Rumpun Enterprais JCorp malah mempertingkatkan keupayaan dari aspek penyediaan kemahiran dan pengetahuan pengurusan selain premis dan infrastruktur bisnes yang bersesuaian bagi kejayaan pembangunan usahawan secara keseluruhan.



Pada 31 Disember 2013, terdapat 53 syarikat diletakkan di bawah Skim Intrapreneur JCorp. Perolehan secara agregat yang dicatatkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 berjumlah RM755.4 juta. Keuntungan sebelum cukai secara agregat bagi syarikat intrapreneur tersebut meningkat 49.5 peratus kepada RM66.7 juta berbanding RM44.6 juta tahun sebelumnya.

Bilangan syarikat intrapreneur yang mencatatkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1.1 juta kekal pada 11 syarikat seperti pada 2012. Tiram Travel Sdn Bhd (Tiram Travel) berjaya menjadi syarikat intrapreneur pertama yang mencatat keuntungan sebelum cukai melebihi RM4 juta.

Pada masa sama, pemantauan bisnes secara berterusan dilakukan oleh JCorp khususnya melalui syarikat induk masing-masing terhadap semua 53 syarikat intrapreneur sesuai dan sejajar dengan sinergi bisnes yang dijalankan antara syarikat induk dengan syarikat-syarikat intrapreneur di bawahnya.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, sebanyak 24 syarikat intrapreneur berada di bawah Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad (tiga), QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd (dahulunya QSR Brands Bhd) (tiga), Damansara Realty Berhad (11), Waqaf An-Nur Corporation Berhad (dua) dan 10 syarikat di bawah pemantauan langsung JCorp.

Perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan JCorp pada 26 November 2011 yang bertujuan mempertingkatkan lagi program pembangunan usahawan menyaksikan lima intrapreneur JCorp menerima pembiayaan dari MARA melalui skim pembiayaan khas *The Baron* yang membolehkan intrapreneur terlibat membeli peratus saham yang lebih besar dalam syarikat intrapreneur yang diterajuinya. Sehingga 31 Disember 2013, MARA mengeluarkan sejumlah RM2.3 juta pembiayaan kepada intrapreneur tersebut.

Dalam Program Jejak 2013 anjuran TERAJU yang diadakan di Persada Johor pada 5 dan 6 Februari 2013, TERAJU mengumumkan tiga syarikat intrapreneur JCorp iaitu Microwell Bio Solutions Sdn Bhd, Edaran Badang Sdn Bhd dan Extreme Edge Sdn Bhd diterima untuk menyertai program TeraS yang membolehkan syarikat ini mendapat pelbagai sokongan dan insentif TERAJU untuk perkembangan bisnes yang pada akhirnya diharapkan dapat disenaraikan di Bursa Malaysia.

Syarikat intrapreneur JCorp turut mendapat pengiktirafan dari luar apabila lima daripadanya tersenarai dalam *SME100 Award - Fast Moving Companies 2013*. Syarikat intrapreneur yang tersenarai adalah Tiram Travel, Tepak Marketing Sdn Bhd, Syarikat Pengangkutan Maju Berhad, Microwell Bio Solutions Sdn Bhd dan Healthcare IT Solutions Sdn Bhd. Di samping itu, Tiram Travel berjaya menduduki senarai sepuluh syarikat terbaik anugerah berkenaan.

Komitmen JCorp untuk melahirkan lebih ramai usahawan adalah suatu inisiatif yang dirancang secara komprehensif dan secara berterusan. Selaras dengan aspirasi kerajaan, JCorp juga bukan sahaja berusaha menambah bilangan usahawan tetapi pada masa sama memastikan setiap usahawan memiliki kualiti dan jati diri untuk terus cemerlang.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Adalah menjadi dasar Johor Corporation (JCorp) untuk memastikan segala perjalanan operasinya mematuhi tadbir urus korporat yang baik. Perubahan persekitaran bisnes serta cara ia dijalankan menjadi faktor utama di dalam pembentukan tadbir urus korporat sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, JCorp sebagai sebuah perbadanan pelaburan di bawah Kerajaan Negeri Johor, perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Perbadanan Johor No. 4/1968 (sebagaimana pindaan Enakmen No. 5/1995), Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

JCorp sentiasa menjalankan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnes syarikat di dalam Kumpulan melalui ahli Lembaga Pengarah, sistem pentadbiran syarikat dan juga semua jawatankuasa tadbir urusnya. JCorp berbangga dengan piawaian tadbir urus korporat dan reputasi yang telah dibina dan percaya semua ini adalah penting bagi membina jenama yang kukuh serta mempertahankan nilai pihak-pihak berkepentingan. JCorp juga mengamati piawaian yang tinggi mengenai amalan korporat yang selari dengan prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (yang bersesuaian).

JCorp telah meletakkan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, garis pelaporan dan tanggungjawab serta prosedur-prosedur yang mudah difahami. Berikut adalah gambaran amalan tadbir urus korporat Kumpulan seperti yang dinyatakan.

LEMBAGA PENGARAH Komposisi

Lembaga Pengarah JCorp dianggotai oleh 11 orang ahli terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, wakil-wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan yang masing-masing mempunyai tiga wakil, Pengarah Bebas dan juga Presiden & Ketua Eksekutif JCorp. Semua mereka kecuali Presiden & Ketua Eksekutif, merupakan Pengarah Bukan Eksekutif.

Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi JCorp dengan cara menetapkan arah tuju dan objektif, memastikan kecukupan serta ketelusan strategi-strategi, prestasi kewangan, isu-isu bisnes dan juga sistem kawalan dalaman JCorp.

Seperti yang termaktub dalam Enakmen, Pengerusi mempunyai peranan berbeza dengan Presiden & Ketua Eksekutif. Presiden & Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk mengawal aliran maklumat antara pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan ia berkualiti dan terkini.

Sebaliknya, Pengerusi yang merupakan bukan kalangan pengurusan pula bertanggungjawab bagi memastikan Lembaga Pengarah berfungsi seperti mana diharapkan. Beliau juga memastikan Lembaga Pengarah dan pengurusan berbincang secara membina mengenai pelbagai perkara terutama berkaitan isu-isu strategik dan proses perancangan bisnes.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat bagi menganalisis prestasi JCorp dan menyelesaikan perkara berkaitan isu dasar dan strategik bisnes di dalam JCorp dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulannya. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan akan, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima orang ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas di dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang 2013, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak empat kali.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi serta memudahkan membuat keputusan, dan pada masa sama memastikan kawalan yang bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong dua jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Audit serta Jemaah Lembaga Tawaran Dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding. Fungsi pengurusan pula dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) dan pelbagai jawatankuasa tadbir urus lain.

Capaian Kepada Maklumat

Pengurusan sentiasa menyalurkan maklumat yang mencukupi dan terkini kepada Lembaga Pengarah bagi memudahkan mereka membuat keputusan. Pengurusan juga menyediakan laporan prestasi operasi dan kewangan Kumpulan secara berterusan.

SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaan di dalam syarikat-syarikat milik JCorp diuruskan oleh Pro Corporate Management Services Sdn Bhd (Pro Corporate) - penyedia perkhidmatan kesetiausahaan korporat bagi syarikat dalam Kumpulan. Fungsi Pro Corporate ini disokong oleh para setiausaha yang berkecuali dan ia bertanggungjawab untuk memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 1965 serta Keperluan Penyenaraian di Bursa Malaysia dan juga Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti, mana-mana yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan ahli Lembaga Pengarah mematuhi polisi yang digariskan dan seterusnya mencapai objektif syarikat. Pelantikan setiausaha syarikat dimajukan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk kelulusan.

Di samping itu, Pro Corporate juga bertanggungjawab untuk mentadbir pelantikan pengarah syarikat setiap tahun serta memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan



seperti lulus semua peperiksaan wajib, berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun dan sebagainya.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TADBIR URUS

JCorp sentiasa mendukung struktur dan sistem membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Korporat pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.

- **Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)**
Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif dan dianggotai 10 orang ahli. Peranannya termasuk membincang dan memutuskan isu-isu strategik JCorp dan juga syarikat-syarikat dalam Kumpulannya.
- **Jawatankuasa Teraju Korporat**
Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi dan dianggotai 14 orang ahli. Peranan jawatankuasa ini termasuk mengesahkan keputusan-keputusan yang dibuat di dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya.
- **Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)**
Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden (Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes) dan dianggotai oleh 11 orang ahli di kalangan pengurusan JCorp. Jawatankuasa ini membincangkan perkara berkaitan operasi serta kewangan dan memajukan cadangan yang signifikan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk pertimbangan dan kelulusan lanjut.
- **Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)**
Jawatankuasa ini berfungsi untuk membincangkan semua cadangan projek serta pelaburan baharu. Ia dianggotai oleh 13 orang ahli yang dilantik dari kalangan pengurusan kanan JCorp dan syarikat-syarikat dalam Kumpulan.

Di samping empat jawatankuasa utama seperti dinyatakan di atas, terdapat lebih daripada 30 jawatankuasa tadbir urus yang mempunyai fungsi dan terma rujukan masing-masing dalam memantau operasi Kumpulan. Antara jawatankuasa tersebut adalah seperti Jawatankuasa Induk Perjawatan, Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa *Special Administration*, Jawatankuasa Kemudi Korporat, Jawatankuasa Laporan Suku Tahunan, Jawatankuasa Induk Kewangan serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JCORP

Terdapat empat entiti tersenarai di dalam Kumpulan JCorp, di mana tiga daripadanya adalah tersenarai di papan utama Bursa Malaysia iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Damansara Realty Berhad. Manakala New Britain Palm Oil Limited pula di Bursa Saham Port Moresby

dan juga Bursa Saham London. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat-syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi pelbagai terma dan syarat yang dikeluarkan oleh bursa saham di mana saham mereka didaftarkan dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa audit masing-masing.

KETELUSAN

Ketelusan dalam proses membuat keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan merupakan satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberikan pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Skim Cempaka dan Konvensyen Kualiti, mereka yang menyumbangkan idea-idea bernas dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada pihak pengurusan. Selain itu, JCorp juga telah mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampaian maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang diharapkan dapat digunakan oleh anggota pekerja untuk menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

Ketelusan terhadap rakan niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, JCorp juga turut memanjangkan Borang Perakuan Peradaban ini kepada para kontraktor dan pembekal.

Ketelusan dalam penilaian prestasi anggota pekerja

Setiap anggota pekerja dinilai berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu yang dipersetujui pada awal tahun. Jabatan Pembangunan Modal Insan & Pentadbiran bersama-sama dengan setiap Ketua Jabatan yang terbabit akan

membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

JCorp juga menerima pakai sistem Penilaian Timbal Balik di mana Eksekutif Kanan ke atas akan dinilai oleh anggota pekerja bawahan dan juga rakan sekerja.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah menekankan ketepatan pembentangan supaya penilaian secara seimbang dapat dibuat berhubung dengan kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit pula mengkaji laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah; dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

Kawalan Dalam

Penyata Kawalan Dalam yang menyatakan gambaran umum mengenai kawalan dalaman adalah seperti yang dinyatakan pada muka surat 59.

Perhubungan dengan Juruaudit

Pengarah melalui Jawatankuasa Audit sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit – juruaudit ini digambarkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit sebagaimana di bawah.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Komposisi

Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Encik Izaddeen Daud, Pengarah Bebas. Ahli jawatankuasa lain pula adalah terdiri daripada Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil dan Puan Zainah Mustafa, masing-masing merupakan ahli Lembaga Pengarah Bebas syarikat-syarikat tersenarai luar dan dalam Kumpulan JCorp.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan merupakan bekas Ketua Audit Negara, manakala Puan Zainah Mustafa pula merupakan ahli felo *Association of Chartered Certified Accountant* (ACCA) United Kingdom.

KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pada 2013, Jawatankuasa telah mengadakan tiga kali mesyuarat sebagaimana berikut:

Ahli Jawatankuasa	Tarikh Mesyuarat		
	11 Mac	27 Sept	16 Dis
Encik Izaddeen Daud (dilantik mulai 1 September 2013)		✓	
Datin Paduka Zainon Haji Yusof (bersara pada 14 Ogos 2013)	✓		
Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil	✓	✓	✓
Puan Zainah Mustafa	✓	✓	✓

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Audit ini termasuk:-

Kawalan Dalam

- Menimbang keberkesanan kawalan dalaman syarikat ke atas laporan kewangannya termasuklah kawalan dan keselamatan teknologi maklumat;
- Memahami skop pemeriksaan juruaudit dalaman dan luaran ke atas kawalan dalaman bagi perkara berikut:

- Kebolehpercayaan dan ketepatan laporan kewangan;
- Keberkesanan dan kecekapan operasi;
- Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan;
- Perlindungan harta-harta syarikat.

Audit Dalaman

- Meneliti laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan JCorp (IAC);
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber-sumber audit dalaman yang membolehkannya untuk melaksanakan pengauditan;
- Menimbang penemuan audit yang penting daripada siasatan dalaman dan maklumbalas pengurusan;
- Jika perlu, mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Eksekutif Audit untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup.

Audit Luaran

- Mengadakan pertemuan berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup;
- Meneliti laporan juruaudit luar dan juga ulasan pengurusan;
- Meneliti pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang kemusykilan berkaitan dengan perletakan ataupun pemecatan juruaudit sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah;
- Berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja-kerja audit dijalankan; jenis dan skop audit serta memastikan wujudnya penyelarasan jika lebih daripada satu firma audit terlibat dalam pengauditan.

Penyata Kewangan

- Meneliti laporan kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan diberikan khususnya ke atas:-
 - Perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
 - Pelarasan penting yang timbul daripada audit;
 - Andaian operasi yang berterusan; dan
 - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.

Pengurusan Risiko

- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan-tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Tanggungjawab Lain

- Menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas-tugas lain seperti diminta dan ditakrifkan oleh Pengarah.

RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:-

- Meneliti laporan mesyuarat IAC yang diadakan pada 17 September dan 2 Disember 2013;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalam Tahunan;
- Membincangkan masalah dan juga perkara yang timbul semasa audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara-perkara lain yang menjadi perhatian mereka;
- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 6 Mac, 23 September dan 30 Disember 2013.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Tanggungjawab Jawatankuasa Audit dilengkapi oleh tugas-tugas yang dijalankan oleh IAC, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga jawatankuasa audit di syarikat-syarikat tersenarai terbabit.

Jawatankuasa Audit juga meneliti keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan dari aspek risiko utama perniagaan dan juga kewangan yang memberi kesan terhadap operasi. Berdasarkan kepada laporan juruaudit dalaman, Jawatankuasa Audit berpuashati bahawa wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi di dalam Kumpulan.

CIRI-CIRI UTAMA SISTEM KAWALAN ADALAH:

Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumuskan secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan memastikan wujudnya langkah-langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalaman *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission's (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi hartanah dan pengurusan sumber manusia.

Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap syarikat dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan kepada garis panduan yang direka untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum, dan keputusan kewangan yang dirancang. Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset-aset daripada kerugian fizikal, dan menginsurkannya pada tahap yang wajar.

Penilaian Pelaburan

Kumpulan telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung dengan kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan di dalam belanjawan tahunan. Kelulusan ke atas perbelanjaan

modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh kedua-dua jawatankuasa Panel dan juga Jawatankuasa JAWS sebelum dibentangkan di dalam mesyuarat TERAJU dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit oleh Jabatan Pematuhan & Audit Dalaman Kumpulan (GCIA). GCIA menggunakan perancangan audit berasaskan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya termasuk ke atas risiko tersebut sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalaman kepada IAC atau Jawatankuasa Audit dan memantau terhadap pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dijalankan oleh GCIA dengan dibantu oleh jabatan audit dalaman syarikat-syarikat tersenarai masing-masing. GCIA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada IAC atau Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.

JCorp juga merupakan ahli korporat di dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM). Secara tidak langsung, GCIA juga mematuhi Piawaian Audit Dalaman Professional Antarabangsa dan telah menerima pakai piawaian ini semasa melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan-keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan juga pengurusan aktiviti audit dalaman.

Aktiviti audit dalaman GCIA juga telah diiktiraf sebagai *Generally Conform* terhadap piawaian tersebut. Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional lagi cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka relevan dan terkini, GCIA juga menyediakan peluang-peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjaannya, termasuk program Juruaudit Dalaman Bertauliah. Terdapat seramai sembilan juru audit bertauliah yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan pada masa kini.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

Fungsi pengurusan risiko Johor Corporation (JCorp) adalah untuk memberikan sumbangan kukuh terhadap pencapaian objektif korporat JCorp dan Kumpulan serta membantu hala tuju strategiknya. JCorp juga komited dalam membina falsafah dan budaya organisasinya bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko perniagaan dan kecekapan pengurusan melalui aktiviti-aktiviti dalam Kumpulan. Pengurusan risiko membolehkan JCorp dan Kumpulan memanfaatkan kesempatan terhadap peluang dalam meningkatkan hasil dan keluarannya bagi memastikan setiap risiko yang diambil adalah berdasarkan kepada keputusan bermaklumat dan juga analisis yang realistik dan praktikal ke atas impak sesuatu risiko.



Mengurus kesinambungan bisnes juga adalah sebahagian daripada pengurusan risiko yang ditekankan JCorp dan Kumpulan untuk memastikan wujud kesinambungan dalam proses bisnes utama di mana ia perlu sebagai sumbangan kepada pencapaian objektif JCorp dan Kumpulan.

JCorp dan Kumpulan menyedari bahawa ia bertanggungjawab menguruskan secara sistematik serta kerap meneliti profil risiko pada peringkat strategik, kewangan dan operasi. Ia dilakukan dengan membangunkan atau menerima pakai rangka kerja pengurusan risiko dalam menentukan proses dan mengenalpasti cara untuk melaksanakan objektifnya. Dengan ini, ia bukan sahaja bertujuan untuk meminimumkan risiko malah memaksimumkan peluang-peluang yang ada.

JCorp dalam proses untuk melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus, Pengurusan Risiko dan Pematuhan Bersepadu (i-GRC) bagi syarikat dalam Kumpulan. Objektifnya untuk memastikan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan bertindak proaktif dan memberi respon kepada persekitaran yang tidak menentu, peningkatan daya saing dalam pasaran dan perubahan semasa.

Objektif Pengurusan Risiko

- Menenalpasti serta menguruskan risiko sedia ada dan risiko baharu secara terancang serta tersusun dengan halangan dan kos yang minimum (pendekatan ini penting terutama bagi JCorp yang memberi tumpuan terhadap segala perubahan dan peluang terhadap dasar serta wawasan kerajaan terhadap sektor korporat);
- Memupuk budaya kesedaran risiko yang menggalakkan semua anggota pekerja untuk menenalpasti risiko dan mengambil peluang

serta bertindak balas terhadapnya secara berkesan;

- Boleh dianggap oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan sebagai peneraju di kalangan agensi kerajaan melalui amalan terbaik pengurusan risiko serta pematuhan terhadap undang-undang.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC ditubuhkan pada 2008 bertujuan mengurus, menenalpasti serta memantau risiko-risiko yang dihadapi JCorp dan Kumpulan. Tanggungjawab utamanya ialah membantu ahli Lembaga Pengarah dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama JCorp.

Bagi tahun pelaporan berakhir pada 31 Disember 2013, tiga mesyuarat telah diadakan iaitu pada Mac, September dan Disember 2013.

Tugas dan Tanggungjawab RMC

- Menyelia prosedur dan amalan dalam menenalpasti, menilai, mengurus dan memantau pendedahan risiko Perbadanan.
- Memberi pandangan kepada pihak pengurusan dari semasa ke semasa berhubung jenis-jenis sumber dan kawalan dalaman yang diperlukan bagi menguruskan risiko yang dihadapi.
- Melaporkan kepada ahli Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa berhubung isu berkaitan risiko JCorp dan Kumpulan.
- Menenalpasti dan menilai risiko utama yang dihadapi unit bisnes bagi setiap divisyen dalam JCorp dan Kumpulan secara sistematik.
- Menilai potensi peluang dan risiko.
- Membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang khusus dan menentukan tanggungjawab bagi setiap pelan dan tindakan untuk menguruskan risiko utama dalam unit bisnes.



- Meninjau secara dwi-bulanan trend risiko status pelan tindakan dan laporan terkini untuk dimaklumkan kepada ahli Lembaga Pengarah JCorp.

5. Mengelakkan risiko dengan tidak melaksanakan aktiviti yang menyebabkan berlakunya risiko tersebut.

Pengurusan Risiko Kumpulan

Skop rangka kerja pengurusan risiko adalah menyeluruh. Rangka kerja ini diuruskan oleh unit Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan yang bertanggungjawab terhadap dasar dan rangka kerja ini dengan mendapatkan input mereka yang terbabit.

Tugas dan tanggungjawab Unit ERM ialah:

- Menguruskan proses mengenalpasti dan memantau risiko JCorp dan Kumpulan.
- Menyelenggara Daftar Risiko.
- Bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan dan menyebarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan.
- Membangunkan sistem bagi membantu komuniti JCorp untuk melaksanakan amalan terbaik berhubung risiko dan pematuhan.
- Memperuntukkan peluang latihan yang mencukupi kepada semua anggota pekerja bagi memupuk budaya risiko di dalam JCorp dan Kumpulan.
- Menerbit dan mengedarkan maklumat berhubung Pengurusan Risiko dan Pematuhan bagi makluman anggota pekerja.

Pada masa ini, JCorp dan Kumpulan menggunakan sistem berasaskan web secara *online* dikenali sebagai *JCorp Risk Information System (KRIS)*. Sistem ini dibangunkan pada 2009 bagi memudahkan proses mengemas kini Daftar Risiko. Risiko tersebut akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa di peringkat syarikat masing-masing. Seterusnya risiko ini akan disusun, dibahas dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah JCorp.

Jenis-Jenis Risiko

JCorp mengklasifikasikan risiko kepada lima jenis iaitu:

- Risiko strategik
- Risiko operasi
- Risiko projek
- Risiko kewangan
- Risiko bahaya

Prosedur

JCorp mempunyai lima kaedah utama merawat risiko secara efektif iaitu:

1. Menerima risiko dan membuat keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan;
2. Menerima risiko tetapi mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan atau meminimumkan kebarangkalian atau impak;
3. Memindahkan risiko kepada individu atau organisasi yang lain. Contohnya, mendapatkan khidmat luar;
4. Menginsurankan risiko berkenaan;

Bagaimana JCorp memutuskan untuk mengurus sesuatu risiko akan ditentukan berdasarkan penilaian risiko yang sistematik di mana jadual kebarangkalian dan kesan (atau impak) diaplikasikan ke atas setiap risiko. JCorp telah mengenalpasti kebarangkalian dan impak ke atas risiko berkaitan seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan. Di samping menilai jadual kebarangkalian dan kesan, keberkesanan kawalan dalaman juga perlu dipertimbangkan dalam mengenalpasti tahap risiko sedia ada dalam tempoh 12 bulan.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT



TANGGUNGJAWAB Korporat (CR) adalah komponen ketiga terpenting dalam falsafah bisnes Johor Corporation (JCorp) yang melibatkan pihak berkepentingan termasuk anggota pekerja, pihak berkuasa kawal selia, pelanggan serta komuniti. Pelaksanaan CR adalah bertujuan membantu memperbaiki kehidupan golongan yang memerlukan menerusi pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada organisasi bukan kerajaan, badan amal, institusi kebajikan dan masyarakat.

CR Kumpulan JCorp dilaksanakan melalui persatuan dan pertubuhan yang tidak berorientasikan keuntungan dikenali sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA) yang menyumbang ke arah pembangunan ummah daripada aspek sama ada kebajikan, kesihatan dan sukan mahupun keusahawanan.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.14 Pelaburan dalam operasi bersama

Operasi bersama adalah penyusunan bersama di mana pihak yang menyertai kawalan bersama di penyusunan tersebut mempunyai hak kepada aset-aset, dan tanggungjawab bagi liabiliti-liabiliti, berkaitan dengan penyusunan berkenaan. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan yang dipersetujui secara kontrak pada sesuatu penyusunan, di mana wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti yang berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.

Kumpulan sebagai pengendali bersama dikenal pasti berkaitan dengan kepentingan mereka dalam satu operasi bersama:

- (i) aset, termasuk bahagian mereka dari apa-apa aset yang dipegang secara bersama;
- (ii) liabiliti, termasuk bahagian mereka daripada apa-apa liabiliti yang ditanggung secara bersama;
- (iii) hasil daripada penjualan bahagian mereka daripada keluaran yang timbul daripada operasi bersama;
- (iv) bahagiannya daripada hasil daripada jualan keluaran oleh operasi bersama; dan
- (v) perbelanjaan, termasuk bahagian mereka dalam apa-apa perbelanjaan yang ditanggung secara bersama.

Akaun Kumpulan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan kepentingan mereka dalam satu operasi bersama adalah selaras dengan FRS untuk aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan tertentu.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusiaga antara Kumpulan dan operasi bersama adalah diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam operasi bersama.

2.15 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset-aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, serta, bagi kes aset-aset kewangan tidak pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung.

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, pinjaman dan penghutang, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dan aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual.

(a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Aset-aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi jika mereka dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif-derivatif (termasuk derivatif-derivatif terbenam berasingan) atau aset-aset kewangan diperolehi terutamanya untuk tujuan menjual pada masa terdekat.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian (selain daripada yang berkaitan dengan derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai sebagaimana diterangkan dalam Nota 2.33) yang timbul daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian bersih atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen. Perbezaan-perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diiktiraf berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.15 Aset-aset kewangan (sambungan)

(a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi (sambungan)

Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa. Aset-aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset-aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa berdasarkan pada tarikh penyelesaian.

(b) Pembiayaan dan penghutang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh ditentukan yang tidak tersenarai dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan penghutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan penghutang dinyah-iktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pembiayaan dan penghutang diklasifikasi sebagai aset-aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh-tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

(c) Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang-hingga-matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dinyahiktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa, kecuali pelaburan-pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

(d) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual

Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan yang ditentukan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana tiga kategori di atas.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian penurunan nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai satu pelarasan klasifikasi semula bila aset kewangan dinyah-iktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen-dividen daripada instrumen ekuiti tersedia-untuk-dijual diiktiraf dalam untung atau rugi bila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran diwujudkan.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai. Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasikan sebagai aset-aset bukan semasa melainkan dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.15 Aset-aset kewangan (sambungan)

(d) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual (sambungan)

Aset kewangan akan dinyah-iktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Apabila suatu aset kewangan dinyah-iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pembelian atau jualan cara biasa adalah pembelian atau jualan aset-aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset-aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua pembelian dan jualan cara biasa aset-aset kewangan diiktiraf atau dinyah-iktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh dimana Johor Corporation memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.16 Kerosotan nilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosot nilai.

(a) Pemiutang dagangan dan pemiutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian penurunan nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila si berhutang dagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira terhadap akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penurunan nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas penurunan nilai tersebut diiktiraf, kerugian penurunan nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Sekuriti-sekuriti ekuiti tidak tersiar harga dibawa pada kos

Jika terdapatnya bukti yang objektif (seperti perubahan-perubahan kurang baik yang signifikan dalam persekitaran perniagaan di mana penerbit beroperasi, kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan yang signifikan penerbit) bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan dibawa pada kos telah ditanggung, jumlah kerugian diukur pada perbezaan antara nilai bawa aset tersebut dan nilai semasa aliran tunai masa depan dianggar didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa. Kerugian-kerugian penurunan nilai sedemikian tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

(c) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.16 Kerosotan nilai aset-aset kewangan (sambungan)

(c) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual (sambungan)

Jika aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian penurunan nilai diiktiraf sebelum ini dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Kerugian penurunan nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti tersedia-untuk-dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

2.17 Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai di bank dan ditangan, simpanan semasa, dan pelaburan-pelaburan jangka-pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya dan yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagarkan.

2.18 Kontrak pembinaan

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan masing-masing dengan menggunakan kaedah tahap penyediaan. Peringkat penyediaan dinilai dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung yang mungkin boleh diperolehi semula. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa mereka akan memberikan hasil dan mereka mampu untuk diukur dengan pasti.

Apabila jumlah kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil berperingkat, baki diklasifikasikan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak. Apabila bil berperingkat melebihi kos yang ditanggung, keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan atas kontrak.

2.19 Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah

(a) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau di mana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal. Tanah sedemikian diklasifikasi dalam aset-aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian penurunan nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti-aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ianya boleh ditunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi normal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.19 Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah (sambungan)

(b) Kos-kos pembangunan hartanah

Kos-kos pembangunan hartanah terdiri daripada segala kos yang berkaitan terus dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti sedemikian.

Apabila hasil kewangan bagi satu aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan kos-kos pembangunan hartanah yang telah dibelanjakan setakat ini dan dibandingkan kepada kos-kos pembangunan hartanah keseluruhan yang dianggarkan.

Di mana hasil kewangan bagi suatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, hasil pembangunan hartanah hanya diiktiraf sehingga kos-kos pembangunan hartanah ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi, dan kos-kos pembangunan hartanah atas hartanah yang dijual diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas satu projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan ditanggung semasa tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf serta merta sebagai satu perbelanjaan.

Kos-kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai satu perbelanjaan, diiktiraf sebagai satu aset, yang diukur pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih.

Lebih hasil diiktiraf dalam untung atau rugi ke atas tuntutan kepada pembeli-pembeli diklasifikasi sebagai tuntutan terakru dalam si berhutang dagangan dan lebih tuntutan kepada pembeli-pembeli ke atas hasil diiktiraf dalam untung atau rugi diklasifikasi sebagai tuntutan berperingkat dalam pemiutang dagangan.

2.20 Inventori

Inventori terdiri daripada bahan-bahan mentah, simpanan dalam gudang, kerja sedang dilaksana, kedai dan rumah yang telah siap. Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajaran selain daripada inventori yang berkaitan dengan segmen perniagaan restoran khidmat segera Kumpulan. Inventori tersebut, yang terdiri daripada bahan mentah, barangan runcit, ternakan ayam itik dan barang pengguna, peralatan dan alat ganti dan barangan siap, ditentukan berasaskan prinsip masuk-dahulu, keluar-dahulu.

Kos hasil pertanian adalah berdasarkan kaedah purata wajaran dan termasuk kos bahan langsung dan bahagian yang sesuai bagi perbelanjaan hasil ladang, kos pengeluaran dan kos overhead berdasarkan kapasiti operasi biasa.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

2.21 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf bila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) akibat satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaras untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah penting, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang mencerminkan, di mana sesuai, risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila diskaun digunakan, peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh masa yang berlalu diiktiraf sebagai kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.22 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama mereka di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Di mana geran tersebut berkaitan dengan satu aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas kepada untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

2.23 Liabiliti-liabiliti kewangan

Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi menurut kandungan perjanjian kontrak yang diikat dan definisi-definisi bagi suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti-liabiliti kewangan, di dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai sama ada liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti-liabiliti kewangan lain.

(a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti-liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Johor Corporation yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan perlindungan nilai. Liabiliti-liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Johor Corporation belum menentukan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

(b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain

Liabiliti-liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Johor Corporation termasuk pemiutang dagangan dan lain-lain, pinjaman dan pembiayaan.

Pemiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

Bagi liabiliti-liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti-liabiliti tersebut dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Suatu liabiliti kewangan dinyah-iktiraf bila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyah-iktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam nilai-nilai bawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.24 Kontrak jaminan kewangan

Suatu kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit untuk membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung kerana penghutang tertentu gagal untuk membuat pembayaran apabila tiba tempoh.

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai saksama, bersih daripada kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi dalam tempoh jaminan. Jika penghutang gagal untuk membuat bayaran berhubung dengan kontrak jaminan kewangan apabila tiba tempohnya dan Kumpulan, sebagai penerbit, diperlukan untuk membayar balik kepada pemegang untuk kerugian tersebut, liabiliti diukur pada nilai yang lebih tinggi daripada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh pelaporan dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya dan di tolak pelunasan terkumpul.

2.25 Kos-kos pinjaman

Kos-kos pinjaman dipermodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyiapan aset tersebut. Permodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

2.26 Manfaat anggota pekerja

(a) Pelan-pelan caruman ditakrif

Kumpulan mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditakrif oleh undang-undang negara-negara di mana ia beroperasi. Syarikat-syarikat di Malaysia dalam Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditakrif. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman ditakrif diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

(b) Pelan-pelan manfaat ditakrif

Obligasi bersih Kumpulan berkenaan pelan manfaat persaraan ditakrif, dikira secara berasingan bagi setiap pelan dengan menganggarkan jumlah manfaat masa depan yang telah diperolehi oleh para pekerja sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelumnya; manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai semasa. Sebarang kos perkhidmatan terdahulu dan nilai saksama bagi sebarang aset rancangan yang tidak diiktiraf akan ditolak. Kadar diskaun merupakan hasil pada tempoh laporan bagi 7 tahun bon korporat berkualiti tinggi yang mempunyai tarikh matang dalam anggaran jangka waktu yang ditentukan ke atas tanggungan Kumpulan dan yang disebutkan dalam mata wang yang sama bila mana manfaat tersebut dijangka akan dibayar. Pengiraan dilakukan oleh aktuari bertauliah yang dijalankan setiap 2 tahun dengan laporan aktuari terkini adalah bertarikh 13 Januari 2012 yang menggunakan kaedah unjuran unit kredit. Apabila pengiraan tersebut menghasilkan manfaat kepada Kumpulan, aset yang telah diiktiraf tersebut adalah terhad kepada jumlah bersih dari sebarang kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf dan nilai semasa pada sebarang bayaran balik masa hadapan daripada pelan tersebut atau pengurangan dalam caruman sumbangan masa hadapan ke dalam pelan tersebut.

Untuk mengira nilai semasa atas manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minima yang dikenakan pada mana-mana pelan dalam Kumpulan. Manfaat ekonomi tersedia kepada Kumpulan jika ia boleh direalisasi dalam jangka hayat pelan tersebut, atau sebarang penyelesaian bagi liabiliti pelan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.26 Manfaat anggota pekerja (sambungan)

(b) Pelan-pelan manfaat ditakrif (sambungan)

Apabila manfaat-manfaat pelan telah diperbaiki, sebahagian daripada peningkatan manfaat yang berkaitan dengan perkhidmatan lepas oleh para anggota pekerja diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan asas garis lurus bagi tempoh purata sehingga manfaat-manfaat tersebut menjadi hak. Ke suatu tahap di mana manfaat-manfaat tersebut menjadi hak secara serta merta, perbelanjaannya diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

Kumpulan mengiktiraf kesemua keuntungan dan kerugian aktuarial yang terbit daripada pelan manfaat ditakrif dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan kesemua perbelanjaan yang berkaitan dengan pelan manfaat ditakrif di dalam perbelanjaan anggota pekerja dalam untung atau rugi.

Kumpulan mengiktiraf keuntungan dan kerugian atas pengurangan atau penyelesaian pelan manfaat ditakrif apabila pengurangan atau penyelesaian tersebut berlaku. Keuntungan atau kerugian atas pengurangan terdiri daripada sebarang perubahan di dalam nilai saksama kepada aset-aset pelan, perubahan di dalam nilai semasa obligasi manfaat yang ditetapkan dan sebarang keuntungan dan kerugian aktuarial yang berkaitan dan kos perkhidmatan lepas yang tidak diiktiraf sebelum ini.

2.27 Pajakan-pajakan

(a) Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

(b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 2.29(g).

2.28 Operasi yang dihentikan

Suatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika nilai-nilai bawanya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusan jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusut nilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara nilai bawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.29 Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

(a) Jualan barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang yang signifikan kepada pengguna. Hasil tidak diiktiraf ke satu tahap di mana terdapat ketidakpastian yang signifikan berhubung penerimaan wang daripada pertimbangan yang akan diperolehi, kos-kos berkaitan atau pemulangan barang yang mungkin berlaku.

(b) Perkhidmatan yang diberi

Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf menurut tahap penyiapan pada tarikh laporan. Tahap penyiapan ditafsir dengan merujuk kepada tinjauan dan kerja yang telah terlaksana.

(c) Jualan harta

Hasil daripada jualan harta diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana dijelaskan dalam Nota 2.19(b).

(d) Kontrak-kontrak pembinaan

Hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana yang dijelaskan dalam Nota 2.18.

(e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

(f) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf bila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran wujud.

(g) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian jumlah pendapatan sewa, bagi tempoh pajakan tersebut.

2.30 Cukai pendapatan

(a) Cukai semasa

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percukaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap di mana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.30 Cukai pendapatan (sambungan)

(b) Cukai tertunda (sambungan)

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urusaniaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusaniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, bawa kehadiran bagi kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap di mana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa kehadiran yang boleh digunakan kecuali di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak, timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urusaniaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusaniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai.

Nilai bawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap di mana tiada kemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan dikenakan pada tahun apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percukaian dan undang-undang percukaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan tersebut.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urusaniaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibbah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda tersebut berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama.

2.31 Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen melapor secara terus kepada pengurusan Johor Corporation yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen-segmen tersebut dan untuk menilai prestasi segmen tersebut. Pendedahan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini ditunjukkan dalam Nota 40, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

2.32 Kontingensi

Satu liabiliti atau aset kontingen adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Liabiliti-liabiliti dan aset-aset kontingen tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.33 Perakaunan untuk lindung nilai

Kumpulan mengguna derivatif untuk mengurus pendedahan kepada risiko harga komoditi (khususnya naik turun dalam harga minyak sawit). Kumpulan menggunakan perakaunan lindung nilai untuk hubungan lindung nilai tertentu yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Bagi tujuan perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai dikelaskan sebagai perlindungan aliran tunai. Lindung nilai aliran tunai digunakan apabila Kumpulan melindungi nilai pendedahan kepada kebolehubahan dalam aliran tunai yang sama ada dikaitkan kepada risiko tertentu berhubung dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau dikaitkan kepada transaksi ramalan yang berkemungkinan tinggi atau risiko mata wang asing dalam komitmen yang tidak diiktiraf.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan secara rasmi memperuntuk dan mendokumentasikan hubungan perlindungan kepada mana Kumpulan ingin mengaplikasikan perakaunan lindung nilai serta objektif dan strategi pengurusan risiko untuk melaksanakan lindung nilai. Dokumentasi termasuklah pengenalan-pastikan instrumen lindung nilai perkara atau transaksi yang dilindung nilai, jenis risiko yang dilindung nilai dan bagaimana entiti tersebut akan menilai keberkesanan menggunakan instrumen lindung nilai ini dalam pengimbangan pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama bagi item yang dilindung nilai itu atau tunai aliran yang dikaitkan kepada risiko yang dilindung nilai. Lindung nilai sedemikian dijangka amat berkesan dalam mencapai imbangan perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai dan dinilai secara berterusan untuk menentukan bahawa mereka sebenarnya adalah amat berkesan sepanjang tempoh pelaporan kewangan di mana ianya diperuntukkan.

Lindung nilai yang memenuhi kriteria yang ketat bagi perakaunan lindung nilai diambil kira seperti berikut:

(a) Aliran tunai lindung nilai

Bahagian efektif daripada untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai diiktiraf secara langsung dalam pendapatan lain yang komprehensif ke dalam rizab lindung nilai aliran tunai, manakala mana-mana bahagian yang tidak efektif diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian sebagai perbelanjaan operasi lain.

Jumlah yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebelum ini diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian apabila urusniaga dilindungi mempengaruhi untung atau rugi, seperti apabila pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah yang dilindung nilai diiktiraf atau apabila ramalan jualan berlaku. Jika item yang dilindung nilai ialah aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, amaun yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam nilai bawa awal aset atau liabiliti bukan kewangan tersebut.

Sekiranya transaksi ramalan atau komitmen firma tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi. Jika instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dijalankan tanpa penggantian atau peralihan, atau jika pengiktirafan sebagai lindung nilai dibatalkan, sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kekal dalam ekuiti sehingga transaksi ramalan atau komitmen firma menjejaskan keuntungan atau kerugian.

Kumpulan menggunakan kontrak hadapan komoditi untuk pendedahan kepada turun naik dalam harga komoditi. Rujuk kepada Nota 28 untuk maklumat lanjut.

(b) Derivatif yang tidak diperuntukkan atau tidak layak bagi perakaunan lindung nilai

Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif pada tahun yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai adalah diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.34 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- (ii) Dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1 - Tersiarharga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- Tahap 2 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.
- Tahap 3 - Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan).

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, Kumpulan menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara paras hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, selain daripada yang melibatkan anggaran, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut:

(i) Pelaburan di dalam KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai kawalan atas KPJ walaupun ia mempunyai kurang daripada 50% hak mengundi.

Kumpulan merupakan pemegang saham majoriti KPJ dengan 38% kepentingan ekuiti. Pemegang saham kedua terbesar ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), yang memiliki 11% kepentingan saham ekuiti dalam KPJ. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti KPJ. Dari sudut sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, KPJ merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

(ii) Pelaburan di dalam Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar")

Pada 31 Disember 2013, Johor Corporation melalui KPJ, memegang 49% kepentingan ekuiti dalam Al-'Aqar. Berdasarkan penilaian oleh pengurusan dari fakta dan hal keadaan yang berkaitan berkenaan dengan kepentingan ekuiti yang dipegang dalam Al-'Aqar dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah mendapati bahawa wujud kawalan di peringkat Johor Corporation sebagai satu keperluan FRS 10.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

(a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut (sambungan):

(ii) Pelaburan di dalam Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar") (sambungan)

KPJ memajak hartanah daripada Damansara REIT Managers Sdn Bhd ("DREIT"), pengurus dana dan cabang pengurusan hartanah pelaburan Johor Corporation. Oleh itu, pengurus dana mempunyai kuasa kata pemutus untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Al-'Aqar. Walau bagaimanapun, apa-apa keputusan yang dibuat, memberi kesan kepada Kumpulan dengan mempelbagaikan pulangan dan dilakukan mengikut kepentingan terbaik Kumpulan. Imbuan DREIT, setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan dan tidak mempunyai kepentingan secara langsung dalam Al-'Aqar, oleh itu ianya hanya layak menjadi ejen.

Oleh itu, pada 31 Disember 2013, penyata kewangan Al-'Aqar disatukan secara terus dengan Johor Corporation.

(iii) Pelaburan di dalam New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL")

Pada 31 Disember 2013, Johor Corporation melalui Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") memegang 48% kepentingan ekuiti dalam NBPOL. Kepentingan KMB dalam NBPOL telah berkurang kepada 48%, berikutan terbitan hak oleh NBPOL pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, dan ini telah diambilkira sebagai dianggap pelupusan syarikat anak pada tahun tersebut. Tatacara perakaunan bagi transaksi ini telah terjejas disebabkan penggunaan FRS 10 dalam tahun kewangan semasa.

Berdasarkan kepada penilaian pihak pengurusan ke atas fakta-fakta dan hal keadaan yang berkaitan, walaupun pegangan KMB di NBPOL adalah di bawah 50%, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa kawalan dikekalkan seperti keperluan FRS 10.

Pihak pengurusan telah membuat kesimpulan berdasarkan sifat saham mengundi yang bertebaran secara meluas yang tidak dipegang oleh KMB. Pemegang saham kedua terbesar adalah West New Britain Provincial Government yang memiliki 8% daripada saham-saham ekuiti NBPOL. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti NBPOL. Dari segi sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

Para Pengarah membuat penilaian yang KMB mempunyai kawalan ke atas NBPOL. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, NBPOL merupakan syarikat anak KMB.

(iv) Pelaburan di dalam Waqaf An-Nur Berhad ("WanBhd")

WanBhd adalah sebuah syarikat terhad dengan jaminan yang ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham syarikat-syarikat Johor Corporation yang telah dikurniakan mengikut prinsip-prinsip syariah. Walau bagaimanapun, WanBhd telah tidak aktif sejak penubuhannya. Pada 31 Disember 2013, WanBhd memegang 100% kepentingan ekuiti dalam Sindora Ventures Sdn Bhd ("SVSB") dan kepentingan tidak langsung dalam 19 buah syarikat-syarikat anak lain (melalui SVSB).

Berdasarkan penilaian pengurusan berdasarkan fakta dan hal keadaan yang berkaitan dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa penyata kewangan WanBhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, akan disatukan dengan Johor Corporation, pada masa ini, ahli-ahli Lembaga Pengarah ("ALP") adalah hanya diwakili oleh wakil Johor Corporation (dua orang wakil ALP dari Johor Corporation) yang mana tidak selaras dengan kehendak Memorandum dan Artikel (M & A) WanBhd yang memerlukan sekurang-kurangnya empat orang pengarah yang dilantik, yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Johor Corporation, Mufti Negeri Johor, Pengarah Jabatan Agama Islam Johor dan Pegawai Waqaf daripada Negeri Johor. Hasilnya, Johor Corporation mempunyai kawalan penuh untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan WanBhd.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

(b) Penurunan nilai muhibbah, jenama dan hak francais

Muhibbah, jenama dan lain-lain aset tidak zahir yang mempunyai jangka hayat yang tidak menentu adalah diuji bagi penurunan nilai setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tanda-tanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai guna unit-unit menjana-tunai kepada mana muhibbah dan jenama diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai guna dilakukan, pengurusan mesti menganggarkan jangkaan aliran tunai masa depan daripada aset tersebut atau unit menjana-tunai dan memilih kadar diskaun yang bersesuaian untuk mengira nilai semasa bagi aliran tunai tersebut.

Butiran lanjut mengenai nilai bawa tersebut, andaian-andaian utama yang digunakan dalam penilaian rosot nilai bagi muhibbah, jenama dan hak francais dinyatakan dalam Nota 16.

(c) Penurunan nilai pembiayaan dan penghutang

- (e) Pada 5 Januari 2011, Kumpulan melalui syarikat anak tidak langsungnya, Langsung Marine Base Sdn Bhd ("LMB"), telah memeterai perjanjian kemudahan perbankan "Comodity Murabahah Term Financing-I Facility (CMTF-I)" sehingga RM250 juta dengan tarikh matang pada 24 Januari 2012.

Kemudahan kewangan tersebut perlu dibayar sekaligus pada akhir tempoh kemudahan iaitu 1 tahun selepas pengeluaran pertama atau setelah selesai cadangan penjualan 13,999 hektar Aset Perladangan oleh Johor Corporation, yang mana terdahulu. Margin keuntungan yang dikenakan pada Kadar Pembiayaan Asas (BFR) termasuk 4% setahun atau 10% yang mana lebih tinggi.

Tujuan kemudahan itu adalah untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan modal Tanjung Langsung Port Sdn Bhd ("TLP"), sebuah syarikat anak, menebus kertas komersil nilai muka sebanyak RM25 juta, membiayai semua yuran dan perbelanjaan yang berkaitan dengan kemudahan berkenaan dan membiayai pembayaran bagi bahagian keuntungan.

Beberapa bidang tanah LMB berukuran kira-kira 83 ekar, gadaian pihak ketiga ke atas kira-kira 180 ekar tanah Johor Corporation dan caj pihak ketiga ke atas sekuriti yang boleh dipasarkan yang terdiri daripada saham KPJ Healthcare ("KPJ") dicagarkan untuk pembiayaan tersebut.

Bayaran penuh telah dibuat pada 29 Januari 2013.

- (f) Pada 4 Ogos 2011, Kumpulan melalui syarikat anak tidak langsungnya, Jedcon Engineering Survey Sdn Bhd ("JES") memeterai Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan pinjaman berjangka penyambung sehingga kepada jumlah agregat maksimum RM50 juta. Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut telah tamat pada 23 November 2013. Sehubungan itu, JES memasuki satu Perjanjian Kemudahan baru, dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan perdagangan margin sehingga kepada satu jumlah agregat maksimum sebanyak RM26 juta pada 21 November 2013. Kemudahan ini tertakluk kepada faedah sebanyak 7.75% setahun atau tidak kurang daripada Kadar Pinjaman Asas bank ("BLR") ditambah 1.5% setahun dan hendaklah termasuk kadar tersemak daripadanya sebagaimana yang dimaklumkan oleh bank dari semasa ke semasa. Kemudahan ini tertakluk kepada semakan setengah tahunan.

Tujuan kemudahan tersebut adalah untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan saham tersiar harga dan waran dalam Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB").

Kemudahan telah dicagar oleh memorandum caj undang-undang pihak ketiga yang akan diwujudkan oleh JES bagi kepentingan bank ke atas 17.5 juta saham tersiar harga yang mana dibiayai oleh kemudahan tersebut dan dibeli oleh Johor Corporation sebelum kemudahan tersebut dikeluarkan. Jumlah belum dijelas bagi kemudahan tersebut tidak boleh melebihi 50% daripada nilai pasaran saham tersiar harga tertentu. Johor Corporation hendaklah membayar balik sebahagian kemudahan tersebut atau menambah dengan saham tersiar tambahan jika ia melanggar had 50% seperti yang ditentukan oleh bank.

- (g) Pada 7 Julai 2010, Kumpulan melalui syarikat anak tidak langsungnya, Johor Logistics Sdn Bhd ("JLSB"), memeterai Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan pinjaman berjangka penyambung sehingga jumlah maksimum agregat RM8.8 juta.

Kemudahan kewangan tersebut perlu dibayar dengan pembayaran sekaligus pada hari terakhir tempoh (iaitu 1 tahun selepas pengeluaran pertama) atau apabila menerima hasil daripada penempatan saham, yang mana lebih awal. Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada kadar faedah tetap 6.5% setahun.

Tujuan kemudahan tersebut adalah untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan saham tersiar harga milik KMB.

Kemudahan tersebut juga dijamin oleh perjanjian itu sendiri, caj ke atas Akaun Rizab Faedah, gadaian pihak ketiga ke atas saham tersiar harga, surat kebenaran dan surat subordinat.

Kemudahan yang diperolehi adalah dicagar oleh memorandum pihak pertama caj undang-undang yang diwujudkan oleh JLSB bagi kepentingan bank ke atas 12.83 juta saham tersiar harga yang mana dibiayai oleh kemudahan tersebut dan dibeli oleh JLSB sebelum pengeluaran kemudahan tersebut.

Kemudahan tersebut telah dibayar penuh melalui Perjanjian Kemudahan yang baru dengan sebuah bank berlesen, seperti dijelaskan di Nota 31(f).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

31. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

Waad-waad penting (sambungan)

Syarikat-syarikat anak (sambungan)

(h) Saham keutamaan boleh tebus

Dalam tempoh kewangan, syarikat anak, Business Chronicles Sdn Bhd ("BCSB") menerbitkan 1,265,305 Saham Keutamaan Boleh Tebus - Islam ("RPS-i") pada harga terbitan RM1,000 seunit, terdiri daripada nilai tara RM0.01 dan saham premium RM999.99. RPS-i diterbitkan pada terma-terma utama yang berikut:

- (i) Tempoh 8 tahun dari tarikh terbitan;
- (ii) Dividen diunjurkan sebanyak 10% setahun, tertakluk kepada terdapatnya keuntungan dan tunai; dan
- (iii) Penebusan oleh tunai atau pengagihan saham dalam usahasama:
 - Boleh ditebus pada bila-bila masa sepanjang tempoh mengikut budi bicara sama ada penerbit atau pemegang RPS-i untuk tunai dan jumlah penebusan adalah tertakluk kepada Kadar Pulangan Dalaman ("IRR") pada sekurang-kurangnya 12% setahun dan maksimum 20% setahun.
 - Sekiranya berlaku Tawaran Awam Permulaan ("IPO") usahasama, RPS-i adalah boleh untuk ditebus melalui pembahagian saham IPO dalam usahasama kepada pemegang RPS-i;

RPS-i dipegang oleh beberapa pihak dan beberapa pihak telah kemudiannya menandatangani Perjanjian Penamatan dengan BCSB dan mengenepikan semua hak dan tanggungjawab mereka atas RPS-i yang dipegang oleh mereka. Oleh itu, bahagian RPS-i berjumlah RM12,563 yang telah ditamatkan diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti manakala baki RPS-i RM389,000,000 diklasifikasikan sebagai liabiliti di bawah pembiayaan dan pinjaman.

32. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN

	31.12.2013	Kumpulan 31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula	Johor Corporation 2013	2012
Semasa					
Pemiutang perdagangan	554	755	824	12	12
Lain-lain pemiutang	424	670	876	12	14
Wang tahanan	331	455	136	331	453
Pinjaman residen	-	42	45	-	-
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	-	-	-	556	-
Perdagangan terakru	558	246	122	309	48
Tuntutan terakru (pembangunan hartanah)	63	-	2	-	-
Jumlah terhutang kepada lain-lain pemegang saham syarikat-syarikat anak	6	1	-	-	-
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat anak	-	-	7	-	611
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat bersekutu	1	3	-	-	-
Peruntukan	2	3	3	-	-
Hasil tertunda	-	61	54	-	-
	1,939	2,236	2,069	1,220	1,138
Bukan semasa					
Jumlah terhutang kepada syarikat anak	-	-	-	424	-
Jumlah	1,939	2,236	2,069	1,644	1,138

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

32. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

(a) **Pemiutang perdagangan**

Jumlah ini adalah tanpa faedah. Pemiutang perdagangan biasanya diselesaikan dalam jangka masa 60 hari (31.12.2012: 60 hari, 1.1.2012: 60 hari).

(b) **Lain-lain Pemiutang**

Jumlah ini adalah tanpa faedah. Lain-lain pemiutang biasanya diselesaikan dalam jangka masa purata 6 bulan (31.12.2012: purata 6 bulan, 1.1.2012: purata 6 bulan).

(c) **Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan**

Amaun ini tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

33. RIZAB

(a) **Rizab modal**

Rizab modal Kumpulan dan Johor Corporation merangkumi terutamanya rizab penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

(b) **Rizab lindung nilai**

Rizab lindung nilai terdiri daripada bahagian efektif dari perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aliran tunai lindung nilai berkaitan dengan urusanniaga lindung nilai yang belum berlaku.

(c) **Rizab urusanniaga ekuiti**

Rizab urusanniaga ekuiti terdiri daripada perbezaan antara bahagian kepentingan bukan kawalan dalam syarikat anak yang diambilalih/dijual dan balasan telah dibayar/diterima.

(d) **Rizab perubahan matawang**

Rizab perubahan matawang terdiri daripada semua perbezaan matawang asing yang timbul daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana matawang berfungsi adalah berbeza daripada matawang persembahan Kumpulan.

(e) **Rizab pelarasan nilai saksama**

Rizab pelarasan nilai saksama terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aset-aset kewangan tersedia-untuk-di-jual sehingga pelaburan tersebut tidak dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

34. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut di dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan bersama atau pengaruh ketara bersama. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

	Johor Corporation	
	2013	2012
Telah dibayar/perlu dibayar kepada syarikat-syarikat anak:		
Pembelian buah tandan segar	15	33
Yuran pengurusan	11	9
Pembelian hartanah pelaburan	631	3
Pulangan dijamin kepada syarikat anak	2	3
Pembelian harta, loji dan kelengkapan	187	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

34. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

	Johor Corporation 2013	2012
Penerimaan/akan diterima daripada syarikat-syarikat anak:		
Jualan harta, loji dan kelengkapan	72	-
Pendapatan faedah	3	3
Dividen	142	64
Penjualan pelaburan	-	39
Pendapatan sewa	1	2
Bayaran konsesi	12	-
Hasil dari perjanjian hak pembangunan	291	-

35. KOMITMEN

(a) Komitmen modal

	31.12.2013	Kumpulan 31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula	Johor Corporation 2013	2012
Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan:					
- Telah dikontrakkan	465	720	728	23	42
- Tidak dikontrakkan	187	553	660	-	-
	652	1,273	1,388	23	42
Dianalisa seperti berikut:					
- Harta, loji dan kelengkapan	145	733	1,158	-	-
- Perbelanjaan pembangunan	24	66	79	23	42
- Pelaburan dalam perbadanan lain	-	-	29	-	-
- Hartanah pelaburan	50	474	122	-	-
	219	1,273	1,388	23	42

(b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh batal - sebagai pemajak

Segmen perniagaan hartanah Kumpulan telah memeterai perjanjian pajakan operasi tidak-boleh-batal bagi kegunaan tanah dan bangunan. Pajakan ini mempunyai tempoh purata 15 tahun dan tiada pilihan pembaharuan atau pembelian termasuk dalam kontrak pajakan. Kontrak-kontrak tertentu juga memasukkan klausa pertambahan atau pengaturan sewa kontingen yang dikira berdasarkan jualan yang dicapai manakala yang lain termasuklah sewa tetap untuk purata 3 tahun. Tiada sekatan yang dikenakan ke atas Kumpulan untuk memasuki pajakan ini.

Syarikat anak tidak langsung Kumpulan, NBPOL, telah memeterai perjanjian pajakan operasi tidak-boleh-batal bagi penggunaan tanah estet mini, untuk tempoh 20 atau 40 tahun, dan tanah milik kerajaan negeri untuk tempoh 99 tahun. Pajakan ini boleh diperbaharui.

Syarikat anak dalam Kumpulan, KPJ Healthcare Sdn Bhd telah memeterai perjanjian kontrak dengan Amanah Raya Trustees Berhad (sebagai Pemegang Amanah Al 'Aqar Healthcare REIT) dan Damansara REIT Managers Sdn Bhd untuk memajak tanah hospital dan bangunan termasuk peralatan tertentu untuk tempoh lima belas tahun, dengan pilihan untuk memperbaharui tambahan selama lima belas tahun tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

35. KOMITMEN (SAMBUNGAN)

(b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh batal - sebagai pemajak (sambungan)

Sewa minima masa hadapan yang perlu dibayar di bawah pajakan operasi tidak-boleh-batal pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	31.12.2013	Kumpulan 31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula
Bayaran minima pajakan pada masa hadapan:			
- Tidak lebih dari 1 tahun	74	146	151
- Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun	315	568	248
- Lebih daripada 5 tahun	365	803	104
	754	1,517	503

Bayaran pajakan minimum masa depan untuk syarikat anak, NBPOL, berkaitan dengan perjanjian pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan berkenaan dengan pajakan estet-mini tanah, secara yang boleh diperbaharui untuk terma daripada 20 atau 40 tahun dan pajakan milik negara, secara yang boleh diperbaharui untuk terma 99 tahun.

36. LIABILITI LUAR JANGKA

- (a) Dalam bulan Mac 2011, salah satu penghutang kepada Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP") telah memberi notis awal berkenaan tuntutan kerugian produk akibat daripada kebakaran yang berlaku di Tanjung Langsat Port pada tahun 2008. Walaubagaimanapun, tuntutan tersebut perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Resolusi Pertikaian ("JRP") di peringkat awal dibawah Klausa 26.1 dalam Perjanjian Penyimpanan yang mana telah dimeterai diantara TLP dengan penghutang tersebut.

Pihak penghutang menuntut untuk mendapatkan ganti rugi untuk kerugian produk dan kerugian yang tidak diinsurankan dalam anggaran diantara USD36 juta hingga USD226 juta yang timbul daripada penutupan kemudahan kesan daripada kejadian kebakaran pada tahun 2008.

TLP mungkin mempunyai tuntutan balas berjumlah RM115 juta bagi kehilangan fi yang kena dibayar oleh penghutang kepada TLP untuk kemudahan dan kos yang ditanggung oleh TLP berkenaan dengan kerja-kerja pembaikan yang dijalankan ke atas premis yang musnah.

Tribunal Timbang Tara telah ditubuhkan. Perbicaraan timbang tara bermula dari 2 Mei 2013 dan telah membuat kesimpulan pada 8 Mei 2013. Sepanjang perbicaraan, keterangan lisan saksi-saksi daripada kedua-dua pihak telah direkodkan.

Pada 23 Disember 2013, Tribunal Timbang Tara telah menyampaikan keputusan atas semua perkara melainkan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu kos. Majoriti Tribunal Timbang Tara mengurniakan relif-relif berikut, yang memihak kepada penuntut:

- (i) USD20,747,275 yang merupakan nilai produk pihak menuntut yang telah musnah dalam kejadian kebakaran;
- (ii) USD2,108,497 menjadi kos tambahan, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak menuntut akibat kejadian kebakaran;
- (iii) USD368,547 sebagai bayaran balik lebih Bayaran Yuran Penyimpanan Pendahuluan yang dibayar oleh pihak yang menuntut kepada TLP;
- (vi) USD118,374,250 yang meliputi ganti rugi untuk kerugian pihak yang menuntut atas penggunaan kemudahan itu untuk jangka hayat minimum Perjanjian Penyimpanan, iaitu suatu tempoh selama 7 tahun sehingga 31 Mei 2015; dan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

36. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

- (a) (v) TLP perlu membayar faedah mudah kepada pihak yang menuntut ke atas semua jumlah wang yang diputuskan pada 3 bulan Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR) dalam USD pada tarikh keputusan ditambah 1% yang dikira dari tarikh keputusan sehingga pembayaran penuh jumlah wang yang telah diputuskan.

Pada 15 Januari 2014, pihak yang menuntut telah meminta jumlah yang diputuskan bersama dengan USD111,533 sebagai faedah terakru sehingga tarikh tersebut dan USD4,849 sehari merupakan bayaran faedah bermula 15 Januari 2014 sehingga tarikh pembayaran.

Pada 30 Januari 2014, para Pengarah TLP telah mengemukakan cadangan penyelesaian kepada pihak yang menuntut untuk mengetepikan keputusan tersebut. Cadangan penyelesaian ini mempunyai had dianggarkan berjumlah USD23 juta. Pihak yang menuntut masih belum memberi maklum balas terhadap cadangan penyelesaian tersebut.

Tambahan lagi, TLP juga di dalam persediaan untuk memohon bagi mengetepikan keputusan tersebut di Mahkamah Tinggi melalui peguamcara yang dilantik untuk mengeneipkan keputusan yang dibuat oleh Tribunal Timbang Tara.

Pada 31 Disember 2013, peruntukan USD23,224,319 berhubung dengan perkara (i), (ii) dan (iii) telah diperuntukan dalam buku TLP. Bagi item (iv), para Pengarah TLP, berdasarkan kepada pandangan pakar undang-undang, berpendapat bahawa keputusan timbang tara boleh dicabar dan diketepikan. Pada 14 Mac 2014, TLP telah memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengetepikan keputusan itu.

- (b) Pada 25 November 2011, Impian Ekspresi Sdn Bhd ("IESB"), Khuan Choo Property Management Sdn Bhd dan Pembinaan Gapadu Berhad ("Plantif") telah memulakan satu saman pelaksanaan spesifik terhadap Damansara Assets Sdn Bhd dan syarikat anaknya ("Defendan") yang dikatakan gagal untuk memenuhi Syarat Terdahulu dan Syarat Selepas menurut Perjanjian Usaha Sama ("PUS") bertarikh 7 Januari 2009 dan Perjanjian Tambahan bertarikh 31 Januari 2011. Plantif menuntut ganti rugi sebanyak RM67,633,528 sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada pelaksanaan spesifik. Ini termasuk deposit sebanyak RM50,000,000 yang dibayar oleh IESB kepada syarikat anak di bawah PUS. Defendan telah memfailkan pembelaan mereka pada 27 Disember 2011. Syarikat anak telah dinasihatkan bahawa ia mempunyai peluang yang sama bagi mempertahankan saman itu dan oleh itu, tiada peruntukan dibuat untuk tuntutan berkenaan.

Pada 10 Mei 2013, DASB dan syarikat anak telah memasuki satu Perjanjian Jual Beli dengan IESB untuk melupuskan hartanah pelaburan di Lot 54325, Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur bagi suatu balasan, berjumlah RM750 juta. Penjualan ini telah disempurnakan pada 29 November 2013.

Pada 11 Disember 2013, IESB telah menerima arahan daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi saman terhadap DASB dan syarikat anak telah ditarik balik tanpa perintah kerana tiada kos hasil daripada penyempurnaan pelupusan pelaburan hartanah.

- (c) Pada 26 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah membenarkan tuntutan oleh Dr Mohd Adnan bin Sulaiman dan Azizan Sulaiman (Secara kolektif "Plantif") terhadap Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd ("KPJSB") ("Defendan") di mana Plaintiff mendakwa bahawa Defendan telah memungkir Perjanjian Usahasama Perjanjian Mengandungi Pemegang Saham bertarikh 30 Mei 1995 di mana Mahkamah Tinggi tersebut telah menganugerahkan sebanyak RM70.486 juta dan kos berjumlah sebanyak RM150,000 terhadap Defendan ("Pengkakiman").

KPJSB telah mengarahkan peguamcaranya untuk memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap penghakiman tersebut.

Pada 12 Disember 2013, Yang Berhormat Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan oleh KPJSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Johor Bahru dengan kos sebanyak RM200,000 ("Mahkamah Penghakiman Rayuan").

Pada 13 Januari 2014, Plaintiff-plaintif telah memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah penghakiman Rayuan. Salinan permohonan yang tidak dimeterai telah diberikan kepada Peguam Cara KPJSB pada 10 Januari 2014. Tarikh perbicaraan untuk permohonan tersebut masih belum ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

36. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

- (d) Damansara Realty Berhad ("DBhd") pada 18 September 2006 telah memfailkan permohonan menuntut ganti rugi bagi kerugian yang ditanggung akibat injuksi yang diambil oleh Pembinaan Kota Laksmana (Melaka) Sdn Bhd ("PKL") yang menghalang penjualan Regency Hotel (kini dikenali sebagai Selesa Beach Resort Port Dickson) kepada Puteri Hotels Sdn Bhd. Pada Jun 2011, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi menganugerahkan sejumlah RM13 juta yang akan dibayar kepada DBhd dengan faedah sebanyak 8% setahun dari 30 September 2004 hingga tarikh realisasi penuh dan keputusan tersebut dikekalkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. PKL telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan dan pada 21 Januari 2014, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan tersebut dengan kos. DBhd telah mengarahkan peguam mereka untuk memfailkan permohonan bagi kebenaran untuk merayu di Mahkamah Persekutuan.
- (e) Bungsar Hill Holdings Sdn Bhd ("BHH") telah memfailkan permohonan untuk melepaskan wang pampasan yang telah didepositkan di Mahkamah dan menuntut untuk mendapatkan faedah terakru daripadanya. Pada 30 April 2013, Mahkamah telah membenarkan permohonan BHH ini berkenaan dengan pelepasan bagi wang tersebut di mana wang pampasan yang akan dikeluarkan dan dibayar hanya dan secara eksklusif kepada BHH. Pada 8 Oktober 2013, peguam Damansara Realty Berhad ("DBhd") dimaklumkan bahawa Mahkamah telah membenarkan permohonan BHH untuk faedah seperti berikut:
- (i) faedah Sebelum Penghakiman atas jumlah RM6,856,597.50 dari 8 Julai 2002 sehingga 30 April 2013 pada kadar 8% setahun dan faedah Selepas Penghakiman pada jumlah RM6,856,597.50 dari 1 Mei 2013 sehingga tarikh bayaran oleh DBhd pada kadar 5% setahun.
 - (ii) faedah sebelum penghakiman atas jumlah RM425,505 dari 22 November 2007 hingga 30 April 2013 pada kadar 8% setahun dan faedah Selepas Penghakiman atas jumlah RM425,505 dari 1 Mei 2013 sehingga tarikh bayaran oleh DBhd pada kadar 5% setahun.

Keputusan di atas telah dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi dan DBhd telah memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut kepada Hakim di dalam Kamar. Rayuan tersebut telah ditetapkan untuk pengurusan kes perbicaraan pada 25 Februari 2014. Tarikh pendengaran perbicaraan bagi rayuan tersebut belum ditetapkan.

- (f) Bungsar Hill Holdings Sdn Bhd ("BHH") telah memfailkan saman terhadap Damansara Realty Berhad ("DBhd") untuk menuntut Cukai Tanah dan Cukai Harta Penilaian yang belum dibayar berjumlah RM2.7 juta di bawah Perjanjian Pembangunan Hartanah. Pada 14 September 2011, Mahkamah merekodkan mencatatkan penghakiman di mana DBhd mempunyai kewajipan untuk membayar cukai tanah dan cukai hartapenilaian, jumlah yang dibayar akan ditaksirkan oleh Mahkamah. Perkara ini telah ditetapkan untuk pendengaran perbicaraan pada 27 Mac 2014.
- (g) Damansara Realty Berhad ("DBhd") dan syarikat anaknya, Tebing Aur Sdn Bhd ("TASB") telah memfailkan saman terhadap Ibsul Holdings Sdn Bhd ("IHSB") yang menuntut sejumlah RM3.6 juta yang merupakan baki tuntutan kemajuan yang dikemukakan kepada IHSB di bawah subkontrak untuk projek Jelutong yang telah ditamatkan pada April 2006. Pada 18 Julai 2012, Mahkamah telah menolak permohonan DBhd untuk Penghakiman Terus dengan kos. Perbicaraan perkara tersebut telah ditetapkan pada 26 dan 27 Jun 2014.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

37. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

	31.12.2013	31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula
Kumpulan			
Pembiayaan dan penghutang:			
Penghutang dagangan dan lain-lain	1,065	1,347	1,369
Tunai dan kesamaan tunai	1,105	1,079	1,865
	2,170	2,426	3,234
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:			
Lain-lain pelaburan	76	128	233
Aset kewangan tersedia untuk dijual:			
Lain-lain pelaburan (pada nilai saksama)	-	64	75
Lain-lain pelaburan (pada kos tolak rosotnilai)	54	-	9
	130	192	317
Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan:			
Pemiutang dagangan dan lain-lain	1,939	2,236	2,069
Pembiayaan dan pinjaman	8,564	8,323	8,848
	10,503	10,559	10,917
Liabiliti derivatif ditetapkan sebagai instrumen dilindungi nilai:			
Semasa	-	-	-
Bukan semasa	-	-	-

Johor Corporation	2013	2012
Pembiayaan dan penghutang:		
Penghutang dagangan dan lain-lain	302	1,847
Tunai dan kesamaan tunai	91	115
	393	1,962
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:		
Lain-lain pelaburan	52	56
Aset kewangan tersedia untuk dijual:		
Lain-lain pelaburan (pada nilai saksama)	-	31
Lain-lain pelaburan (pada kos tolak rosotnilai)	-	-
	52	87
Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan:		
Pemiutang dagangan dan lain-lain	1,644	1,138
Pembiayaan dan pinjaman	3,038	3,041
	4,682	4,179

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah, risiko matawang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Ahli-ahli jawatankuasa audit memberikan pendapat bebas atas keberkesanan proses pengurusan risiko.

lanya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung nilai dimana sesuai dan menjimatkan kos. Kumpulan menggunakan perakaunan aliran tunai lindung nilai ke atas hubungan lindung nilai yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut:

(a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul atas instrumen-instrumen kewangan tertunggak sekiranya satu pihak gagal menjelaskan tanggungannya. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan cuba untuk mendapatkan pelaburan aset tunai yang selamat dan menguntungkan. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko kredit. Kumpulan akan memastikan bahawa penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambilkira sejarah hutang dan menghadkan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi syarikat-syarikat anak yang signifikan, tiada berlakunya pemberian had kredit yang melampau sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak yang tidak produktif.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh nilai bawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Jaminan Kewangan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan kerana nilai saksama pada pengiktirafan awal adalah tidak material.

Profil tumpuan risiko kredit

Selain daripada jumlah terhutang daripada syarikat anak kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

Aset-aset kewangan yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai

Maklumat mengenai penghutang perdagangan dan lain yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak disusut nilai dinyatakan dalam Nota 23. Deposit-deposit dengan bank dan institusi kewangan lain dan pelaburan diletakkan dalam institusi-institusi kewangan bereputasi atau syarikat-syarikat yang mempunyai rekod kredit yang tinggi dan tiada sejarah kemungkiran bayaran.

Aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai

Maklumat mengenai aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 23.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasian tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

Analisis instrumen kewangan menurut baki matang

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak.

Kumpulan Pada 31 Disember 2013	Atas permintaan atau dalam setahun	Satu hingga lima tahun	Lebih lima tahun	Jumlah
Liabiliti kewangan:				
Piutang dagangan dan lain-lain	1,939	-	-	1,939
Pinjaman dan pembiayaan	1,634	2,741	4,189	8,564
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	3,573	2,741	4,189	10,503
Johor Corporation				
Liabiliti kewangan:				
Piutang dagangan dan lain-lain	1,233	250	161	1,644
Pinjaman dan pembiayaan	61	413	2,564	3,038
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	1,294	663	2,725	4,682

Jaminan kewangan tidak termasuk di dalam analisis kematangan di atas kerana tiada kegagalan yang telah berlaku.

Kumpulan Pada 31 Disember 2012	Atas permintaan atau dalam setahun	Satu hingga lima tahun	Lebih lima tahun	Jumlah
Liabiliti kewangan:				
Piutang dagangan dan lain-lain	2,236	-	-	2,236
Pinjaman dan pembiayaan	2,419	3,444	2,460	8,323
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	4,655	3,444	2,460	10,559
Johor Corporation				
Liabiliti kewangan:				
Piutang dagangan dan lain-lain	1,138	-	-	1,138
Pinjaman dan pembiayaan	61	416	2,564	3,041
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	1,199	416	2,564	4,179

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko kecairan (sambungan)

Analisis instrumen kewangan menurut baki matang (sambungan)

Kumpulan Pada 1 Januari 2012	Atas permintaan atau dalam setahun	Satu hingga lima tahun	Lebih lima tahun	Jumlah
Liabiliti kewangan:				
Piutang dagangan dan lain-lain	2,069	-	-	2,069
Pinjaman dan pembiayaan	5,183	2,799	866	8,848
Kontrak komoditi hadapan (dijelaskan secara kasar)				
- Bayaran kasar	(392)	-	-	(392)
- Terimaan kasar	78	-	-	78
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	6,938	2,799	866	10,603

Jaminan kewangan tidak termasuk di dalam analisis kematangan di atas kerana tiada kegagalan yang telah berlaku.

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pinjaman dan pembiayaan. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pada tarikh laporan, perubahan 100 mata asas ("ma") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) keuntungan atau kerugian selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

	31.12.2013	Kumpulan 31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula	Johor Corporation 2013	Johor Corporation 2012
Kadar faedah					
- Meningkatkan dalam kadar faedah sebanyak 100 ma	746	724	698	295	293
- Menurun dalam kadar faedah sebanyak 100 ma	(746)	(724)	(698)	(295)	(293)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko mata wang asing

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan, belian dan pinjaman yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan berkenaan. Mata wang asing dalam mana urus niaga ini didenominasi adalah terutamanya Dolar Amerika Syarikat ("USD") dan Papua New Guinea ("PNG") Kina.

Ianya bukanlah polisi kumpulan untuk melindungi nilai pendedahan risiko mata wang asing transaksinya.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan-pelaburan dalam operasi asing, yang mana aset bersih terdedah kepada risiko terjemahan mata wang asing. Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko terjemahan mata wang asing. Kumpulan mengekalkan akaun bank yang didenominasi oleh mata wang asing, terutamanya dalam USD, sebagai satu lindung nilai yang semula jadi berbanding risiko mata wang asing.

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing, berdasarkan nilai bawa pada tarikh laporan berakhir adalah:

Pada 31 Disember 2013	Kumpulan Didenominasi dalam USD
Penghutang dagangan	251
Pemiutang dagangan	142
Pinjaman dan pembiayaan	898
Instrumen kewangan derivatif	14
Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan	1,305

Pada 31 Disember 2012	Kumpulan Didenominasi dalam USD
Penghutang dagangan	378
Pemiutang dagangan	154
Pinjaman dan pembiayaan	1,016
Instrumen kewangan derivatif	24
Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan	1,572

Pada 1 Januari 2012	Kumpulan Didenominasi dalam USD
Penghutang dagangan	347
Pemiutang dagangan	(56)
Pinjaman dan pembiayaan	(1,000)
Instrumen kewangan derivatif	(2)
Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan	(711)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko mata wang asing (sambungan)

Analisis sensitiviti bagi risiko mata wang asing

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih selepas cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar-kadar pertukaran USD berbanding mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pembolehubah lain adalah konstan.

	Keuntungan bersih selepas cukai			Pendapatan komprehensif lain bersih selepas cukai		
	31.12.2013	31.12.2012	1.1.2012	31.12.2013	31.12.2012	1.1.2012
USD						
- dikukuhkan 5% (31.12.2012: 5%, 1.1.2012: 5%)	(3)	(9)	(160)	13	4	318
- disusutkan 5% (31.12.2012: 5%, 1.1.2012: 5%)	3	9	160	(13)	(4)	(318)

(e) Risiko harga pasaran

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga-harga pasaran (selain daripada kadar-kadar faedah atau pertukaran).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia adalah disenaraikan di Bursa Malaysia, manakala instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di luar Malaysia disenaraikan sebahagian besarnya di Bursa Saham London. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai dipegang untuk dagangan atau aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual. Kumpulan tidak mempunyai pendedahan kepada risiko harga komoditi.

(f) Harga komoditi

Kumpulan meraih sebahagian besar daripada hasilnya daripada jualan produk minyak kelapa sawit. Kumpulan menggunakan instrumen-instrumen kewangan derivatif (jualan dan belian hadapan minyak kelapa sawit Malaysia) bagi menjamin harga jualan minyak kelapa sawit yang minima dan menutup kedudukan yang dikeluarkan sebelumnya. Perakaunan aliran tunai lindung nilai diaplikasikan ke atas risiko harga derivatif.

Pada tarikh laporan, turun-naik harga minyak kelapa sawit sebanyak 10% akan menyebabkan rizab di lindung nilai Kumpulan dalam ekuiti seperti berikut:

	31.12.2013	31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula
Kumpulan			
Peningkatan 10% dalam harga minyak kelapa sawit	(9)	(6)	(16)
Penurunan 10% dalam harga minyak kelapa sawit	9	6	16

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(g) Nilai saksama

Instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan yang nilai bawanya adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama.

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran nilai saksama yang munasabah:

	Nota
Penghutang dagangan dan lain-lain	23
Pembiayaan dan pinjaman	31
Pemiutang dagangan dan lain-lain	32

Nilai bawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, sama ada disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kerana ia adalah instrumen kadar terapung yang dihartakan semula pada kadar faedah pasaran pada atau berdekatan tarikh laporan.

Nilai saksama pinjaman dianggarkan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pinjaman meningkat bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

Instrumen ekuiti tersiar harga

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

Derivatif

Nilai saksama kontrak komoditi hadapan dikira berdasarkan kepada kadar tersiar harga hadapan pada tarikh laporan bagi kontrak yang mempunyai profil kematangan yang sama.

Kontrak hadapan mata wang dan kontrak tukaran faedah dinilai menggunakan teknik penilaian dengan input yang boleh diperhatikan di pasaran. Teknik yang paling kerap digunakan atas penilaian termasuklah model harga hadapan dan kajian, menggunakan pengiraan nilai kini. Model ini menggabungkan pelbagai input termasuklah kualiti kredit pihak balas, tempat pertukaran mata wang asing, kadar hadapan dan keluk kadar faedah.

Jaminan kewangan

Kumpulan menyediakan jaminan kewangan kepada bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada syarikat-syarikat anak tertentu. Nilai saksama untuk jaminan tersebut adalah tidak dijangka akan menjadi material memandangkan kemungkinan kegagalan syarikat anak membuat bayaran adalah terkawal.

Hierarki nilai saksama

Pada 31 Disember 2013, Kumpulan mempunyai instrumen-instrumen kewangan berikut yang dinyatakan pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan:

Kumpulan

Pada 31 Disember 2013

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	32	-	-	32
- Waran tersiar harga	20	-	-	20
- Pelaburan dana	13	-	-	13
- Instrumen kewangan derivatif	-	16	-	16
- Hartanah pelaburan	1,890	351	1,313	3,554
	1,955	367	1,313	3,635

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(g) Nilai saksama (sambungan)

Kumpulan

Pada 31 Disember 2012

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	99	-	-	99
- Waran tersiar harga	87	-	-	87
- Pelaburan dana	1			1
- Instrumen kewangan derivatif	-	24	-	24
- Hartanah Pelaburan	2,852	447	419	3,718
	3,039	471	419	3,929

Kumpulan

Pada 1 Januari 2012

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	89	-	-	89
- Waran tersiar harga	219	-	-	219
- Pelaburan dana	-	-	-	-
- Instrumen kewangan derivatif	-	-	-	-
- Hartanah Pelaburan	2,607	420	419	3,446
	2,915	420	419	3,754

Liabiliti-liabiliti kewangan dinilai:

- Instrumen-instrumen kewangan derivatif	-	2	-	2
	-	2	-	2

Johor Corporation

Pada 31 Disember 2013

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	33	-	-	33
- Waran tersiar harga	19	-	-	19
- Hartanah pelaburan	-	-	1,108	1,108
	52	-	1,108	1,160

Johor Corporation

Pada 31 Disember 2012

	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Jumlah
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
- Saham tersiar harga	31	-	-	31
- Waran tersiar harga	56	-	-	56
- Hartanah pelaburan	-	-	259	259
	87	-	259	346

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

39. PENGURUSAN MODAL

Objektif-objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga keupayaan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi syarat-syarat hutang dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan secara berkala mengkaji semula dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, unjuran keuntungan, unjuran aliran tunai, unjuran perbelanjaan modal dan unjuran peluang pelaburan strategik.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah penggearan ("gearing ratio") bersih. Nisbah penggearan ini dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman di tolak tunai dan kesamaan tunai.

	31.12.2013	Kumpulan 31.12.2012 Dinyatakan semula	1.1.2012 Dinyatakan semula
Pinjaman bank (Nota 31)	8,564	8,323	8,848
Tolak: Tunai dan kesamaan tunai (Nota 29)	(1,105)	(1,079)	(1,865)
Hutang bersih	7,459	7,244	6,983
Jumlah ekuiti	6,723	7,683	7,245
Nisbah hutang-kepada-ekuiti	1.11	0.95	0.97

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada sebuah syarikat anak tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundingan.

40. MAKLUMAT SEGMENT

Maklumat segmen Kumpulan dibentangkan berhubung segmen-segmen bisnes dan geografi. Format pelaporan utama, segmen bisnes, adalah berdasarkan struktur pengurusan dan pelaporan dalaman Kumpulan. Penentuan harga antara segmen adalah berdasarkan terma-terma biasa atau terma-terma yang telah dirundingkan.

Keputusan-keputusan segmen, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah termasuk item-item yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas asas yang munasabah.

Perbelanjaan modal segmen adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun semasa untuk membeli hartanah, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

Segmen bisnes

Kumpulan adalah terdiri daripada segmen-segmen bisnes utama berikut:

- Minyak sawit – Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak kelapa sawit mentah, perkhidmatan perundingan pengurusan perladangan
- Prisihatin – hospital dan perkhidmatan kesihatan
- Hartanah – Pembangunan hartanah dan perumahan
- Intrapreneur ventures – Pengangkutan laut, pengurusan letak kenderaan, jualan produk berasaskan kayu dan mel pukal dan percetakan
- Restoran khidmat cepat – Kedai Pizza Hut, Ayamas and Kentucky Fried Chicken

Lain-lain operasi Kumpulan terutamanya terdiri daripada operasi-operasi yang saiznya tidak memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

Segmen-segmen geografi

Segmen bisnes Kumpulan diuruskan atas asas seluruh dunia, mereka beroperasi dalam dua kawasan geografi utama:

- Malaysia – Terutamanya operasi perladangan, prisihatin, restoran khidmat cepat dan aktiviti pelaburan
- Papua New Guinea – Terutamanya operasi perladangan

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segmen-segmen geografi, segmen pendapatan adalah berdasarkan lokasi geografi para pelanggan. Segmen aset adalah berdasarkan lokasi geografi aset-aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes

Kumpulan Pada 31 Disember 2013	Minyak sawit	Prisihatina	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Hasil kepada pihak luar	2,683	1,763	998	204	-	393	6,041
Hasil antara segmen	-	533	-	-	-	-	533
Jumlah jualan	2,683	2,296	998	204	-	393	6,574
Keputusan							
Keputusan segmen (luaran)	292	116	468	47	-	623	1,546
Pendapatan tidak diperuntukkan							465
Kos tidak diperuntukkan							(242)
Keuntungan daripada operasi							1,769
Kos kewangan							(438)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	-	7	4	-	-	20	31
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama	-	-	-	-	4	-	4
Keuntungan sebelum cukai							1,366
Perbelanjaan cukai							(215)
Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan							1,151
Keuntungan atas pelupusan operasi yang dihentikan							8
Keuntungan bagi tahun semasa							1,159

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 31 Disember 2013 (sambungan)	Minyak sawit	Prisihatini	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Lain-lain informasi							
Aset-aset segmen	7,884	2,509	4,929	899	-	741	16,962
Syarikat-syarikat bersekutu	-	78	116	-	-	99	293
Syarikat-syarikat usahasama	-	-	-	-	1,272	-	1,272
Aset-aset tidak diperuntukkan							166
Jumlah aset disatukan	2,864	1,653	2,176	423	-	4,108	18,693
Liabiliti segmen							11,224
Liabiliti tidak diperuntukkan							746
Jumlah liabiliti disatukan	490	297	66	103	-	127	11,970
Perbelanjaan modal	278	77	7	28	-	45	1,083
Susutnilai dan pelunasan					-		435

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 31 Disember 2012	Minyak sawit	Prisihatini	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Jualan kepada pihak luar	2,951	2,120	742	168	3,619	370	9,970
Jualan antara segmen	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah jualan	2,951	2,120	742	168	3,619	370	9,970
Keputusan							
Keputusan segmen (luaran)	(112)	190	479	37	262	218	1,074
Pendapatan tidak diperuntukkan							23
Kos tidak diperuntukkan							(59)
Keuntungan daripada operasi							1,038
Kos kewangan							(442)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	-	5	6	1	-	9	21
Keuntungan sebelum cukai							617
Perbelanjaan cukai							(227)
Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan							390
Keuntungan daripada jualan operasi yang dihentikan							20
Keuntungan bagi tahun semasa							410

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 31 Disember 2012	Minyak sawit	Prisihatini	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Lain-lain informasi							
Aset-aset segmen	7,434	1,871	4,179	2,838	1,165	2,265	19,752
Syarikat-syarikat bersekutu	2	(137)	214	-	-	171	250
Aset-aset tidak diperuntukkan							83
Jumlah aset disatukan	4,012	1,132	2,276	1,070	115	3,786	20,085
Liabiliti segmen							12,391
Liabiliti tidak diperuntukkan							11
Jumlah liabiliti disatukan							12,402
Perbelanjaan modal	1,460	362	-	7	301	27	2,157
Susutnilai dan pelunasan	286	79	7	9	160	83	624

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

Kumpulan Pada 1 Januari 2012	Minyak sawit	Prisihatina	Hartanah	Intrapreneur ventures	Restoran khidmat cepat	Lain-lain	Kumpulan
Lain-lain informasi							
Aset-aset segmen	8,249	1,700	4,080	509	2,686	2,539	19,763
Syarikat-syarikat bersekutu	1	56	58	24	-	59	198
Aset-aset tidak diperuntukkan							(71)
Jumlah aset disatukan							19,890
Liabiliti segmen	2,959	950	2,454	440	1,034	4,854	12,692
Liabiliti tidak diperuntukkan							(47)
Jumlah liabiliti disatukan							12,645
Perbelanjaan modal	947	-	-	3	393	8	1,351
Susutnilai dan pelunasan	268	71	6	22	136	47	550

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(b) Format pelaporan sekunder - Segmen Bisnes

Kumpulan	Jualan (Luaran)		Jumlah Aset		Perbelanjaan Modal	
	2013	2012	31.12.2013	31.12.2012	31.12.2013	31.12.2012
	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula
Malaysia	4,646	7,742	12,468	14,809	774	1,077
Indonesia	48	53	138	120	-	-
Papua New Guinea	1,790	2,129	4,171	4,749	309	1,080
United Kingdom	-	-	-	-	-	-
Lain-lain negara	90	46	262	150	-	-
	6,574	9,970	17,039	19,828	1,083	2,157
Syarikat-syarikat bersekutu			293	250		
Syarikat-syarikat usahasama			1,272	-		-
Aset-aset tidak diperuntukkan			89	7		9
Jumlah aset			18,693	20,085		19,890

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN

1. Johor Corporation

- (a) Pada 2 Ogos 2012, Johor Corporation memeterai Perjanjian Pengambilalihan Aset ("Perjanjian") dengan syarikat-syarikat anaknya, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"), Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") dan Johor City Development Sdn Bhd ("JCD"), untuk mengambilalih aset-aset tertentu yang terletak di kawasan Pelabuhan Tanjung Langsat. Perjanjian telah disempurnakan pada 1 Julai 2013. Butiran aset-aset yang diambilalih dan pertimbangan pembelian dipersetujui adalah seperti berikut:
- (i) TLP: Satu senarai aset-aset seperti jeti, tangki, paip, tanah, pejabat dan bangunan terminal, loji dan jentera, dan aset-aset lain bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM597.7 juta;
 - (ii) DASB: 125.49 ekar tanah pegangan pajakan bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM150.1 juta; dan
 - (iii) JCD: 425 ekar tanah bagi jumlah pertimbangan sebanyak RM171.3 juta.
- (b) Pada 2 Ogos 2012, Johor Corporation telah memeterai satu Perjanjian Konsesi ("PK") dan Perjanjian Pajakan ("PP") (secara kolektif dikenali sebagai "Perjanjian") dengan syarikat anaknya, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"). Perjanjian telah disempurnakan pada 1 Julai 2013. PK dengan TLP tersebut menyatakan bahawa Johor Corporation adalah pemilik sah dan pemilik manfaat kawasan pelabuhan dan aset-aset yang terletak di Tanjung Langsat Port.

Johor Corporation telah memberikan kepada TLP hak untuk mempromosikan, membangun, melaksana, mengurus dan menyelenggara penyediaan kemudahan dan perkhidmatan untuk tempoh 30 tahun. Pembayaran konsesi tahunan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah RM22 juta (2013 hingga 2014), yang mana akan dikaji semula setiap 5 tahun.

Sehubungan dengan itu, PP telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada tarikh yang sama, menyatakan bahawa Johor Corporation ("pemberi pajak") telah memberikan TLP ("penerima pajak") hak untuk mempromosi, membangun, melaksana, mengurus dan menyelenggara penyediaan kemudahan dan perkhidmatan di pelabuhan untuk tempoh 30 tahun. Sewa pajakan tahunan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah RM1 (2013 hingga 2042) bagi tempoh yang dipersetujui dalam PK.

- (c) Pada 12 Oktober 2012, Johor Corporation memeterai Perjanjian Hak Pembangunan ("Perjanjian") dengan syarikat anaknya, TPM Technopark Sdn Bhd ("TPM"), dimana Johor Corporation sebagai pemilik manfaat tanah berukuran 150.07 ekar, telah memberikan TPM hak mutlak dan eksklusif untuk membangunkan tanah tersebut. TPM bersetuju untuk membangunkan tanah tersebut dan Johor Corporation bersetuju bahawa TPM adalah berhak untuk menjual lot-lot dalam pembangunan pada harga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh TPM dan seterusnya menuntut, menyimpan dan memungut hasil daripada penjualan tanah tersebut ke dalam akaun Johor Corporation. Johor Corporation berhak untuk menerima dari TPM sejumlah RM45.8 juta sebagai Pertimbangan Projek. Perjanjian ini telah disempurnakan dalam tahun semasa sebaik sahaja ia memenuhi syarat terdahulu seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.
- (d) Pada 1 Jun 2013, Johor Corporation memeterai Perjanjian Hak Pembangunan ("Perjanjian") dengan syarikat anaknya, TPM Technopark Sdn Bhd ("TPM"), dimana Johor Corporation sebagai pemilik manfaat tanah berukuran 674,118 ekar, telah memberikan TPM hak mutlak dan eksklusif untuk membangunkan tanah tersebut. TPM bersetuju untuk membangunkan tanah tersebut dan Johor Corporation bersetuju bahawa TPM adalah berhak untuk menjual lot-lot dalam pembangunan pada harga yang dianggap sesuai oleh TPM dan seterusnya untuk menuntut, menyimpan dan memungut hasil daripada penjualan tanah tersebut ke dalam akaun Johor Corporation. Johor Corporation berhak untuk menerima daripada TPM seperti berikut:
- (i) Sejumlah RM202.2 juta sebagai projek pertimbangan.
 - (ii) Keuntungan perkongsian tertakluk kepada harga jualan sebenar yang wujud, keluasan yang dinyatakan dan penutupan akaun jualan tahunan, yang kena dibayar pada akhir tahun dan tertakluk kepada penyelesaian kutipan jualan.

Perjanjian ini telah disempurnakan dalam tahun semasa sebaik sahaja ia memenuhi syarat terdahulu seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

1. Johor Corporation (sambungan)

- (e) Pada 5 April 2013, Syarikat Perumahan Negara Berhad ("SPNB"), Johor Corporation dan Sri Gading Land Sdn Bhd ("Sri Gading") telah menandatangani Perjanjian Penyelesaian ("Perjanjian") berkenaan dengan cadangan projek "usahasama" antara SPNB dan Johor Corporation dalam membangunkan Tanah Sri Gading. Projek ini telah tertangguh sejak tahun 2009 disebabkan oleh SPNB tidak membangunkan tanah ini kerana ia gagal untuk membayar sepenuhnya pertimbangan pembelian tanah kepada Johor Corporation ("Penjual"). Semua pihak secara bersama bersetuju bahawa jumlah penyelesaian Perjanjian adalah sebanyak RM38.6 juta. Pada masa yang sama, pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Johor Corporation juga menandatangani Perjanjian Hak Pembangunan dengan syarikat anaknya, Johor Land Berhad ("JLand") seperti yang dinyatakan dalam Nota 41(1)(f).
- (f) Pada 5 April 2013, Perjanjian Hak Pembangunan ("Perjanjian") telah dibuat antara Johor Corporation dan Johor Land Berhad ("JLand" atau "Pemaju"). Johor Corporation adalah pemilik berdaftar atas tanah berkeluasan 160 ekar tersebut, telah memberikan kepada Pemaju, hak eksklusif untuk membangunkan Projek pada kos jualan dan perbelanjaan Pemaju, dan Pemaju mempunyai hak atas penjualan Premis dibangunkan atas tanah yang dimaksudkan. Johor Corporation berhak untuk menerima daripada JLand sejumlah RM43.5 juta sebagai Pertimbangan Projek. Perjanjian ini telah disempurnakan berkuatkuasa serta merta seperti tarikh yang dinyatakan di atas.

2. Johor Paper & Publishing Sdn Bhd ("JPP")

- (a) Pada 20 November 2013, Jedcon Engineering Survey Sdn Bhd ("JCS") telah mendapat kemudahan pinjaman jangka pendek sehingga RM50 juta ("kemudahan") dari sebuah bank berlesen. Tujuannya adalah bagi pendahuluan kepada Johor Corporation untuk membiayai langganan kelayakan saham hak, secara langsung dan tidak langsung, di bawah terbitan hak yang dicadangkan sehingga 43,962,072 unit saham ("Saham Hak") KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") percuma atas dasar 1 hak saham untuk setiap 15 saham KPJ yang dipegang pada tarikh kelayakan beserta dengan sehingga 87,924,144 unit waran baru boleh pisah ("waran") percuma atas dasar 2 waran bagi setiap 1 saham hak melanggan ("Terbitan Cadangan Hak"). Pinjaman tersebut masih belum dikeluarkan pada akhir tahun ini.
- (b) Pada 8 Julai 2013, Langsung Marine Base Sdn Bhd ("LMB") telah memeterai usaha sama merangkap perjanjian pemegang saham dengan syarikat anak dan syarikat berdaftar yang lain. Usaha sama itu adalah untuk pembangunan, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sebuah pangkalan bekalan pengguna bersama di Tanjung Langsung. Sebagai syarat dalam perjanjian usaha sama, LMB telah memeterai perjanjian penyewaan dengan sebuah syarikat konsesi untuk memberikan penyewaan atas terma yang dipersetujui ke atas tanah konsesi dalam tempoh konsesi.
- (c) Dalam tahun kewangan, LMB telah memeterai perjanjian pajakan dengan pihak Johor Corporation untuk pajakan tanah konsesi seluas lebih kurang 50 ekar di Mukim Sg. Tiram, Daerah Johor Bahru. Sewa pajakan berjumlah RM120 juta itu akan dibayar secara agregat bagi jangka masa tempoh pajakan.

3. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

- (a) Pengambilalihan aset perladangan daripada Johor Corporation

Pada 16 Ogos 2011, KMB telah mengumumkan cadangan pengambilalihan aset perladangan daripada Johor Corporation oleh Mahamurni Plantations Sdn Bhd ("MPSB"), syarikat anak milik penuh KMB untuk balasan tunai sebanyak RM700 juta. Aset perladangan tersebut terdiri daripada enam (6) ladang (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang (termasuk loji dan jentera mereka) yang didirikan di atasnya), semuanya terletak di dalam negeri Johor dengan jumlah keluasan tanah yang berukuran kira-kira 13,687 hektar.

Pengambilalihan tersebut diselesaikan melalui perjanjian jual beli ("PJB"):

- (i) Perjanjian Jual Beli ("PJB") antara MPSB dan Johor Corporation bagi pengambilalihan ladang kelapa sawit dan (bersama-sama dengan semua bangunan yang dibina di atasnya bersama aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam ladang kelapa sawit) yang dikenali sebagai Ladang Sungai Papan untuk balasan tunai sebanyak RM183,300,000 dan PJB antara MPSB dan JCorp Hotels and Resorts Sdn Bhd ("JHRSB") (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Penambang (J) Sdn Bhd), sebuah syarikat anak milik penuh Johor Corporation, bagi pengambilalihan tanah perladangan kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan yang didirikan di atasnya bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam lingkungan tanah kelapa sawit) yang dikenali sebagai "Sebahagian Ladang Siang" untuk balasan tunai sebanyak RM191,600,000. Pembayaran telah dilaksanakan pada 31 Disember 2011;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

3. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

(a) Pengambilalihan aset perladangan daripada Johor Corporation (sambungan)

Pengambilalihan tersebut diselesaikan melalui perjanjian jual beli ("PJB") (sambungan):

- (ii) PJB antara MPSB dan Johor Foods Sdn Bhd ("JFSB"), sebuah syarikat anak milik penuh Johor Corporation, bagi cadangan pengambilalihan tanah yang kini diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang kelapa sawit ("Kilang Palong") didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam tanah dan Kilang Palong)) yang dikenali sebagai "Ladang Mungka, Kemedak dan Palong" untuk balasan tunai sebanyak RM253,317,000. Pembayaran telah dijelaskan pada 31 Mei 2012. Ini adalah transaksi akhir yang menandakan penyediaan keseluruhan pengambilalihan; dan
- (iii) PJB antara MPSB dan Johor Corporation bagi cadangan tanah yang sedang diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang minyak sawit ("Kilang Pasir Panjang") didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam tanah dan Kilang Pasir Panjang)) yang dikenali sebagai "Sebahagian Ladang Pasir Panjang" untuk balasan tunai sebanyak RM71,783,000. Pembayaran telah dijelaskan pada 7 Februari 2013.

(b) Pelupusan QSR Brands Berhad ("QSR") dan syarikat-syarikat anaknya

Pada 14 Disember 2011, QSR telah mengumumkan bahawa ia telah menerima surat tawaran daripada Massive Equity Sdn Bhd ("MESB") di mana MESB berhasrat untuk mengambil alih sebahagian besar perniagaan dan operasi QSR, termasuk sebahagian besar aset dan liabiliti QSR yang, pada jumlah agregat bersamaan dengan:

- (i) RM6.80 bagi setiap saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang dalam QSR ("Saham QSR") didarab dengan jumlah Saham QSR yang belum dijelaskan (tolak saham perbendaharaan, jika ada) pada satu tarikh yang akan ditentukan kemudian; dan
- (ii) RM3.79 bagi setiap waran QSR ("Waran QSR") didarab dengan jumlah bilangan Waran QSR yang belum dijelaskan dalam terbitan pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.

(selepas ini dirujuk sebagai "Tawaran QSR").

MESB juga pada tarikh yang tersebut telah membuat tawaran untuk memperolehi keseluruhan perniagaan dan mengambilalih KFC Holdings (Malaysia) Bhd ("KFC"), termasuk semua aset dan liabiliti KFC ("Tawaran KFC"). Tawaran QSR dan Tawaran KFC adalah saling bersyarat. Pada 18 Mei 2012, QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Triple Platform Sdn Bhd) ("QSRB"), sebuah syarikat anak milik penuh MESB, bagi pihak MESB, telah memeterai Perjanjian Penjualan Perniagaan dengan QSR berkaitan Tawaran QSR ("Transaksi QSR"). QSRB juga memeterai Perjanjian Penjualan Perniagaan dengan KFC berkaitan Tawaran KFC ("Transaksi KFC"). Transaksi QSR dan Transaksi KFC adalah saling bersyarat.

Kedua-dua transaksi telah diluluskan oleh pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 5 dan 6 November 2012 masing-masing dan kedua-dua transaksi telah disempurnakan pada 21 Januari 2013. Berikutan selesainya transaksi, kedua-dua QSR dan KFC tidak lagi menjadi syarikat anak Kumpulan KMB dan telah dinyahsenaraikan daripada Papan Utama Bursa Securities Berhad pada 7 Februari 2013.

(c) Cadangan pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL")

Pada 20 Jun 2013, Kumpulan KMB mengumumkan hasratnya untuk membuat tawaran separa untuk 30,009,621 saham biasa dalam NBPOL yang mewakili 20% daripada modal saham terbitan dan berbayar NBPOL yang belum dimiliki oleh KMB ("Tawaran Saham") untuk GBP5.50 setiap Tawaran Saham untuk pertimbangan tunai kira-kira GBP165.05 juta (yang bersamaan dengan kira-kira RM812.30 juta) selaras dengan Kod PNG ("Tawaran Separat"). Tawaran Separat, jika diterima sepenuhnya, akan meningkatkan pegangan saham Kulim dalam NBPOL daripada 48.97% kepada 68.97%.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

3. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)

- (c) Cadangan pengambilalihan kepentingan bukan kawalan dalam New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL") (sambungan)

Pada 20 Ogos 2013, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa ia telah menerima arahan melalui surat daripada Suruhanjaya Sekuriti Papua New Guinea ("PNG") menahan KMB daripada mengambil tindakan selanjutnya untuk melengkapkan Tawaran Separa ("Perintah").

Pada 5 September 2013, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa Tawaran Separa telah luput sejak permohonannya kepada Mahkamah Kebangsaan PNG untuk meningkatkan Perintah tidak berjaya.

Oleh kerana di atas, semua penerimaan yang diterima mengikut Tawaran Separa adalah secara automatik tidak sah dan telah dikembalikan kepada pemegang saham NBPOL masing-masing.

- (d) Pengambilalihan syarikat anak di Indonesia, PT Wisesa Inspirasi Nusantara ("PT WIN")

Pada 3 Oktober 2013, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu Memorandum Persefahaman dengan PT Graha Sumber Berkah ("PT GSB") untuk meneroka kemungkinan bekerjasama dalam penanaman kelapa sawit dan perniagaan huluan dan hiliran minyak dan gas di Kalimantan, Indonesia. Pada tarikh yang sama, Kumpulan KMB juga mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu Perjanjian Penjualan Saham Bersyarat ("CSSA") dengan PT GSB berhubung dengan cadangan pengambilalihan 75% kepentingan ekuiti dalam PT Wisesa Inspirasi Nusantara ("PT WIN") dan syarikat-syarikat anaknya untuk pertimbangan sehingga USD43.44 juta (kira-kira RM138.86 juta). PT Win adalah syarikat tujuan khas untuk pelaksanaan cadangan usaha Kumpulan KMB ke dalam penanaman kelapa sawit di Kalimantan, Indonesia.

Pada 17 Februari 2014, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa ia telah mendapat kelulusan yang diperlukan daripada pengawal selia yang berkaitan di Indonesia ke atas cadangan pelaburannya dalam PT WIN, tertakluk kepada, antara syarat-syarat lain, KMB hendaklah memegang 74% daripada jumlah modal terbitan dan membayar modal saham PT WIN dan selebihnya 26% dipegang oleh PT GSB.

Selaras dengan keperluan pegangan saham lain yang dikenakan oleh pengawal selia Indonesia, KMB dan PT GSB bersetuju untuk transaksi berikut:

- (i) pemindahan 3,326,338 Saham-saham PT WIN daripada PT GSB dan 1,000 Saham-saham PT WIN daripada pihak lain kepada KMB menurut Surat Jualan Beli Saham bertarikh 10 Januari 2014, untuk pertimbangan tunai lebih kurang USD17.14 juta (bersamaan lebih kurang RM56.98 juta) ("Transaksi Saham");
- (ii) terbitan 4,991,007 Saham baru PT WIN untuk dilanggan oleh Kulim pada nilai par yang nominal IDR1,000 setiap Saham PT WIN, untuk pertimbangan tunai sebanyak IDR4.99 bilion (bersamaan lebih kurang RM1.37 juta) ("Terbitan Saham") (Transaksi Saham dan Terbitan Saham secara kolektif dirujuk sebagai "Pegambilalihan"); dan
- (iii) suntikan oleh KMB lebih kurang USD25.30 juta (bersamaan lebih kurang RM84.11 juta) ke dalam PT WIN dan atau syarikat-syarikat anaknya sebagai modal kerja untuk memperoleh hakmilik tanah perladangan di Kalimantan, Indonesia ("Pelaburan Seterusnya").

Jumlah pelaburan di bawah Pegambilalihan dan Jumlah Pelaburan Seterusnya lebih kurang USD42.86 juta (bersamaan lebih kurang RM142.46 juta).

Berikutan syarat-syarat terdahulu CSSA dan pelaksanaan Perjanjian Pemegang Saham antara KMB dan PT GSB telah dipenuhi, pemindahan/langganan Saham PT WIN telah dilaksanakan pada 14 Februari 2014, dengan itu PT WIN menjadi syarikat anak Kumpulan KMB.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

4. Damansara Realty Berhad ("DBhd")

Pada 6 Mac 2014 DBhd telah menerima surat pemberitahuan daripada Johor Corporation dan satu salinan notis akhbar bertarikh 6 Mac 2014 ("Notis Akhbar") dari Seaview Holdings Sdn Bhd ("Seaview"), di mana DBhd telah diberitahu bahawa pada 6 Mac 2014 Seaview dan Penjual telah memeterai perjanjian jualan saham bersyarat ("SSA") berkenaan dengan cadangan pengambilalihan oleh Seaview terdiri daripada 157,780,000 saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu dalam DBhd ("Saham DBhd") ("Saham Jualan"), yang mewakili kira-kira 51.0% kepentingan ekuiti dalam DBhd, dari Penjual untuk pertimbangan tunai sebanyak RM78,890,000 ("Pertimbangan Belian") atau RM0.50 bagi setiap Jualan Saham ("Cadangan Pengambilalihan").

Terma-terma SSA adalah seperti berikut:

(i) Perjanjian untuk menjual Penjualan Saham tersebut

Cadangan Pemerolehan ini tertakluk kepada penunaian syarat-syarat terdahulu yang terkandung dalam SSA dan atas terma dan syarat di dalamnya. Penjualan saham tersebut hendaklah diperolehi, bebas dari semua lien, caj, sandaran, ekuiti, gadaian dan apa-apa bebanan jua dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam SSA, dengan semua hak dan kelebihan yang disertakan bersama atau terakru di atasnya termasuk semua dividen dan pengagihan yang diisytiharkan, dibayar atau dibuat berkenaan pada atau selepas Tarikh Penyelesaian (seperti yang ditakrifkan).

(ii) Pertimbangan Belian

Pertimbangan Belian hendaklah dibayar mengikut cara yang berikut:

- Sepuluh peratus (10%) daripada Harga Belian berjumlah RM7,889,000 akan dibayar dalam bentuk tunai kepada Penjual ("Bayaran Pertama") apabila SSA ditandatangani;
- Sepuluh peratus (10%) lagi daripada Harga Belian berjumlah RM7,889,000 akan dibayar dalam bentuk tunai kepada Penjual ("Bayaran Kedua") pada hari ketiga (ke-3) perniagaan dari Tarikh Berkuatkuasa (seperti yang ditakrifkan di bawah) atau tarikh lain yang akan dipersetujui bersama ("Tarikh Siap") ("Tarikh Bayaran Kedua"); dan
- Baki lapan puluh peratus (80%) daripada Harga Belian berjumlah RM63,112,000 ("Baki Bayaran") hendaklah dibayar secara tunai kepada Penjual pada atau sebelum tamat tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh SSA (tarikh akhir tempoh 12 bulan hendaklah dikenali sebagai "Tarikh Bayaran Ketiga"). Tarikh Bayaran Ketiga hendaklah dibuat tidak lewat dari 5 Mac 2015.

(iii) Syarat Terdahulu

Cadangan Pengambilalihan ini tertakluk kepada dan atau bersyarat atas pemenuhan dan atau kepuasan daripada yang berikut dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh SSA ("Tempoh Bersyarat") dengan syarat bahawa Tempoh Bersyarat boleh dilanjutkan dengan persetujuan bersama daripada Penjual dan Pembeli:

- keputusan yang memuaskan pada pendapat yang munasabah Pembeli daripada pelaksanaan ketekunan wajar terhad kepada DBhd yang dijalankan oleh Pembeli dan ejen Pembeli sebagaimana skop yang dipersetujui di antara Penjual dan Pembeli;
- memenuhi syarat-syarat terdahulu kepada pengeluaran pinjaman bagi maksud membiayai tawaran am mandatori ("MGO") yang akan dijalankan oleh Pembeli berikutan pembelian Penjualan Saham tersebut;
- kelulusan oleh Lembaga Pengarah dan, jika berkenaan, pemegang saham Pembeli, bagi pembelian Penjualan Saham tersebut oleh pembeli mengikut terma SSA;
- kelulusan oleh Lembaga Pengarah dan pemegang saham (jika berkenaan) Penjual, bagi pelupusan Penjualan Saham tersebut oleh Penjual mengikut terma SSA;
- kelulusan atau persetujuan daripada Menteri Kewangan dan/atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan/atau penguatkuasa berkaitan atau pihak berkuasa bagi Cadangan Pengambilalihan;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

4. Damansara Realty Berhad ("DBhd") (sambungan)

(iii) Syarat Terdahulu (sambungan)

- kelulusan atau pemberitahuan kepada pemberi pinjaman sedia ada Penjual untuk Cadangan Pengambilalihan, jika berkenaan; dan
- pelaksanaan memorandum mencagarkan Saham Dicagar (seperti yang ditakrifkan di bawah) oleh Pembeli.

Pada tarikh laporan ini, pelupusan tersebut masih belum selesai.

5. Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP")

- (a) Pada 17 Ogos 2008, satu kebakaran telah berlaku pada Tank 1 (T-1) yang terletak di Tanjung Langsat Port dan dimiliki oleh Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"). Tangki tersebut mengandungi 17,800 meter padu gasolin tanpa plumbum. Pada hari kedua, api telah merebak ke Tank 2 (T-2) yang mengandungi 11,200 meter padu Naptha. Api itu akhirnya berjaya dipadamkan pada 20 Ogos 2008.

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, TLP menyerahkan tuntutan insuran kepada syarikat insuran untuk perbelanjaan pemadaman api, perbelanjaan pembaikan kemudahan berdekatan yang terjejas, pembinaan semula tangki, pemulihan kemudahan sedia ada dan kerugian yang terlibat.

TLP telah melantik kontraktor untuk membina semula T-1 dan T-2. Walau bagaimanapun, pembinaan tangki simpanan telah ditangguhkan sehingga selesai pembuangan sisa dan kerja-kerja meroboh, pemeriksaan oleh pihak insuran dan pihak berkuasa yang berkaitan. Pengurusan TLP menjangkakan bahawa sebahagian daripada operasi tangki simpanan akan disambung semula pada Jun 2013.

TLP sedang aktif berbincang dengan syarikat insuran dan telah melantik peguam untuk tindakan susulan bagi pihak mereka. Perkara itu telah dirujuk kepada timbang tara dan ditetapkan untuk didengar dari 21 hingga 23 Mei 2014 dan 26 hingga 30 Mei 2014. Pihak-pihak terlibat kini di dalam proses mematuhi arahan-arahan prosedur pihak Tribunal.

- (b) Pada 28 Disember 2011, Lembaga Pengarah TLP telah dimaklumkan mengenai cadangan pengambilalihan hartanah, loji dan peralatan tertentu oleh Johor Corporation.

Cadangan pengambilalihan adalah sebahagian daripada skim penstrukturan semula jangka masa panjang sepertimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Skim ini, antara lain, melibatkan pembiayaan semula pinjaman sedia ada TLP.

Cadangan pengambilalihan seperti yang disebutkan di atas adalah tertakluk kepada penyelesaian skim pembiayaan semula. Pada 2 Ogos 2012, TLP telah memeterai Perjanjian Pengambilalihan Aset dan Perjanjian Konsesi dengan Johor Corporation berhubung skim yang dicadangkan.

Skim yang dicadangkan telah selesai pada 24 Jun 2013.

6. Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM")

- (a) Dalam tahun 2004, sebuah syarikat anak tidak langsung Kumpulan, LSM telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak, yang mana boleh diperbaharui setiap tahun, dengan Pelaburan Johor Berhad ("PJB") dan Amanah Raya Berhad ("ARB"), yang mana masing-masing adalah pengurus dan pemegang amanah bagi kedua-dua Amanah Saham Johor ("ASJ") dan Dana Johor ("DJ") untuk pelaksanaan satu skim untuk pemegang-pemegang kedua-dua unit ASJ dan DJ. Di bawah skim ini, para pemegang unit boleh memohon untuk membeli semula sehingga lima ratus unit atau 10% daripada pegangan saham semasa dalam ASJ dan DJ, yang mana lebih tinggi untuk harga pembelian semula sebanyak RM1 dan RM0.50 masing-masing untuk setiap unit ASJ dan DJ. Dalam skim ini, peranan syarikat anak tidak langsung Kumpulan adalah untuk membeli unit-unit baru saham ASJ dan DJ daripada PJB yang mana PJB perlu membeli semula daripada para pemegang unit ASJ dan DJ. Skim ini juga membenarkan para pemegang unit untuk menjual semula unit-unit tersebut pada harga sebagaimana yang disebut terdahulu sehingga jumlah maksima 10% daripada jumlah pegangan unit setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

6. Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM") (sambungan)

- (a) Pada Jun 2008, skim ASJ telah dihentikan dan semenjak dari itu, ARB telah menguruskan unit amanah tersebut.

Sebelum tahun 2012, LSM telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak kesepuluh dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Dalam tahun 2012, LSM telah menandatangani dua lagi perjanjian tiga pihak (kali ke sebelas dan dua belas) dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Di bawah perjanjian ini, PJB akan menawarkan pembelian semula sebahagian unit DJ yang telah dipersetujui daripada para pemegang unit.

Perjanjian ke dua belas dan terakhir bertarikh 26 Jun 2012 telah dipinda dimana LSM bersetuju bahawa semua unit DJ dibeli oleh LSM dalam tempoh di antara 2 Julai 2012 hingga 1 Julai 2013 (selepas ini dirujuk sebagai "Unit yang dimaksudkan") adalah sebagai ejen membeli bagi pihak Johor Corporation, pada harga yang dipersetujui RM1.00 seunit dan LSM yang memegang unit yang dimaksudkan atas amanah untuk pihak Johor Corporation di mana Johor Corporation adalah pemilik sepenuhnya manfaat unit yang dimaksudkan tersebut. Pada 10 Mei 2013, perjanjian ketiga belas telah dimeterai di mana syarikat LSM bersetuju untuk melanjutkan tempoh yang berkaitan dengan pembelian unit-unit tersebut yang asalnya tamat pada 1 Julai 2013 kepada 31 Disember 2013. Syarat-syarat lain tidak berubah.

Pada 31 Disember 2013, LSM adalah bertanggungjawab sehingga ke unit-unit DJ selebihnya dalam edaran di bawah skim ini. Sekiranya kesemua unit baki DJ ini pada tahun kewangan berakhir telah dibeli semula atas andaian bahawa harga pasaran DJ untuk seunit adalah kosong, jumlah maksima pembelian semula adalah berjumlah RM69,009,382 (2012: RM111,987,246). Tiada peruntukan dibuat untuk liabiliti yang terbit daripada skim tersebut dalam penyata kewangan akibat daripada kewujudan perubahan-perubahan yang terlibat seperti harga pasaran pada tarikh pembelian semula dan bilangan unit untuk dibeli semula, yang mana ianya belum boleh ditentukan.

7. Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")

Pada 7 Januari 2009, DASB telah memeterai Perjanjian Usaha Sama ("PUS") dengan syarikat anaknya, Bukit Damansara Development Sdn Bhd ("BDDSB") dan pihak ketiga, Impian Ekspresi Sdn Bhd ("IESB"). Menurut kepada PUS, IESB akan memperolehi dan membangunkan Kompleks Pusat Bandar Damansara ("PBD") dan sebidang tanah yang terletak berhampiran. Sebagai balasan, BDDSB berhak untuk menerima wang tunai sebanyak RM500 juta dan;

- (a) 500,000 kaki persegi ruang pejabat di dalam bangunan pejabat, yang akan dibina didalam cadangan pembangunan PBD dan tanah berhampiran;
- (b) Kelayakan menerima ruang pejabat dengan nilai pasaran sebanyak RM200 juta jika pembangunan yang dicadangkan dijalankan di tapak PBD sahaja.

Pada 31 Januari 2011, Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") telah memeterai Perjanjian Tambahan ("PT") dengan IESB, untuk meminda atau menambah fasal kepada Perjanjian Usaha Sama ("PUS"). Menurut PT, semua pihak saling bersetuju bahawa Syarat Terdahulu yang masih belum dipenuhi pada 31 Januari 2011 telah digantung dan telah dijadikan Syarat Seterusnya untuk dipenuhi tidak lewat daripada 28 Februari 2011.

Satu Syarat Seterusnya adalah untuk melaksanakan Perjanjian Jual Beli ("PJB") dengan Kuan Choo Property Management Sdn. Bhd. (pemilik berdaftar dan pemaju VSQI), Malton Berhad (pemilik berdaftar VSQII) dan Pembinaan Gapadu Berhad (pemaju VSQII) untuk melupuskan VSQI dan VSQII sebagai balasan bagi hak untuk mendapat ruang pejabat dengan nilai pasaran sebanyak RM200 juta kepada DASB sebagaimana yang diperuntukkan dalam PUS itu.

Oleh kerana semua Syarat Seterusnya tidak dipenuhi pada atau sebelum tamat tempoh PT pada 28 Februari 2011, PJB tersebut tidak dilaksanakan dan pelupusan hartanah pelaburan adalah terbatal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

7. Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") (sambungan)

Pada 25 November 2012, IESB, Khuan Choo Property Management Sdn Bhd dan Pembinaan Gapadu Berhad ("Plaintif") telah memulakan saman pelaksanaan spesifik terhadap DASB dan syarikat-syarikat anak ("Defendan") atas tuduhan gagal untuk memenuhi Syarat Terdahulu dan Syarat Seterusnya menurut Perjanjian Usaha Sama ("PUS") bertarikh 7 Januari 2009 dan Perjanjian Tambahan bertarikh 31 Januari 2012. Plaintif menuntut ganti rugi berjumlah RM67,633,528 sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada pelaksanaan spesifik. Ini termasuk deposit sebanyak RM50,000,000 yang dibayar oleh IESB kepada syarikat-syarikat anak di bawah PUS. Defendan telah memfailkan pembelaan mereka pada 27 Disember 2012. Syarikat anak telah dimaklumkan bahawa ia mempunyai peluang yang secara relatifnya sama untuk mempertahankan saman itu dan seterusnya tiada peruntukan dibuat untuk tuntutan.

Pada 10 Mei 2013, DASB dan BDDSB telah memeterai satu Perjanjian Jual dan Beli dengan IESB untuk melupuskan hartanah pelaburan di Lot 54325, Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur bagi pertimbangan berikut, berjumlah RM700 juta:

- (a) hak penerimaan tunai RM500 juta;
- (b) hak penerimaan 2 ruang pejabat berjumlah RM200 juta;
 - (i) hak ruang pejabat pertama adalah sebuah bangunan pejabat 20 tingkat di Petaling Jaya, pada nilai RM140 juta; dan
 - (ii) hak ruang pejabat kedua adalah ruang pejabat berkeluasan 80,000 kaki persegi di kawasan pembangunan semula di kompleks PBD.

Pelupusan ini telah diselesaikan pada 29 November 2013.

Pada 11 Disember 2013, IESB telah memperolehi perintah mahkamah daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk rumusan terhadap DASB dan BDDSB ditarik balik dengan tiada perintah dan tiada kos hasil dari penyempurnaan pelupusan tersebut.

8. KPJ Healthcare Berhad ("KPJHB")

- (a) Cadangan pengambilalihan tanah pegangan pajak oleh Pahang Specialist Hospital Sdn Bhd ("PSHSB")

Pada 22 Jun 2011, PSHSB, syarikat anak milik penuh Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd ("KPJSB"), bercadang untuk mengambil alih tanah pajakan 3.12 ekar untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM3,756,750 yang akan dipenuhi melalui terbitan sebanyak 3,756,750 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam PSHSB.

Cadangan pengambilalihan telah selesai pada 3 Mac 2013.

- (b) Cadangan pengambilalihan sebanyak 80% kepentingan ekuiti dalam PT Khidmat Perawatan Jasa Medika ("PT KPJ Medika") oleh KPJSB.

Pada 23 Mac 2012, KPJSB menerima tawaran untuk mengambilalih sehingga 80% kepentingan ekuiti dalam PT KPJ Medika daripada Johor Corporation untuk pertimbangan tunai sebanyak RM15,840,000.

Pada 9 Julai 2012, KPJSB telah memeterai Perjanjian Jualan Saham bersyarat ("SSA") dengan Johor Corporation berhubung dengan cadangan pengambilalihan itu.

Cadangan pengambilalihan itu telah selesai pada 7 Mac 2013.

- (c) Cadangan pengambilalihan oleh Pharmaserve Alliances Sdn Bhd ("PASB") sebuah bangunan pejabat 3 tingkat dengan satu tingkat gudang.

Pada 1 Jun 2012, PASB, syarikat anak milik penuh KPJSB telah mencadangkan untuk mengambilalih sebuah bangunan pejabat 3 tingkat bersama-sama dengan setingkat gudang dari Lewre International Sdn Bhd ("Lewre") dengan pertimbangan pembelian sebanyak RM14,200,000.

Cadangan pengambilalihan tersebut telah selesai pada 16 Januari 2013.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

8. KPJ Healthcare Berhad ("KPJHB") (sambungan)

- (d) Cadangan penjualan dua (2) bidang tanah oleh Puteri Specialist Hospital (Johor) Sdn Bhd ("PSH")
- Pada 8 Ogos 2012, PSH, syarikat anak KPJ, telah mencadangkan untuk melupuskan dua (2) bidang tanah, kedua-duanya terletak di bandar Johor Bahru, Daerah Johor Bahru, Negeri Johor kepada Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar") untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM3,590,000 sepenuhnya dalam wang tunai.

Cadangan pelupusan dijangka siap pada suku kedua tahun 2014.

- (e) Cadangan pengambilalihan sebanyak 100% kepentingan ekuiti di Sri Manjung Specialist Centre ("SMSC") oleh Ipoh Specialist Hospital Sdn Bhd ("ISH")

Pada 12 September 2012, ISH, sebagai sebuah syarikat anak KPJ, dicadangkan untuk mengambil alih 100% kepentingan ekuiti dalam SMSC bersamaan dengan jumlah 900,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu untuk pertimbangan tunai sebanyak RM14,250,000.

Cadangan pengambilalihan itu telah disempurnakan pada 23 Mei 2013.

- (f) Cadangan penggabungan terbitan baru sekuriti KPJ

Pada 29 Julai 2013, Lembaga Pengarah KPJ memaklumkan bahawa KPJ bercadang untuk menjalankan aktiviti yang berikut:

- (i) Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga sehingga 87,937,732 waran baru yang akan diterbitkan selaras dengan Cadangan Terbitan Hak;
- (ii) Penyenaraian dan sebut harga sehingga 329,766,497 saham bonus yang akan diterbitkan selaras dengan terbitan bonus yang dicadangkan;
- (iii) Penyenaraian dan sebut harga sehingga 43,968,866 saham hak yang akan diterbitkan selaras dengan penerbitan hak yang dicadangkan;
- (iv) Penyenaraian dan sebut harga sehingga 2,885,736 waran tambahan yang akan diterbitkan mengikut pelarasan yang dibuat mengikut peruntukan Surat Ikatan Pol 2009 hasil daripada cadangan terbitan bonus dan cadangan terbitan hak;
- (v) Penyenaraian dan sebut harga sehingga 87,937,732 saham baru KPJ untuk diterbitkan selaras dengan pelaksanaan waran baru dan penyenaraian sebut harga iklan sehingga 2,885,736 saham KPJ baru yang akan diterbitkan selaras dengan pelaksanaan waran tambahan;
- (vi) Pertambahan modal saham yang dibenarkan di KPJ daripada RM500,000,000 terdiri daripada 1,000,000,000 saham KPJ untuk RM750,000 yang terdiri daripada 1,500,000,000 saham KPJ; dan
- (vii) Cadangan Pemindaan Memorandum dan Tataurus Pertubuhan KPJ.

Saham baru yang wujud daripada Terbitan Bonus, Terbitan Hak dan Waran Percuma hendaklah dilaksanakan apabila diperuntukkan dan diterbitkan, bertaraf "pari passu" dalam semua aspek.

Perlaksanaan Saham Bonus waran tambahan yang berbangkit daripada Terbitan Bonus telah selesai pada 27 Disember 2013.

Perlaksanaan Saham Hak dan Waran Baru dan juga waran tambahan yang berbangkit daripada Terbitan Hak telah dilaksanakan pada 29 Januari 2014.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

8. KPJ Healthcare Berhad ("KPJHB") (sambungan)

- (g) Cadangan pengambilalihan 100% ekuiti dalam BDC Pakar Hospital Sdn Bhd ("BDC") oleh KPJSB
- Pada 6 November 2013, KPJSB telah memeterai Perjanjian Jualan Saham bersyarat dengan Usaha Cendera Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Usaha Cendera Sdn Bhd) untuk pengambilalihan 2 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam BDC yang bersamaan dengan 100% daripada ekuiti BDC untuk pertimbangan tunai sebanyak RM16,516,144.

BDC adalah pemilik berdaftar bagi semua bidang tanah pegangan pajakan yang digambarkan sebagai Lot 18807 Blok 11 Muara Tebas Land District terletak di Stampin, Kuching, Sarawak seluas lebih kurang 1.918 hektar. Henry Butcher dalam laporan penilaian mereka bertarikh 11 Disember 2012 telah bernilai tanah berdasarkan nilai pasaran RM16,590,000.

Setelah cadangan pengambilalihan itu, BDC akan menjadi syarikat anak milik penuh KPJSB.

Cadangan pengambilalihan ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2014.

- (h) Cadangan pengambilalihan bangunan pejabat bertingkat oleh KPJSB
- KPJSB dan Danaharta Hartanah Sdn Bhd ("DHSB") telah memeterai perjanjian penyewaan pada 11 September 2012 ("Perjanjian Penyewaan") dimana DHSB telah dijamin melalui KPJSB pilihan untuk membeli bangunan pejabat bertingkat dikenali sebagai Menara 238 di No. 238 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pada 10 Oktober 2013, KPJSB telah melaksanakan pilihan untuk membeli dan dengan itu, memeterai Perjanjian Jual dan Beli ("SPA") dengan DHSB bagi jumlah pertimbangan tunai RM206,000,000.

Cadangan pengambilalihan telah selesai pada 10 Februari 2014.

- (i) Perjanjian Ikatan Cadangan yang dibuat antara KPJSB dan Father of the Nation Bangabandhu Sheikh Mujibur Rahman Memorial Trust ("FNBSMR")

KPJSB pada 18 November 2013 telah memeterai Surat Ikatan Perjanjian dengan FNBSMR untuk memajak bangunan hospital 250 katil yang dikenali sebagai "Memorial Hospital Pakar KPJ Hospital Sheikh Fazilatunnessa Mujib" yang didirikan di atas sebidang tanah yang terletak kira-kira 50 kilometer dari Dhaka, Bangladesh. Bangunan hospital dibina dengan kos Tk2.15 bilion (bersamaan dengan RM87.5 juta).

Selaras dengan perjanjian itu, KPJSB syarikat penamanya KPJ Healthcare (Bangladesh) Private Limited ("KPJHBPL"), syarikat anak KPJSB di Bangladesh, akan menjadi pengendali berlesen daripada hospital tersebut. KPJHBPL akan ditubuhkan setelah memenuhi Syarat Terdahulu.

Cadangan pengambilalihan ini dijangka siap pada suku kedua tahun 2014.

9. Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar") dan syarikat anak

- (a) Sukuk Ijarah - Nota Jangka Sederhana Islam sebanyak RM268,500,000, yang pertama kali dikeluarkan pada tahun 2008 oleh syarikat tujuan khas milik dana, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd, telah berjaya ditebus pada bulan 6 Februari 2013. Selepas itu, pada 22 Februari 2013, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd telah menebus Sukuk Ijarah - Surat Perdagangan Islam sebanyak RM12,000,000. Penebusan itu telah dibiayai oleh pinjaman penyambung sebanyak RM280,000,000 yang diperolehi daripada institusi kewangan.
- (b) Pada 26 April 2013, pada Mesyuarat Agung Luar Biasa, pemegang unit dana telah meluluskan yang berikut:
- (i) Cadangan penubuhan yuran pelupusan 0.5% daripada harga pelupusan mana-mana hartat tanah pelaburan yang akan dilupuskan secara langsung atau tidak langsung oleh dana yang perlu dibayar apabila selesai penjualan; dan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya (Sambungan)

41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

9. Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar") dan syarikat anak (sambungan)

- (b) Pada 26 April 2013, pada Mesyuarat Agung Luar Biasa, pemegang unit dana telah meluluskan yang berikut (sambungan):
 - (ii) Cadangan pindaan dan penyatuan Surat Ikatan Amanah dan Surat Ikatan Tambahan Amanah ke dalam Pindaan Surat Ikatan Amanah. Pindaan Surat Ikatan Amanah telah dilaksanakan pada 31 Julai 2013 dan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti pada 11 November 2013.
- (c) Pada 6 Mei 2013 dan 5 Ogos 2013, Kumpulan Al-'Aqar melalui syarikat anak, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd, telah menerbitkan Nota Jangka Sederhana Islam dibawah Program Sukuk Ijarah yang baru RM374,000,000 dan RM281,000,000 masing-masing pada nilai nominal sehingga RM1,000,000,000. Kemudahan tersebut dicagar melalui caj perundangan pihak ketiga di atas hartanah pelaburan milik dana.

42. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN UNTUK DITERBITKAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah mendapat kelulusan untuk diterbitkan selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah pada 6 Mac 2014.

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT- SYARIKAT USAHASAMA

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS				
A MINYAK SAWIT				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF				
Dami Australia Pty Ltd	Penanaman kelapa sawit, kelapa dan pembiakan lembu	Australia	27.10	27.19
EPA Management Sdn Bhd	Pemegang pelaburan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perunding peladangan	Malaysia	55.34	55.53
Kula Palm Oil Limited	Penanaman dan pemprosesan kelapa sawit	Papua New Guinea	21.68	21.75
Kulim (Malaysia) Berhad #	Perladangan kelapa sawit, pemegang pelaburan dan hartanah	Malaysia	55.34	55.53
Kulim Energy Sdn Bhd	Pemegang pelaburan dan perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
Kulim Plantations (Malaysia) Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
Kumpulan Bertam Plantations Berhad	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	52.29	52.47
Mahamurni Plantations Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
New Britain Nominees Limited	Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi pemilikan saham New Britain Palm Oil Ltd	Papua New Guinea	27.10	27.19
New Britain Oils Limited	Kilang penapis	United Kingdom	27.10	27.19
New Britain Palm Oil Limited \$	Perladangan kelapa sawit	Papua New Guinea	27.10	27.19
New Britain Plantation Services Pte Ltd	Penjualan tunas biji sawit	Singapura	27.10	27.19
Plantation Contracting Services Limited	Kontrak kerja-kerja tanah dan projek pembuatan jalan	Papua New Guinea	27.10	27.19
Poliamba Ltd	Penanaman kelapa sawit	Papua New Guinea	21.68	21.75
Pristine Bay Sdn Bhd	Pemegang pelaburan	Malaysia	77.22	77.32
PT Trimitra Kulim Agro Persada	Perkhidmatan pengurusan	Indonesia	55.34	55.53

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

(SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)				
Ramu Agri-Industries Limited	Penanaman kelapa sawit, tebu dan pengeluar lain-lain hasil pertanian	Papua New Guinea	27.10	27.19
Guadalcanal Plains Palm Oil Limited	Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi New Britain Palm Oil Ltd	Solomon Islands	21.68	21.75
Kulim Livestock Sdn Bhd	Pembiakan dan jualan lembu	Malaysia	55.34	55.53
JTP Montel Sdn Bhd	Penanaman pisang	Malaysia	55.34	55.53
JTP Trading Sdn Bhd	Perdagangan buah-buahan tropika	Malaysia	55.34	55.53
KCW Electrical Sdn Bhd	Perkhidmatan pemasangan elektrik	Malaysia	41.51	41.65
KCW Hardware Sdn Bhd	Pembekal perkakasan	Malaysia	41.51	41.65
KCW Kulim Marine Services Sdn Bhd	Penyelenggaraan marin	Malaysia	41.51	41.65
Kulim Topplant Sdn Bhd	Pengeluaran klon kelapa sawit	Malaysia	33.20	33.32
Selai Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
SIM Manufacturing Sdn Bhd	Pengilang dan wakil penjual pelbagai jenis produk getah dan barangan yang diperbuat daripada getah	Malaysia	49.81	49.98
The Secret of Secret Garden Sdn Bhd	Pemasaran dan perniagaan barangan penjagaan peribadi	Malaysia	55.34	55.53
Ulu Tiram Manufacturing Company (Malaysia) Sdn Bhd	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
United Malayan Agricultural Corporation Berhad	Perladangan kelapa sawit	Malaysia	55.34	55.53
Cita Tani Sdn Bhd	Penanaman tebu	Malaysia	55.34	55.53
Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd	Perkhidmatan dan latihan OSHA	Malaysia	55.34	55.53
Nexol (Malaysia) Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	55.34	55.53
Panquest Ventures Limited	Aktif	British Virgin Island	55.34	55.53

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

(SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)				
Pembangunan Mahamurni Sdn Bhd	Pegangan pelaburan	Malaysia	55.34	55.53
Danamin (M) Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	33.20	-
DQ In Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	33.20	-
XCot Tech Sdn Bhd	Aktif	Malaysia	33.20	-
SYARIKAT-SYARIKAT DORMAN				
Dumpu Limited	Pemegang hartanah	Papua New Guinea	27.10	27.19
EPA Futures Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.34	55.53
KCW Roadworks Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	41.51	41.65
Skellerup Foam Products (Malaysia) Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.34	55.53
Skellerup Industries (Malaysia) Sdn Bhd	Syarikat induk dan pengilangan produk getah	Malaysia	55.34	55.53
Skellerup Latex Products (M) Sdn Bhd	Dorman	Malaysia	55.34	55.53
QSR Brands Bhd	Pegangan pelaburan & perkhidmatan pengurusan	Malaysia	55.34	31.86
QSR Ventures Sdn Bhd	Pegangan pelaburan	Malaysia	55.34	31.86
Exquisite Livestock Sdn Bhd	Penternakan lembu komersial	Malaysia	55.34	55.53
B HARTANAH				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF				
Advance Development Sdn Bhd	Pemaju hartanah	Malaysia	100.00	100.00
Damansara Realty Berhad #	Pemegang pelaburan, pembinaan dan pengurusan projek	Malaysia	60.40	60.08
Damansara Realty (Johor) Sdn Bhd	Pemaju hartanah	Malaysia	60.40	60.08

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

(SAMBUNGAN)

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Negara diperbadankan	Kepentingan Efektif Kumpulan	
			2013 %	2012 %
1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)				
B HARTANAH (SAMBUNGAN)				
SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)				
